Bil. 23

Rabu
12 Disember 2012

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA

PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 2013 (Halaman 26)

USUL:
Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 26)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN Malaysia
2012

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. " Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. " Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. " Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. " Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
8. " Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Luar Negeri I*
9. " Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan I*
10. " Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. " Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
12. " Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. " Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. " Datuk Chiw Tiang Chai (Dilantik)
16. " Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. " Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan II*
18. " Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
19. " Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Senator – Timbalan Menteri Belia dan Sukan II*"
20. " Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
21. " Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
22. " Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menter*
23. " Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
24. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
25. " Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
26. " Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
27. " Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. " Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. " Tuan Lihan Jok (Sarawak)
30. " Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
31. " Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
32. " Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz – *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
33. " Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)

34. Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator - Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
35. " Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Sumber Manusia*
36. " Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
37. " Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
38. " Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
39. " Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
40. " Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
41. " Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
42. " Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
43. " Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
44. " Datuk Seri G. Palanivel (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
45. " Datuk Pau Chiong Ung (Dilantik)
46. " Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator – Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
47. " Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
48. " Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
49. " Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
50. " Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
51. " Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
52. " Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
53. " Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
54. " Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
55. " Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
56. " Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
57. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
58. " To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad
Hazwani Zarifah binti Anas
Mohd. Zaidi bin Mahmood

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 12 Disember 2012

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, apakah bentuk pemantauan yang diambil oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) terhadap mana-mana syarikat yang melanggar Akta Syarikat 1965 terutamanya yang melibatkan keselamatan negara seperti isu SUARAM yang jelas menerima dana asing dalam menjalankan aktivitinya sebagai sebuah NGO yang tidak berdaftar dan berselindung di sebalik pendaftaran Suara Inisiatif Sdn. Bhd. (SISB).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai pengawal selia Akta Syarikat 1965 (AS1965), Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dan akta-akta lain yang berkaitan sentiasa memantau syarikat-syarikat dan perniagaan di Malaysia agar pihak-pihak yang berkaitan mengamalkan tadbir urus korporat yang terbaik. Termasuk mengambil tindakan penguatkuasaan dan undang-undang terhadap syarikat dan pengarah yang gagal mematuhi kehendak undang-undang yang dikawal selia oleh SSM. Dalam hal ini, bidang kuasa SSM hanya terhad kepada mengawal selia undang-undang yang berkaitan di atas. SSM tidak mempunyai bidang kuasa seliaan terhadap pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan juga terhadap perkara berkaitan penerimaan dan kemasukan dana asing ke dalam NGO, syarikat-syarikat dan juga perniagaan di Malaysia.

Berkaitan apakah bentuk pemantauan yang diambil oleh SSM terhadap syarikat di Malaysia. SSM memantau isu pematuhan terhadap Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 melalui beberapa kaedah yang dilaksanakan secara proaktif dan reaktif seperti berikut. Aktiviti penguatkuasaan secara proaktif:

(i) pemantauan rutin melalui data di dalam sistem maklumat syarikat dan perniagaan;

(ii) pemantauan melalui pemeriksaan rutin ke alamat berdaftar syarikat dan premis perniagaan;

(iii) pemantauan melalui media, sebagai contoh melalui akhbar dan *internet*; dan

(iv) semakan terhadap dokumen-dokumen yang wajib diserah simpan dengan SSM termasuk penyata tahunan dan penyata kewangan syarikat.

Aktiviti penguatkuasaan secara reaktif pula, aduan dan laporan yang diterima oleh SSM melalui kaunter aduan, surat, laporan akhbar dan laman sesawang rasmi SSM daripada pihak-pihak yang berkaitan dan rujukan daripada lain-lain agensi pengawal selia.

Tuan Yang di-Pertua, manakala isu berkaitan penerimaan dana asing oleh SUARAM iaitu sebuah badan yang tidak berdaftar dan mengelar dirinya sebagai NGO ialah di luar bidang kuasa SSM. SSM hanya mempunyai bidang kuasa penguatkuasaan terhadap Suara Inisiatif Sdn. Bhd. (SISB) iaitu sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 yang didakwa mempunyai kaitan dengan SUARAM. Dalam menangani isu SISB, SSM telah mengambil tindakan segera sebaik sahaja kenyataan akhbar berkaitan berkenaan perkara di atas dibuat oleh Jaringan Melayu Malaysia (JMM) pada 2 Julai 2012. SISB telah disiasat oleh SSM di bawah Akta Syarikat 1965. Skop siasatan SSM ke atas SISB adalah berhubung kesalahan-kesalahan berikut:

(i) seksyen 169(14) Akta Syarikat 1965, penyata untung rugi syarikat tidak memberi gambaran adil dan saksama (*true and fair view);*

(ii) seksyen 364(2) Akta Syarikat 1965, membuat pernyataan palsu atau mengelirukan dalam penyata kewangan syarikat yang diserah simpan dengan SSM; dan

(iii) seksyen 132(1) Akta Syarikat 1965, pelanggaran tanggungjawab *fiduciary* oleh pengarah-pengarah SISB. Siasatan tersebut telah diselesaikan dan kertas siasatan telah di taklimat dan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara dengan cadangan supaya tindakan pendakwaan dimulakan terhadap pengarah-pengarah SISB bagi kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mempersilakan soalan tambahan pertama, Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab sebahagian daripada soalan yang saya tujukan. Ternyata kuasa mendakwa dan sebagainya tidak ada pada kementerian yang berkenaan. Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian tentang sebuah rencana yang ditulis dalam akhbar *The Star* pagi semalam oleh Dr. Chandra Muzaffar, *"Funding a foreign agenda"*.

■1010

Rencana ini jelas menunjukkan bahawa ada wujudnya kemasukan dana asing kepada pertubuhan-pertubuhan NGO dalam negara kita ini. Ini pengakuan yang jelas seperti BERSIH dan juga Parti Keadilan Rakyat melalui musuh ketat nombor satu negara kita satu ketika dulu iaitu George Soros...

Dr. Syed Husin Ali: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini ada, nanti sekejap. Biar dia habiskan dulu pertanyaan.

Dr. Syed Husin Ali: Ini penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Syed Husin Ali: Penjelasannya ialah tadi disebut bahawa ada pengakuan BERSIH dan Parti Keadilan tentang penerimaan...

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat, habiskan dulu, nanti saya jemput Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat dulu.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Soalan saya ialah bolehkah kerajaan mewujudkan satu atau bercadang mewujudkan satu undang-undang khas dengan kerjasama Bank Negara Malaysia agar mana-mana NGO yang ingin memohon dana dari luar negara, wakil kementerian dan Bank Negara Malaysia berhak membuat penilaian terlebih dahulu individu atau organisasi yang ingin memberikan dana tersebut.

Ini termasuk membuat pengisytiharan secara rasmi di laman-laman web dan di dada-dada akhbar supaya rakyat dimaklumkan sumber dana serta tujuannya. Ini supaya mana-mana NGO menerima dana daripada mana-mana pihak yang mempunyai rekod yang baik dan tidak dilihat mempunyai sebarang agenda tersembunyi yang diragui. Kita bimbang sekiranya ada NGO-NGO yang menerima dana dari organisasi atau individu yang kita curigai keikhlasannya itu akhirnya menjadi alat kumpulan tertentu untuk merosakkan keharmonian negara. Mohon pandangan kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dalam prosedurnya setakat ini tidak benarkan bagi penjelasan. Kalau boleh, kalau ada Yang Berhormat hendak bangkitkan nanti, apabila jawapan-jawapan dari Yang Berhormat Menteri tadi, Yang Berhormat boleh buat penjelasan itu. Sekarang ini dalam konteks ini, soalan tambahan itu dibukakan oleh Yang Berhormat itu dan minta dijawab oleh Yang Berhormat Menteri sahaja dulu.

Dr. Syed Husin Ali: Ini berdasarkan maklumat yang tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti Yang Berhormat ulaslah kemudian. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Tan Lian Hoe: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Berkaitan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi sama ada pihak kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu undang-undang untuk melihat kemasukan dana asing melalui undang-undang ini. Pihak kementerian KPDNKK akan menerima cadangan Yang Berhormat untuk kita sama-sama bincang bersama dengan Bank Negara Malaysia untuk kita pastikan bahawa NGO-NGO atau mana syarikat yang menerima dana asing ini supaya mereka dapat *declare* berapa banyak dana asing yang mereka terima dan juga cara penggunaan mereka. Sekian terima kasih.

2. Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, perancangan kerajaan bagi memastikan negara dapat melahirkan ahli sukan yang berkualiti dan bertaraf dunia memandangkan peranan sukan di dalam pembinaan semangat nasionalisme dan perpaduan rakyat.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh,* salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang serius dan sentiasa mengambil berat akan pencapaian atlet negara di persaingan antarabangsa. Maka bagi mencapai hasrat tersebut, usaha untuk melahirkan lebih ramai ahli sukan negara yang berkualiti dan bertaraf dunia perlu dijalankan secara tersusun. Manakala pembangunan atlet di peringkat akar umbi yang tersusun adalah amat mustahak. Dalam masa yang sama menggalakkan budaya bersukan di kalangan rakyat juga boleh menyumbang kepada usaha ini di samping penglibatan pelbagai pihak termasuk melalui Majlis Sukan Negeri-negeri, Persatuan Sukan Kebangsaan, kementerian dan agensi-agensi kerajaan, pihak swasta serta peranan yang dimainkan oleh ibu bapa itu sendiri.

Antara program-program yang diperkenalkan oleh kerajaan yang bermula dari peringkat akar umbi sehingga program latihan atlet elit negara adalah seperti berikut:

(i) Dasar 1Murid 1Sukan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia;

(ii) Dasar Sukan untuk semua yang dikendalikan oleh Kementerian Belia dan Sukan;

(iii) Program Pengenalpastian Bakat di bawah Institut Sukan Negara;

(iv) Program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah;

(v) Program Sekolah Sukan Negeri;

(vi) Program Sekolah Sukan Malaysia; dan

(vii) Program Pelapis dan Program Latihan Atlet Elit Majlis Sukan Negara.

Namun begitu, terdapat beberapa aspek serta penekanan lain selain latihan dan pencapaian pencarian bakat ini perlu juga diadakan termasuk aspek pendedahan iaitu peluang untuk bertanding yang diperoleh atlet, aspek disiplin dan kekuatan mental bagi memastikan atlet negara berada dalam keadaan berdaya saing dan berkemahiran serta semangat jati diri dan nasionalisme yang tinggi terhadap negara juga bakal menjamin pencapaian dan kualiti seseorang atlet.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan itu. Selain daripada meninggikan semangat nasionalisme dan perpaduan, sukan juga boleh menjadi alat untuk mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. Sementara kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah pada Datuk Lee Chong Wei dan Datuk Nicol David kerana mencapai taraf nombor satu dalam dunia dalam sukan badminton dan skuasy tetapi dua sukan ini malangnya tidak dapat liputan *prime time* seluas-luasnya seperti tenis dan golf dalam rancangan ESPN atau *CNN World of Sports* misalnya.

Soalan saya ialah, pada pendapat Yang Berhormat mengapakah negara tidak dapat mengeluarkan pemain-pemain tenis dan golf bertaraf dunia seperti Tiger Woods dan Mac Roy atau sekurang-kurangnya Thongchai Jaidee atau K.J. Choi? Apakah tindakan kerajaan untuk menyediakan pemain-pemain tenis dan golf untuk Olimpik 2016 di Brazil nanti?

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Terima kasih atas perkara yang dibangkitkan. Ada beberapa perkara yang mungkin saya boleh sentuh Tuan Yang di-Pertua iaitu yang pertama kita boleh lihat kenapa liputan tenis dan golf lebih luas. Sebenarnya kalau boleh saya tambah, hadiah kemenangan tenis dan golf pun jauh lebih besar. Ada yang mengatakan sebab pakaian yang digunakan dan sebagainya tidak, saya tidak mahu sentuh yang itu. Saya hendak sentuh ini membuktikan bahawa kuasa penajaan memainkan peranan yang sangat besar dalam menentukan satu-satu jenis sukan juga.

Maknanya dalam sukan golf dan tenis ini, syarikat-syarikat yang bersama dalam kejohanan-kejohanan tersebut berbanding dengan badminton dan skuasy adalah jauh lebih berkemampuan untuk membuat penajaan yang cukup besar. Jadi, saya setuju dengan kenyataan Yang Berhormat bahawa kita perlu membuat persiapan dalam mengeluarkan atlet dalam dua bidang sukan ini. Pertama, perlu saya nyatakan bahawa mengikut dasar pembangunan sukan negara, kita hanya memberi tumpuan kepada 19 jenis sukan teras. Kebetulan 19 ini tidak termasuk golf dan tenis. Ini tidak bermakna kita tidak memberikan langsung peluang kepada sukan-sukan lain seperti bola jaring, bola tampar, bola keranjang dan sebagainya, tidak.

Sebanyak 19 sukan teras ini disandarkan kepada pencapaian semasa atlet negara sekarang. Maknanya mereka mempunyai peluang untuk mendapat pingat temasya sukan, ia kerana negara kita kecil *base* atlet kita tidak besar, jadi kita tidak boleh tengok semua jenis sukan. Kita ada lebih 40 persatuan sukan. Namun begitu, disebabkan sukan Olimpik akan mengambil kira kejohanan golf, sudah tentu ia menjadi satu pertimbangan kita dan kita telah pun memulakan inisiatif bersama dengan kelab-kelab golf kita untuk mencungkil bakat dalam bidang sukan ini.

■1020

Budaya bersukan di kalangan rakyat banyak menyumbang Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tidak ramai orang bermain sukan tersebut, maka memang susah untuk kita mencungkil bakat. Sebab itu kita menggalakkan budaya bersukan di kalangan rakyat dan di peringkat IPT pun sudah mula membuat kejohanan pertandingan golf kerana peratusan mengikut kajian kementerian, peratusan rakyat kita yang bersukan yang usia atas 18 tahun hanya sekitar 34 peratus sahaja.

Manakala bagi mereka yang berusia 15 tahun hingga 18 tahun, hanya sekitar 22 peratus sahaja. Ini adalah peratusan yang sangat rendah untuk kita bandingkan dengan negara-negara maju. Jadi, kita harap dalam masa-masa yang ada sebelum Olimpik akan datang 2016, kita dapat mempertingkatkan juga penglibatan rakyat dalam bidang sukan selain daripada kesihatan, kita dapat mencungkil bakat-bakat dalam jumlah yang lebih besar. Tidak boleh kita hanya melihat kepada lima, enam orang pemain ataupun dalam sukan golf untuk kita jadikan dia seorang jaguh yang boleh kita banggakan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalan tambahan. Silakan Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah tentang Pandelela Rinong merupakan wanita yang pertama di Malaysia yang memperoleh pingat gangsa dalam sukan terjunan 10 meter platform Olimpik. Saya hendak tanya ialah apakah tindakan yang lebih spesifik yang akan diambil oleh kementerian untuk mempertingkatkan prestasi sukan terjun papan ini pada masa yang akan datang? Terima kasih.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Kita sangat seronok kalau kita dapat melahirkan jaguh dalam satu jenis sukan. Ini kerana ia salah satu faktor untuk menggalakkan penglibatan yang lebih tinggi. Contoh, waktu kita menang Piala Thomas tahun 1949 dan waktu kita menang Piala Thomas saya rasa waktu itu Tanah Melayu dan waktu Malaysia menjadi juara Piala Thomas tahun 1992 tidak silap saya, semua orang bermain badminton. Tumbuh bagai cendawan pusat-pusat bermain badminton. Serupa juga dalam acara-acara berbasikal dan sebagainya.

Pandelela Rinong sudah menjadi satu fenomena yang akhirnya dapat melahirkan lebih banyak minat di kalangan rakyat untuk menceburi bidang akuatik khususnya dalam bidang terjun. Kerajaan telah pun membuat keputusan untuk membina prasarana khusus dalam acara terjun disebabkan kejayaan Pandelela ini dan ini adalah salah satu daripada hasrat kita untuk memberi pengiktirafan kepada sukan terjun yang telah memberi pingat di sukan Olimpik. Kita percaya bahawa akan lebih ramai lagi atlet-atlet dalam sukan ini.

Kedua, kita juga akan memberi pendedahan untuk para atlet pelapis dan yang baru dari segi corak latihan sebenar oleh jurulatih-jurulatih pakar dari luar dalam bidang ini, termasuk penghantaran mereka untuk berlatih di luar negara. Jadi, kita harap sukan terjun telah pun mula memberikan pingat selain daripada badminton, kita percaya dalam masa akan datang sukan ini akan dapat kita kembangkan dan tidak mustahil untuk kita dapat pingat yang lebih baik daripada gangsa dalam sukan-sukan Olimpik akan datang. Terima kasih.

3. Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta Perdana Menteri menyatakan, apakah kerajaan masih mengekalkan Dasar Pandang ke Timur yang diperkenalkan pada tahun 1982, jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memenuhi matlamat tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin atas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpandangan bahawa pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur (DPT) wajar dikekalkan kerana telah banyak memberikan manfaat kepada negara khasnya dalam pembangunan modal insan bukan sahaja dari segi akademik, tetapi juga pembentukan sahsiah dan jati diri. Malah hubungan baik antara Malaysia, Jepun dan juga negara Korea yang telah terjalin sejak sekian lama memberi banyak manfaat kepada negara dalam pelbagai sektor khasnya pendidikan dan ekonomi. Jabatan Perkhidmatan Awam telah dipertanggungjawabkan untuk mengatur, menyusun dan menjalankan program-program latihan dan kemahiran selaras dengan matlamat DPT ini.

Bagi memenuhi matlamat DPT dalam aspek latihan dan pembangunan modal insan, kerajaan akan meneruskan program penghantaran pegawai-pegawai awam serta pelajar-pelajar ke negara Jepun dan Korea untuk mengikuti latihan sama ada dalam bentuk akademi di institusi-institusi pengajian tinggi atau *on-job training,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, di syarikat-syarikat dan institusi awam di negara berkenaan.

Di samping itu, penajaan dan latihan dalam bidang-bidang baru berasaskan pengetahuan dan juga berteknologi tinggi seperti teknologi hijau, tenaga diperbaharui, bioteknologi, teknologi nano, dan teknologi maklumat dan komunikasi turut akan diberi penekanan dan dijadikan sasaran baru DPT di masa akan datang. Selain pendedahan dalam teknologi terkini, DPT turut memberi pendekatan kepada nilai-nilai murni dan positif seperti unsur-unsur ketekunan dan disiplin serta kemahiran teknologi. Secara langsung dan tidak langsung menjadi penyumbang dalam menarik minat pelabur Jepun dan Korea untuk melabur di negara kita. Selain daripada itu, keupayaan ramai graduan Malaysia lulusan dari Jepun dan juga Korea yang boleh menguasai bahasa kebangsaan, negara tersebut merupakan antara faktor tarikan syarikat-syarikat dari negara-negara tersebut untuk melabur di negara kita.

Objektif pewujudan DPT adalah bagi membolehkan masyarakat kita memahami, menghayati dan juga menerapkan nilai-nilai etika serta budaya kerja rakyat Jepun dan Korea yang baik dan positif. Mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran teknologi serta mempelajari sistem pengurusan dan organisasi negara-negara maju di Timur yang seterusnya boleh meningkatkan produktiviti serta menyumbang ke arah kemajuan negara. Kejayaan DPT dalam penyediaan tenaga kerja mahir dan profesional yang berkelayakan juga tidak dinafikan. Ini terbukti apabila graduan lulusan Jepun dan Korea sentiasa menjadi rebutan syarikat-syarikat Jepun dan Korea dan multinasional di negara kita. Hasil kajian dari *International Research Foundation for Development* dengan izin, sebuah institut di Jepun antara lain mendapati kebanyakan majikan bersetuju bahawa DPT iaitu Dasar Pandang ke Timur telah berjaya membangunkan modal insan yang tekun, rajin dan berdisiplin dalam kerja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah telah ditubuhkan Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun (MAJECA) dan juga Persatuan Ekonomi Jepun-Malaysia (JAMECA). Pertanyaannya ialah adakah persatuan yang semacam ini ditubuhkan bersama dengan Korea supaya memastikan hubungan ekonomi dalam DPT ini dapat digerakkan lebih agresif lagi.

Keduanya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam satu kenyataan menekankan bahawa dalam Dasar Pandang ke Timur ini, PKS hendaklah diberi peranan yang lebih supaya dapat manfaat dan meningkatkan lagi kualiti dan kuantiti daripada PKS ini dalam merealisasikan hubungan dua hala ini. Apakah tindakan kerajaan untuk meningkatkan taraf PKS ini sehingga dapat berdaya saing di peringkat ekonomi dengan kedua-dua negara tersebut? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator dalam soalan tambahan ini. Ya, sememangnya Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak telah pun menegaskan bahawa dasar DPT ini memang akan berterusan dalam tiga sektor iaitu dalam PKS seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi dan juga dalam *new high capacity technology*, teknologi yang berimpak tinggi dan juga dalam pendidikan.

Dalam PKS kita dapat lihat bahawa kerajaan memang sentiasa memberi dorongan kepada PKS ini daripada banyak pertamanya daripada pinjaman dan *loan* PKS kepada mereka dan juga kepada mereka mengenai inisiatif-inisiatif yang telah pun diberikan daripada pihak MITI iaitu Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dan juga industri Malaysia.

■1030

Buat setakat ini, kerajaan amatlah gembira kerana dalam projek yang telah pun dilaksanakan ini, kita telah pun dapat menarik begitu banyak pelabur daripada negara Jepun dan kini telah pun meningkat kepada USD3.2 bilion dalam FDI kita. Ini merupakan satu FDI yang tertinggi sejak tahun 1980. Dari situ kita dapat lihat bahawa bagaimana kejayaan dasar ini sejak ia dimulakan 30 tahun yang lalu oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir.

Saya yakin keadaan ini akan berkembang kepada negara Korea, dan persatuan yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat itu saya rasa memanglah sesuai untuk diperkembangkan juga kepada pihak Korea dan seterusnya. Saya amatlah gembira dapat dengar daripada Yang Berhormat ini yang bersetuju bahawa dasar ini telah pun memberikan kejayaan kepada kita di negara ini. Itu sahaja. Sekian.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, tadi disebutkan bahawa Dasar Pandang ke Timur memberikan nilai-nilai murni. Apakah prinsip-prinsipnya? Kedua, selain daripada nilai murni, apakah keuntungan dari segi perdagangan antara Malaysia dengan Jepun dan Korea? Ketiga, berapa ramaikah warga Malaysia yang dapat belajar di Korea dan Jepun semenjak ianya diperkenalkan pada tahun 1982?

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, bahawa prinsipal-prinsipal yang telah pun kita ketahui daripada negara Jepun ini ialah mengenai etika kerja mereka yang saya difahamkan bahawa termasuk lima prinsip utama iaitu:

(i) *seiri* iaitu dalam bahasa Jepun yang mana bermaksud sisih, di mana mereka mengamalkan prinsipal mengasingkan barang-barang yang tidak diperlukan lagi dalam sektor pekerjaan mereka;

(ii) *seiton* atau susun iaitu menyusun barang-barang dengan teratur;

(iii) *seiso* atau sapu iaitu bersihkan tempat kerja dengan rapi;

(iv) *seiketsu* atau seragam iaitu memelihara taraf penjagaan keselamatan dalam tempat kerja kita; dan

(v) *shituske* iaitu sentiasa amal di mana kita latih pekerja-pekerja kita mematuhi peraturan-peraturan penjagaan dengan baik.

Jadi, atas prinsipal-prinsipal inilah yang telah pun menjayakan warganegara Jepun. Apabila kita lihat apa yang telah pun dikatakan oleh Tun Dr. Mahathir apabila beliau melawat Jepun, beliau telah pun mengatakan itu pada tahun 1961. Pada masa itu Jepun telah pun selamat daripada peperangan dunia yang berlalu 16 tahun yang lalu ketika itu. Jadi, pada tahun itu beliau kata telah pun nampak peraturan dan juga kerjasama yang begitu kuat dan disiplin-disiplin daripada pekerja-pekerja Jepun untuk membangunkan negara Jepun pada tahun 1961.

Selepas itu, pada hari ini kita dapat lihat bagaimana kejayaan negara Jepun ini sekiranya dibandingkan dengan negara-negara lain, negara-negara yang membangun yang telah pun kita katakan tertinggal dalam zaman pembangunan. Jadi, kita dapat hargailah pandangan dan juga visi Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir ini yang merupakan mantan Perdana Menteri kita yang begitu dalam visinya dapat melihat bahawa kejayaan negara Jepun ini boleh memanfaatkan negara kita. Kini, kita dapat lihat bahawa ini telah pun membawa banyak pelaburan yang seperti saya katakan tadi.

Selain daripada itu, saya difahamkan bahawa Perdana Menteri yang kita ada pada hari ini telah pun meluluskan lebih kurang USD578 bilion projek dan juga projek yang melibatkan *penal source energy Malaysia-Aberdeen* dalam lingkungan USD906 bilion, dan juga USD63 *million* dalam *high quality integrated hub* di Selangor. *Toyota Motor Corporation* juga telah pun melabur lebih kurang USD300 *million*.

Jadi, ini menunjukkan bahawa dasar yang kita telah pun amalkan sejak 30 tahun lalu telah pun memberikan keyakinan kepada negara Jepun untuk terus melabur di negara kita ini. Jadi, itulah kejayaannya yang kita patut uar-uarkan kepada rakyat kita. Sekian, terima kasih.

4. Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah Terminal Feri Jabatan Laut Kuala Perlis yang sering mengalami masalah feri untuk berlabuh disebabkan dasar laut cetek akibat pemendapan lumpur.

Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan sememangnya sedia maklum akan masalah pemendapan yang berlaku di Terminal Feri Kuala Perlis. Oleh yang demikian, kementerian melalui Jabatan Laut Malaysia sering menjalankan kerja-kerja pengerukan di kawasan berkenaan bagi mengatasi masalah yang dihadapi. Kerja-kerja pengerukan terbaru telah disempurnakan pada bulan Mac tahun 2011.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian sentiasa meneliti kaedah yang bersesuaian bagi memastikan kedalaman air di Kuala Perlis sentiasa berada di tahap optimum dan selamat untuk pelayaran kapal-kapal. Sekian.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan ringkas sangat ya. Kenapa Jabatan Laut tidak mengadakan penyelenggaraan ataupun *maintenance schedule* seperti mana yang dilakukan di negara jiran iaitu di Satun, Thailand? Mereka sentiasa buat.

Kedua, yang ini minta dengar betul-betul ya. Pada tahun 1983 hingga tahun 1984, *Japan International Cooperation Agency* (JICA) telah menyediakan kajian, *"The Study of The Perlis Port Development Project",* dengan izin, dan peruntukan sebanyak RM120 juta telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Semasa membina terminal feri di Jabatan Laut Kuala Perlis, mengapa cadangan JICA dari segi lokasi, reka bentuk yang telah berdasarkan keadaan semula jadi sungai atau muara Sungai Perlis, keadaan ombak, arus laut dan arus sungai, keadaan pantai dan pemendapan lumpur tidak diambil kira oleh Jabatan Laut di mana kesannya kini telah menyebabkan pemendapan lumpur sehingga sekarang? Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang berterima kasih ke atas pendapat daripada Yang Berhormat kerana kita prihatin sangat.

■1040

Yang Berhormat, jadual untuk mengeruk ini adalah dibuat tiga tahun sekali dan apabila kita buat pengerukan ini dalam yang maksimumnya adalah empat meter. Selepas itu oleh kerana *flush out* daripada *mainland* yang sangat tinggi iaitu 0.8 meter pada satu tahun, jadi ini menyebabkan apa yang kita buat pengerukan kedalamannya empat meter ini telah berubah. Jadi, kita senantiasa memberi perhatian kepada ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, satu pengerukan ini akan menggunakan kos RM9.2 juta tiap-tiap kali ia dibuat. Selain daripada itu Yang Berhormat, usaha kementerian untuk menambah baik kemudahan-kemudahan di Terminal Feri Kuala Perlis telah pun dipertingkatkan dengan menambah kemudahan-kemudahan seperti mewujudkan sistem penghawa dingin berpusat di ruangan menunggu terminal contohnya. Jadi, soalan-soalan Yang Berhormat yang lain tadi berkaitan dengan jumlah wang yang tidak dipakai ini, itu saya kena rujuk kepada kementerian dan akan memberi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

5. Dato' Boon Som a/l Inong minta Perdana Menteri menyatakan, jumlah rakyat Malaysia yang bertugas di luar negara mengikut sektor serta sejauh manakah kejayaan usaha untuk menarik rakyat Malaysia yang bertugas di luar negara kembali berkhidmat dan menyumbangkan khidmat mereka di negara ini.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat tetapi izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Boon Som a/l Inong bersama dengan soalan Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim dan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat yang dijadualkan dijawab pada 19 dan 20 Disember 2012 kerana menyentuh mengenai perkara dan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan memandang serius isu *brain drain*. Berdasarkan Laporan *Malaysian Economic Monitor: Brain Drain* yang diterbitkan oleh Bank Dunia pada April 2011 kira-kira 1 juta rakyat Malaysia sedang menetap di luar negara, yang mana seorang daripada setiap tiga yang bekerja di luar negara berkepakaran tinggi. Kerajaan juga sedar juga bahawa terdapat *global war for talent* di mana kepakaran Malaysia mendapat permintaan tinggi di pasaran global. Misalnya daripada bilangan berkepakaran tinggi di luar negara pada 2010, dianggarkan lebih separuh berada di Singapura. Sebanyak 15 peratus di Australia, 10 peratus di Amerika Syarikat dan 5 peratus di United Kingdom.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawabnya panjang sedikit kerana ketiga-tiga soalan itu dilapiskan. Namun begitu, laporan Bank Dunia tersebut juga mengakui bahawa kedudukan Malaysia bukanlah unik memandangkan masalah penghijrahan cerdik pandai ataupun penghijrahan cendekiawan turut dihadapi oleh semua negara khususnya negara-negara yang sedang membangun. Mengikut laporan tersebut dengan izin, *"The results suggest Malaysia so far being spared from detrimental type of brain drain."* Memandangkan stok modal insan berkepakaran sedia ada tidak terhakis dan dapat dikekalkan serta dibangunkan. Laporan Bank Dunia tersebut juga membuat rumusan bahawa dengan izin *"Brain drain is a wave to be ridden, not a type to be turned."*

Ini adalah memandangkan pemindahan pengetahuan di antara negara asal dengan negara destinasi akan menyumbang kepada peningkatan dalam bidang sains, teknologi dan rangkaian perniagaan yang mantap, seterusnya meningkatkan aliran perdagangan dan pelaburan asing di sesebuah negara. Mungkin ia kompleks sedikit maksudnya. Kalau ada seorang pakar di Amerika, di *Silicon Valley*, kehadirannya di sana akan memantapkan lagi teknologi IT Malaysia kerana aliran pengetahuannya bila dia balik dan hubungannya dengan rakan-rakan di sebelah Malaysia akan memantapkan dan mematangkan lagi *information flow,* dengan izin. Itu maksudnya. Maka, rangkaian ini sangat penting untuk Malaysia khususnya ini berlaku di negara India di mana kepakaran mereka berada, ditabur seluruh dunia tetapi ekonomi India maju kerana kepakaran itu dikongsi dengan negara asalnya, dengan pakarnya.

Justeru, fenomena migrasi modal insan tidak semestinya negatif tetapi mempunyai potensi positif khususnya dalam menarik pulang rakyat Malaysia yang berkepakaran tinggi serta membina jaringan pasaran sebagai saluran untuk mempromosi produk dan perkhidmatan Malaysia di luar negara. Laporan tersebut turut mencadangkan supaya isu migrasi modal insan ditangani dengan meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan pembangunan secara *inclusive*. Pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan *indicator* dalam menangani fenomena migrasi ini.

Pelaksanaan ETP antara lain bertujuan untuk menjana ekonomi negara ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 dengan penyediaan lebih banyak peluang pekerjaan yang berkualiti, yang akan menyumbang kepada Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi Negara (NKEA).

Pelaksanaan GTP pula bertujuan untuk mengenal pasti faktor yang akan meningkatkan kualiti taraf hidup rakyat termasuk aspek keselamatan, pengangkutan awam dan pendidikan. Perkara ini jelas menjadi fokus kerajaan melalui pelaksanaan Dasar Pembangunan Negara oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil maklum akan fenomena *brain drain* global ini, TalentCorp. satu institusi yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri telah merangka beberapa inisiatif bertujuan membangunkan modal insan berkemahiran tinggi dari beberapa golongan rakyat Malaysia. Pertama, dari dalam negara. Kedua, dari luar negara dan ketiga, tenaga mahir asing. Ketiga-tiga golongan tenaga mahir ini dianggap penting untuk memenuhi keperluan tenaga kerja mahir di bawah ETP. Antara usaha untuk mencapai tujuan tersebut dan seterusnya menangani masalah *brain drain* termasuklah pelaksanaan pelbagai program tersebut. Pertama, *Returning Expert Program* (REP) iaitu kita bawa balik pakar-pakar yang sudah sedia ada di luar negara yang bertujuan untuk memudah cara kepulangan kakitangan profesionalisme Malaysia dari luar negara.

Keduanya, program *Scholarship Talent Attraction and Retention* (STAR) yang membolehkan pelajar-pelajar tajaan JPA untuk melaksanakan ikatan biasiswa masing-masing dengan syarikat Malaysia terpilih. Dulu mereka dikehendaki bekerja dengan kerajaan tetapi sekarang kita ada bon yang mana TalentCorp akan mengizinkan mereka bekerja dengan syarikat swasta terkemuka Malaysia, GLC dan sebagainya.

Ketiga, Program *Structured Internship Program* (SIP) yang bertujuan menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia untuk melaksanakan program latihan industri yang berkualiti ke arah menghasilkan graduan yang mempunyai daya kebolehpasaran pekerjaan atau *employability* yang tinggi kelak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, melalui program *Returning Expert* yang telah diambil alih oleh TalentCorp. sejak bulan Januari 2011, jumlah kelulusan mulai tahun 2011 hingga September 2012 adalah sebanyak 1,420 orang iaitu pada tahun 2011 berjumlah 680 dan Januari hingga September tahun ini berjumlah 740. Meningkat berbanding 1,130 untuk tempoh hampir sepuluh tahun dari 2001 hingga 2010. Dalam tempoh sepuluh tahun hanya kita bawa 1,130 tetapi dalam tempoh setahun ini kita telah membawa masuk 1,420. Mereka yang berjaya diluluskan setelah kembali untuk berkhidmat di beberapa bidang profesional di bawah NEA khususnya sektor kewangan, perkhidmatan perniagaan, minyak gas dan tenaga dan kandungan komunikasi dan infrastruktur, *electrical and electronic*. Antara golongan yang kembali berkhidmat termasuk profesion yang berkualiti tinggi yang telah dilantik sebagai Ketua Eksekutif syarikat tersenarai serta sebagai anggota pengurusan terkanan di negara multinasional.

■1050

Selain itu *TalentCorp* menjalankan sesi temu seru. Temu seru itu dia pergi, dia pujuk, dia bawa balik. Itu maksud temu seru. Ke arah membangun jaringan dengan masyarakat Malaysia di luar negara bersama syarikat-syarikat Malaysia. Usaha kerjasama tersebut adalah untuk mengetengahkan peluang-peluang pekerjaan profesional wujud hasil daripada pelaksanaan ETP serta untuk, dengan izin, *leverage* kepakaran dan jaringan luar negara mereka bagi mengembangkan pembangunan ekonomi negara. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Boon.

Dato' Boon Som a/l Inong: Soalan tambahan saya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab panjang lebar. Inisiatif dan dasar kerajaan mengenai penarikan balik profesion-profesion di luar negara untuk bertugas di Malaysia, yang soalan saya sejak tahun 2010 hingga 2011 hanya 1,400 orang. Jadi, bermakna dasar kerajaan belum kemas lagi. Banyak yang saya dapat *feedback* daripada media dan sebagainya adalah masalah pelaksanaan di mana dasar imigresen dan *work permit* amat menyusahkan dan banyak mereka yang tunda harapan mereka untuk balik bertugas di Malaysia. Jadi, dasar *TalentCorp* ini patutlah ada *one-stop centre*.

Saya cadangkan supaya *one-stop centre* untuk menarik balik, untuk memudahkan mereka untuk mendapat permit yang mana yang *expert*, yang *really* profesional yang boleh kita menggunakan kepakaran mereka untuk negara kita. Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, seyogia diingatkan bahawa kepulangan golongan-golongan ini tidak boleh diizinkan dengan sewenang-wenangnya kerana melibatkan keselamatan negara, melibatkan keikhlasan orang yang memohon. Ketiga, permintaan dalam negara yang mahu mereka bekerja di sini.

Maka, kalau kita lihat *application,* pemohon-pemohon dari sepuluh negara tertinggi. Dari *United Kingdom*, 316 orang mohon untuk datang balik. Kemudian yang paling bawah sekali saya bagi New Zealand, 29 orang. Ada sepuluh negara yang memohon. Sekiranya ada Yang Berhormat daripada kawan-kawan Yang Berhormat yang memohon, sekarang kita ada *TalentCorp,* senang. Dulu susah. memang enam agensi terlibat. Pening kepala punya cerita.

Akan tetapi, sejak tahun 2011, cukup senang. *So*, boleh jumpa saya lepas ini, saya boleh beritahu mana dia punya jendela, permohonan yang boleh disalurkan supaya menyenangkan. *So*, bawa kalau benar-benar mereka ada syarat-syarat yang diperlukan, boleh buat. Orang luar negara yang hendak bekerja dengan kita, kita pula ada *residence pass*. Sekarang baru ini diperkenalkan. Di mana sepuluh tahun mereka boleh bekerja di sini tanpa isu. Visanya akan sepuluh tahun. Kalau dulu setiap tahun dia kena *renew*, dia kena memperbaharui. Sekarang tidak payah. *So*, ada banyak peluang, tidak ada masalah. Malaysia *is very open* sekarang ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Baru-baru ini saya bersama Perdana Menteri memberi *residence pass* kepada 21 CEO tertinggi MNC di Putrajaya, 21 *the top businesses in the country*. Maka, semuanya *happy*. *So*, kalau ada, datang jumpa, *no problem. No issue*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Dato' Lim.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Warganegara kita yang mereka *pen drive* itu serta mengadakan kilang dekat Taiwan dan itu memanglah kira satu kerugian negara kita. Apakah pandangan dari pihak Yang Berhormat?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Soalan yang menarik sekali Yang Berhormat. Pertama, beliau dari Klang. *So*, dia pergi ke Taiwan. Dia bukan seorang buat *pen drive* ini. Dia bersama-sama dengan kawan-kawan empat orang, seorang lagi *Malaysian*. Maka, saya akui bahawa mungkin R&D sana dan ekosistem dia untuk melakukan benda ini. Bukan kita tidak beri dia, mungkin *environment* mereka di situ telah membawa kepada penciptaan ini. Kita bangga dengan penciptaan beliau.

Banyak-banyak, dia selalu balik. Maka, saya rasa kita boleh tawarkan macam-macam intensif kepada beliau. *So*, jangan- saya rasa mungkin kalau adalah... Itu sebabnya kita rasa bahawa sektor R&D kita perlu di perkasakan di Malaysia. *So*, itu sebab di universiti, lima universiti utama sekarang sudah jadi *research university,* di mana ke arah macam Harvard. Di Harvard, 75 peratus daripada pelajarnya adalah *post graduate. Graduate program* dia hanya 25 peratus- 25 peratus sahaja. Mereka akan *post graduate, masters* dan *Ph.D*. Itu sebab kita nampak isu baru-baru ini pengambilan pelajar-pelajar ke universiti ini kurang. Dikatakan ramai *undergraduate* ini tidak dapat. Bukan kerana mereka tidak dapat, ada universiti lain boleh mereka pergi.

Fokus sekarang kita mesti ke arah *masters*, *Ph.D* dan kepada sektor-sektor yang utama. Satu lagi Yang Berhormat perubahan dinamisme R&D begitu pantas. Contohnya IT. Perubahannya begitu- macam hari ini punya teknologi tidak boleh pakai minggu depan. *So*, dia punya dinamisme ia begitu laju sekali. Maka, saya terimalah, saya bangga dan beritahu kita apa boleh kita buat beliau. Saya rasa Perdana Menteri amat bangga dengan beliau. Sama seperti Lee Chong Wei dan Nicol David dan pencipta-pencipta rekod dunia. Terima kasih.

6. Dato' Dr. Johari bin Mat minta Menteri Pelajaran menyatakan, sejauh manakah pemantauan yang dilakukan oleh pihak kementerian terhadap guru-guru yang bermasalah di sekolah-sekolah seperti gangguan mental dan LGBT kerana ia memberi kesan yang negatif kepada generasi Malaysia akan datang.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam*.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia menyediakan khidmat sokongan sosial melalui kaunselor organisasi yang dilaksanakan secara berterusan bagi membantu guru-guru yang menghadapi gangguan emosi dan gangguan mental yang serius atau terpengaruh dengan perkara-perkara yang tidak bermoral seperti LGBT. Jumlah guru yang ada masalah mental ialah seramai 530 orang iaitu hanya 0.128 peratus, turun mendadak berbanding 744 orang pada tahun 2009, 747 orang pada tahun 2010 dan 747 orang juga pada tahun 2011. Jadi, ada sedikit menurun. Ada 12 sebab berlakunya masalah penyakit mental di kalangan warga pendidik iaitu:

(i) keturunan yakni paling tinggi 76.47 peratus;

(ii) gangguan personaliti;

(iii) stres organisasi;

(iv) gangguan saraf;

(v) kecederaan kemalangan;

(vi) kesan dadah ataupun ubat,

(vii) krisis rumah tangga. Ini paling rendah iaitu 11.76 peratus;

(viii) penderaan dari keluarga;

(ix) penyakit misteri;

(x) meroyan;

(xi) rawatan jangka panjang; dan

(xii) gejala psikosis.

Tindakan yang diambil oleh Kementerian Pelajaran bagi mengatasi guru-guru yang bermasalah mental ini adalah seperti berikut:

(i) guru-guru tersebut ditawarkan untuk ke jawatan kumpulan ataupun *pool*. Sehingga kini jumlah guru bermasalah yang dimasukkan ke dalam *pool* adalah seramai 235 orang sahaja iaitu 0.05 peratus. Walaupun tadi jumlahnya 530 tetapi yang *pool* hanya 235 sebab mereka ini perlu tindakan lanjutan;

(ii) guru-guru tersebut juga dicadangkan untuk mendapatkan rawatan daripada psikiatri yang dilaksanakan melalui jalinan hubungan kaunselor organisasi yang ada di Kementerian Pelajaran dengan psikiatri daripada Kementerian Kesihatan Malaysia;

(iii) khidmat sokongan sosial daripada kaunselor dan pihak keluarga; dan

(iv) pemantauan berterusan oleh pihak pentadbir sekolah dan dilaporkan kepada PPD dan JPN secara berkala.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dato' Johari, tambahan pertama.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih banyak kepada Timbalan Menteri yang telah memberi satu penjelasan dan huraian yang sebaiknya dalam soalan ini. Cuma ada satu soalan Tuan Yang di-Pertua. Dikatakan bahawa tugas guru sekarang ini semakin berat dan ada guru-guru yang rasa terbeban. Adakah ini juga boleh menjadikan mereka stres? Kalaulah benar, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian? Terima kasih.

■1100

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau berdasarkan kepada maklumat yang kita ada, satu daripada punca penyakit mental sepertimana yang saya sebut tadi ialah *stress* organisasi iaitu hanya 23.52 peratus sahaja yang menjadi punca kepada *stress* organisasi ini. Akan tetapi, sepertimana yang kita maklum bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia sudah pun mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi mengkaji beban tugas guru dan banyak daripada cadangan-cadangan dalam jawatankuasa itu sudah pun kita ambil tindakan. Dia banyak Yang Berhormat. Maksudnya syor-syor yang dikemukakan oleh jawatankuasa ini. Antaranya ialah kita mengurangkan jumlah jawatankuasa yang perlu dipegang oleh setiap guru dan kita hanya membenarkan hanya sekali hari Sabtu sahaja digunakan oleh guru untuk bertugas di hujung minggu.

Yang lain-lain ialah antaranya kita menambah baik norma perjawatan guru, menyediakan kemudahan rumah guru yang lebih selesa dan berbagai-bagai lagi, yang kita yakin termasuk menyediakan kakitangan sokongan supaya guru tidak melakukan kerja-kerja perkeranian, menjaga stor sukan dan sebagainya. Jadi, kita yakin dengan langkah-langkah tersebut kita dapat mengurangkan masalah penyakit mental guru ini yang berpunca daripada *stress* organisasi.

Akan tetapi, Yang Berhormat sebenarnya penyakit mental ini di mana-mana. Kita dalam Dewan ini pun ada penyakit mental sebenarnya. Sebagai wakil rakyat, ahli Yang Berhormat, orang minta tolong untuk perpindahan ataupun pertukaran guru, jadi Yang Berhormat pun *stress* juga. Kemudian Yang Berhormat pindahkan *stress* itu kepada saya pula. Saya pula yang *stress [Ketawa]* Ini yang dikatakan penyakit mental. Bukan maksudnya gila, koyak-rabak dan sebagainya. Kita kena fahami apa maksud penyakit mental. Terima kasih.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Soalan saya ialah dalam rencana pada hari ini iaitu rencana utama *Kosmo*, ada tajuk mengatakan ramai guru sakit jiwa. Dengan pelbagai tekanan di sekolah seperti murid liar, murid malas belajar dan sebagainya, kerja-kerja pentadbiran ramai guru yang menghadapi tekanan di sekolah dan boleh dikatakan dalam satu sekolah ada satu guru yang menghadapi masalah mental.

Soalan saya ialah adakah kerajaan akan menubuhkan satu biro kaunselor untuk guru-guru di setiap pejabat pendidikan daerah bagi membantu guru-guru yang memerlukan khidmat kaunseling? Yang kedua, adakah kementerian akan mengadakan kerjasama dengan hospital bagi memastikan mereka yang merujuk kes ke hospital dapat dirujuk pula ke pejabat pendidikan daerah untuk tindakan lanjut? Ini kerana sesetengah guru terus ke hospital dan malu untuk merujuk kes mereka kepada guru besar di sekolah.

Kedua, cadangan saya ialah agar kerajaan membenarkan guru-guru yang menghadapi masalah mental ini untuk bersara lebih awal apabila tiba masanya. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya jelaskan tadi bahawa sejak tahun 2007, di Kementerian Pelajaran kita sudah ada kaunselor organisasi. Ini tidak sama dengan kaunselor guru-guru yang ada di sekolah.

Jadi, kaunselor organisasi yang ada di kementerian termasuk di JPN dan PPD, mereka bertugas lebih kepada kakitangan di Kementerian Pelajaran iaitu guru-guru dan juga kakitangan sokongan. Maksudnya, sudah ada sejak tahun 2007 yang ketika itu wujud hanya sebagai satu unit di bahagian sumber manusia. Akan tetapi, pada tahun 2009 ia sudah menjadi bahagian tersendiri, *department* tersendiri di Kementerian Pelajaran untuk kita mengukuhkan kaunselor organisasi ini supaya dapat membantu dalam kes-kes yang kita sebut tadi iaitu penyakit mental.

Kedua, Yang Berhormat ada menyentuh tentang bersara awal. Ini kita tidak ada masalah jika sekiranya ada guru-guru yang mahu memohon bersara awal jika dia berhadapan dengan masalah seperti ini. Apa yang menjadi masalah kepada kita adalah ada guru yang mahu meneruskan tugas mereka terutama kalau dalam kes yang amat berat, seperti yang saya sebutkan tadi antara faktornya adalah kerana kemalangan, sebab ada guru yang menghadapi masalah mental ini kerana kemalangan, di mana kita mendapati mereka sebenarnya sudah tidak boleh bertugas sebagai guru. Disebabkan kemurungannya itu akan menimbulkan kesan kepada P&P dalam bilik darjah dan sebab itulah kita bawa dia ke dalam *pool*. Akan tetapi, kalau sekiranya dia bersedia untuk bersara awal, kita tidak ada masalah.

Yang Berhormat, perlu saya jelaskan, katalah seperti soalan Dato' Dr. Johari tentang LGBT. Saya menganggap LGBT juga adalah masalah mental. Ini kerana manusia ini diwujudkan berpasangan lelaki dan perempuan. Begitu juga dengan binatang. Saya tidak tahulah LGBT ini juga berlaku di kalangan haiwan. Akan tetapi, manusia. Jadi, macam mana pula lelaki hendak kahwin dengan lelaki, perempuan hendak kahwin dengan perempuan? Itu juga masalah mental sebenarnya Yang Berhormat. Jadi, masalah ini perlu diberi perhatian oleh rakyat, kesedaran dan kefahaman tentang masalah penyakit mental ini. Oleh sebab itulah yang penting kepada saya ialah gaya hidup sihat itu perlu kita berikan perhatian kepada setiap manusia ini supaya dia tidak menghidap penyakit mental ini. Terima kasih.

7. Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan, tentang sistem yang diguna pakai sekarang dalam penawaran *Central Contract* dan mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula sistem *Central Contract* yang dilaksanakan sekarang untuk menentukan harga yang kompetitif dan terbaik sekali dapat diperoleh oleh kerajaan yang pada jangka panjangnya boleh menjimatkan perbelanjaan negara dengan mendapat kualiti yang tinggi dan harga terbaik sekali.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kontrak Pusat adalah salah satu program khas yang dirangka di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi membantu syarikat-syarikat bumiputera untuk berdaya saing dalam aktiviti ekonomi negara. Sehingga kini, kerajaan belum berhasrat untuk menamatkan program ini tetapi dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji keperluan dan kesesuaian item di bawah Kontrak Pusat. Buat masa ini hanya lima item yang masih dikekalkan di bawah program Kontrak Pusat iaitu:

(i) sampul surat;

(ii) HTP fitting;

(iii) alat berbateri elektronik;

(iv) pos laju; dan

(v) alat pemadam api.

Bagi memastikan harga tawaran Kontrak Pusat adalah lebih kompetitif agensi pelaksana adalah digalakkan membuat kajian pasaran dan jika harga pasaran bagi item yang sama lebih murah daripada harga yang ditawarkan oleh Kontrak Pusat, agensi-agensi berkenaan boleh memohon untuk dikecualikan daripada mengguna pakai Kontrak Pusat. Sekian.

Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat di atas penjelasan itu. Saya hendak tanya berapakah nilai *Central Contract* ataupun Kontrak Pusat kerajaan secara keseluruhannya? Berapakah syarikat yang terlibat dan diberi peluang oleh kerajaan untuk mendapat *Central Contract* ini dan secara kelazimannya jangka masa kontrak itu berapa lama?

■1110

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah atas soalan tambahan.

Untuk maklumat Yang Berhormat, buat masa ini syarikat yang ada di dalam program kontrak pusat ini, untuk HDPE, syarikatnya adalah Mega Padu Sdn. Bhd, untuk item sampul surat, ini ada empat syarikat. Kita memberi kepada Persatuan Pemulih Orang Cacat Negeri Sembilan dan juga di negeri Pahang dan Cawangan Batu 4, Johor dan negeri Perak. Untuk pos laju adalah Pos Malaysia Berhad dan jumlahnya saya memang tidak ada angka di sini. Saya akan jawab secara bertulis.

Saya hendak memberi maklumat kepada Yang Berhormat. Kementerian Kewangan sentiasa memberi penekanan agar perolehan kerajaan dilaksanakan secara tender selaras dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan tahap ketelusan dan juga mendapatkan harga yang kompetitif. Semua perolehan kerajaan yang bernilai melebihi RM500,000 hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka. Sekian.

8. **Dr. Syed Husin Ali** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, adakah terdapat pembelian komponen yang sudah tidak digunakan lagi atau *outdated* bagi tujuan kawalan trafik udara.

Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Profesor. Tuan Yang di-Pertua, jawapannya pendek. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada sebarang pembelian komponen yang sudah tidak digunakan lagi atau *outdated* bagi tujuan kawalan trafik udara Malaysia. Kerajaan melalui Jabatan Penerbangan Awam (DCA) sentiasa memastikan setiap komponen atau kelengkapan yang dibeli mematuhi piawaian ataupun *standards* dan saranan pertubuhan antarabangsa iaitu *International Civil Aviation Organization,* dengan izin. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada iaitu *Government Based Navigational System*. Saya diberitahu bahawa RM200 juta telah dibelanjakan dan sistem ini sekarang ini boleh dikatakan jarang-jarang, bahkan ada tempatnya tidak pernah digunakan. Sebabnya ialah sekarang ini ada alat-alat atau *device* dalam kapal terbang itu sendiri yang tidak memerlukan *ground based system,* dengan izin. Jadi, saya ingin tahu berapa banyak kah kapal terbang yang datang ke mari yang menggunakan *sistem land based* ini dan berapa banyak pula yang tidak menggunakan sistem *ground based* ini? Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab soalan ini memerlukan data yang tepat, saya minta izin untuk menjawabnya secara bertulis Yang Berhormat Profesor.

9. **Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah faktor-faktor yang diambil kira oleh kementerian dalam usaha menurunkan harga kenderaan dari segi duti eksais dan cukai-cukai lain supaya benar-benar memberi manfaat kepada rakyat.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat Senator, kerajaan sentiasa mengenal pasti pendekatan terbaik dalam mengkaji semula duti dan cukai ke atas kereta bagi maksud mengurangkan tanggungan kepada pengguna. Proses tersebut memerlukan satu kajian yang komprehensif dan teliti.

Ini bagi memastikan hasil kajian semula tersebut dapat memberi manfaat kepada golongan yang disasarkan sahaja. Tambahan pula jumlah kutipan duti dan cukai kereta memberi sumbangan yang besar kepada hasil negara iaitu RM9.7 bilion pada tahun 2011.

Kementerian Kewangan juga mengambil perhatian bahawa harga kereta juga dipengaruhi dan ditentukan oleh beberapa faktor seperti kos pengeluaran, pengangkutan, pengiklanan, pengedaran dan juga keuntungan syarikat pengeluar dan pengedar selain daripada komponen duti dan cukai. Dengan itu, pendekatan untuk menurunkan kadar duti dan cukai semata-mata tidak semestinya menjamin harga kereta akan berkurangan sekiranya faktor-faktor yang disebutkan tadi tidak mengalami penurunan.

Di samping itu, mengambil kira kedudukan industri pengeluaran kereta tempatan pada masa ini, tumpuan perlu diberi ke arah menggalakkan pemasangan kereta dalam negara dan memantapkan lagi pembangunan industri kereta tempatan supaya dapat mengekalkan daya saing dalam jangka panjang. Ini kerana kemajuan industri pengeluaran kereta tempatan dapat menjana hasil negara, mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat, mewujudkan kilang pengeluaran komponen kereta tempatan, menggalakkan penggunaan perkhidmatan tempatan, meningkatkan tahap penguasaan teknologi, mewujudkan rantaian industri, seterusnya dapat melonjakkan kemajuan bagi menembusi pasaran eksport.

Justeru itu, kajian kesan pengurangan duti import ke atas kemajuan industri pengeluaran kereta tempatan juga perlu diberi perhatian sewajarnya. Sekian.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan kekal dengan komitmen untuk menghapuskan AP menjelang tahun 2015 supaya tidak melanggar Peraturan WTO dan AFTA yang telah dipersetujui? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih atas soalan ini. Isu AP ini memang di bawah kuasa Kementerian MITI dan mereka yang buat pengumuman. Saya harap saya akan sampaikan pertanyaan Yang Berhormat kepada mereka.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan angka kereta berkaitan terus dengan lalu lintas, jadi saya bukan hendak tidak sokong dengan menurunkan harga kereta. Hanya kalau harga kereta turun, orang mampu beli lebih kereta dan keadaan lalu lintas akan sesak. Memandangkan lalu lintas sentiasa sesak, jadi adakah kementerian, kerajaan ambil perhatian tentang perkara ini? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon atas pandangan Yang Berhormat. Memang dari semasa ke semasa kita akan kaji kadar duti yang sedia ada.

Untuk maklumat Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, duti import untuk kereta penumpang iaitu kurang dari 2,800cc. pada tahun 2005 adalah 50 peratus dan kita telah kurang kepada 30 peratus dan duti eksais dahulunya tahun 2005 adalah 80 peratus, sekarang kita turun kepada 75 peratus. Kita akan mengkaji dari semasa ke semasa dan kementerian yang berkenaan atau agensi yang berkenaan akan bersama-sama dengan Kementerian Kewangan, kita akan mengkaji seluruh dengan industri automotif yang sedia ada. Pandangan Yang Berhormat iaitu kita kekalkan sebab kesesakan jalan lalu lintas, itu memang ada pandangan kita boleh ambil kira. Sekian.

■ **1120**

10. Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya minta Perdana Menteri menyatakan, apakah Petronas bercadang untuk membina lagi Pusat Latihan Teknikal separa mahir bagi memastikan lebih ramai anak-anak tempatan Sabah menceburi bidang petroleum dan gas memandangkan kegiatan menggali minyak dan gas giat dijalankan di perairan Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Petronas telah memberi pelbagai kegiatan latihan dan pendidikan yang bertujuan untuk mempersiapkan warga Sabah yang berkelayakan untuk melibatkan diri di dalam industri minyak dan gas. Petronas telah bekerjasama dengan institusi-institusi latihan dan kemahiran teknikal di negeri Sabah bagi melatih para belia tempatan dalam pelbagai bidang yang berkait dengan industri minyak dan gas.

Pusat latihan tersebut adalah termasuk Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kota Kinabalu, Institut Kemahiran Mara (IKM) Kota Kinabalu, Pusat GiatMARA, Kimanis, Kolej Yayasan Sabah dan Institut Latihan Teknikal dan Perdagangan Papar. Selain itu Petronas juga sedang membangunkan sebuah Pusat Latihan Teknikal di Kimanis iaitu *Kimanis Petroleum Training Center* (KTC) di mana seramai 49 orang pelatih warga Sabah sedang mengikuti kursus teknikal. Tambahan pula Petronas juga menaja pelajar-pelajar Sabah untuk mengikuti kursus-kursus yang berkaitan dengan industri minyak dan gas di Institusi Teknologi Petroleum Petronas (INSTEP) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP).

Latihan yang disediakan ini akan membantu dalam memenuhi keperluan tenaga kerja yang diperlukan oleh Petronas untuk projek-projek industri minyak dan gas khususnya di Sabah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Terima kasih kepada jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adakah Petronas bercadang untuk menjadikan Jeti *material of loading facilities*-nya di Kimanis kepada jeti *multiple use* di masa-masa akan datang?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai maklumat mengenai cadangan itu. Setakat ini saya belum menerima seberang maklumat mengenai rancangan tersebut. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

11. Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, kenapa gejala rasuah bola sepak masih berlaku di negara ini walaupun langkah-langkah tegas telah diperkenalkan. Apakah pasukan khas yang dibentuk yang terdiri daripada PDRM, SPRM dan FAM masih lagi berfungsi dan memantau keadaan.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar yang dijadualkan pada 17 Disember 2012 kerana ia berkaitan isu bola sepak, perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, gejala rasuah yang dirujuk dalam sukan bola sepak ini didefinisikan sebagai aktiviti mengatur perlawanan dengan izin, *match fixing*. Mengatur perlawanan atau *match fixing* ini adalah merupakan isu global dan bukan sahaja dihadapi di negara kita malah di alami oleh negara-negara lain seperti di Itali, Turki, Greece, Korea Selatan, China, Indonesia dan banyak lagi.

Masalah ini amat sukar untuk dikesan apa lagi untuk dihapuskan dengan segera selagi wujudnya perjudian bola sepak yakni *gambling* yang diuruskan oleh sindiket perjudian ataupun *bookies* di seluruh dunia. Sindiket-sindiket perjudian inilah yang memberi sogokan pada pemain-pemain bola sepak dan tidak terhenti di situ mereka juga memberi sogokan kepada jurulatih, pengadil serta pegawai pentadbiran pasukan. Justeru dari segi pencegahan, kempen pendidikan dan penerangan memerangi gejala rasuah ini akan kita teruskan dengan menerapkan nilai-nilai murni, pembentukan sahsiah diri dan keagamaan semaksimum yang mungkin di semua peringkat umur kerana kita percaya bahawa pencegahan daripada menularnya gejala rasuah boleh dimulakan dengan pendidikan dan ia pastinya akan berjaya ditangani dengan mendidik juga.

Manakala dari segi penguatkuasaan seperti Yang Berhormat maklumi, satu jawatankuasa telah dibentuk iaitu Jawatankuasa Pemeriksaan, Pemantauan dan Ketelusan yang ditubuhkan oleh FAM sendiri yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato Seri (Dr) Aseh Haji Che Mat, dan dianggotai oleh wakil-wakil daripada PDRM dan SPRM yang bermesyuarat pada hari Isnin setiap minggu bagi meneliti setiap aduan yang diterima dan memantau keseluruhan perlawanan bola sepak terutama yang meragukan.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan sukan bola sepak yang terakhir ialah melalui sukan skuad bola sepak bawah 23 tahun kebangsaan setelah kita berjaya memenangi pingat emas di Sukan SEA Indonesia pada bulan Disember 2011. Bagi tahun 2012 ini, kejohanan utama yang melibatkan skuad bola sepak kebangsaan adalah di dalam kejohanan AFF Suzuki 2012 yang kini berlangsung yang seperti kita ketahui pasukan kebangsaan akan menentang pasukan Thailand di separuh akhir kedua hari esok dan kita berdoa semoga Harimau Malaya dapat memperoleh kejayaan untuk mara ke perlawanan akhir.

Mengenai ranking bola sepak dunia, sehingga 7 November 2012 skuad kebangsaan negara berada di ranking 163 dunia, kedudukan ke 27 di kalangan negara Asia serta yang kelima di kalangan negara ASEAN. Kedudukan ranking bola sepak dunia ini dikira berdasarkan kejohanan utama yang disertai serta perlawanan persahabatan kebangsaan yang dikelaskan sebagai kelas 'A'. Bagi meningkatkan pencapaian bola sepak negara, kerajaan melalui Jawatankuasa Pembangunan Bola Sepak Negara sedang merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan pelan pembangunan bola sepak yang mensasarkan untuk negara kita layak bersaing untuk kejohanan Piala Dunia Remaja bawah 17 tahun pada tahun 2019.

Bagi merealisasikan impian tersebut, program *Mykid Soccer* telah diwujudkan di mana seramai 1,680 pelajar sekolah yang berusia 7 hingga 12 tahun telah dipilih untuk menjalani latihan dan sedang dilatih oleh seramai 112 orang jurulatih. Ia dijalankan di empat belas buah pusat latihan yang dikenal pasti setiap negeri di seluruh negara. Kejohanan *Mykid Soccer* peringkat kebangsaan yang telah memasuki edisi kedua ini akan dilaksanakan setiap tahun bagi menguji prestasi pasukan serta para pemain.

Sebagai penutup kepada Program Pembangunan Bola Sepak sejak tahun lepas kejohanan yang dikenali sebagai kejohanan *Champion of Champions* telah diadakan. Ia merupakan kejohanan yang akan menghimpunkan seluruh juara semua kejohanan bola sepak yang dianjurkan sepanjang tahun sama ada oleh pihak kerajaan, negeri ataupun pihak swasta yang melibatkan pemain di bawah usia 12 tahun sebagai pelengkap kepada program pembangunan yang dinyatakan.

Edisi kedua kejohanan ini telah diadakan pada 1 hingga 10 Disember 2012 yang lalu di negeri Terengganu di mana pasukan *Mykid Soccer* Kuala Lumpur telah dinobatkan sebagai juara dengan menewaskan pasukan *Mykid Soccer* Terengganu. Pada edisi kali ini *Champion of Champion* turut menerima kelab dari luar negara iaitu sebuah kelab dari Indonesia. Terima kasih.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan tadi. Terlebih dahulu saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan negara yang akan menentang Thailand pada malam esok. Hanya kita sedih tidak dapat pergi sana sebabkan Dewan masih bersidang. Walau bagaimanapun, saya menyeru kita sebagai rakyat Malaysia sama-sama memberi sokongan moral yang tinggi kepada pasukan.

Salah satu punca gejala rasuah pada pendapat saya ialah terdapat *gap* yang jauh antara pendapatan seorang pemain dengan pemain-pemain yang lain. Di dalam satu pasukan ada seorang pemain mungkin mendapat gaji dalam RM30,000, RM50,000 sekarang ini dan ada yang dapat sedikit mungkin dalam RM5,000, RM7,000. Amaun RM7,000 dianggap sikit sekarang untuk Piala Super. Perbezaan pendapatan ini boleh menyebabkan mereka berusaha ataupun mencari pendapatan dengan cara yang lain, yang tidak halal yang menyebabkan rasuah tadi.

Jadi soalan saya, apakah usaha-usaha yang diambil oleh kementerian bersama dengan FAM bagi mengawal kenaikan gaji pemain hari ini yang difikirkan tidak munasabah seperti yang di minta oleh pemain-pemain hari ini. Apabila terdapat pasukan-pasukan tertentu menawarkan harga terlampau tinggi menyebabkan perpindahan pemain berlaku berleluasa tanpa kawalan. Terima kasih.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya hendak mengucapkan setinggi rasa terima kasih kepada Dewan ini kerana saya nampak minat dan sokongan kepada pembangunan sukan negara kita cukup hebat di kalangan ahli-ahli Yang Berhormat Senator, terima kasih. Sedih tidak dapat tengok, saya pun sedih juga sebab esok kita sudah mula gulung, tidak dapat juga tengok tapi *insya-Allah* malam kita tengok dekat televisyen.

Saya rasa apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb sangat tepat. Salah satu dikatakan menyumbang kepada penularan rasuah bola sepak, memang pendapatan. Oleh sebab itu saya sebut di awal tadi di peringkat FIFA dan peringkat FAM dia tidak sebut rasuah bola sepak. Dia sebut mengatur perlawanan, *match fixing.*

■1130

Kenapa *match fixing* ini, sebenarnya ia berkait. Pernah berlaku satu kejadian di mana perlawanan tidak pun wujud, dikatakan satu perlawanan antarabangsa berlangsung di Stadium Cheras dan mereka bertaruh atas perlawanan itu. Kita tahu Stadium Cheras tidak boleh digunakan untuk perlawanan antarabangsa. Kalau tidak silap saya perlawanan itu melibatkan negara Zimbabwe. Orang bertaruh kepada perlawanan itu, perlawanan itu tidak ada pun. Jadi, maknanya mereka berjudi dan sanggup bertaruh atas satu perlawanan yang tidak pun wujud. Apatah lagi perlawanan yang memang wujud yang mana *bookie-bookie* ini mendekati pegawai, jurulatih dan pemain untuk menentukan perlawanan. Oleh sebab itu jumlah yang terlibat dalam isu perbezaan pendapatan ini tidak sebesar dengan ancaman *match fixing* dalam sukan bola sepak.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Namun begitu, antara perkara yang disebutkan tadi pada saya sangat relevan sebab di peringkat kami, lagi banyak penawaran kepada penghijrahan dengan bayaran yang tinggi, sebenarnya ia menggalakkan untuk kita bersaing mengejar kecemerlangan. Namun begitu FAM telah pun membuat satu ketetapan untuk mengehadkan bayaran dan jumlah perpindahan seperti yang dimaklumkan sebab itu berada di bawah kuasa Persatuan Bola Sepak Malaysia. Ini bagi membendung supaya tidak ada nanti pasukan-pasukan yang langsung tidak mampu untuk menawarkan bayaran kepada pemain.

Perkara kedua yang telah pun dibuat adalah menetapkan jumlah pemain luar bagi satu-satu pasukan. Ini bagi membolehkan dua selain daripada jurang pendapatan yang besar, ia juga dapat menghalang daripada berlakunya peluang pemain tempatan semakin kecil. Jadi dihadkan pemain luar untuk bermain dalam sesebuah pasukan yang ditetapkan, ini juga antara perkara yang pada saya boleh kita jadikan cara atau kaedah bagaimana untuk kita mengelakkan jurang bayaran pendapatan seorang pemain dengan seorang lagi terlalu besar sehingga boleh menyumbang kepada gejala rasuah. Terima kasih.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya pada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang hadir pada hari ini di mana rasuah ini adalah satu unsur yang tidak bagus di mana-mana pun. Adakah pihak kementerian mengadakan program-program anti rasuah diberi kepada ahli-ahli sukan dan adakah program ini dikira mandatori iaitu wajib ataupun *optional*, pilihan? Itu sahaja.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Seperti yang saya beritahu, pencegahan dan penguatkuasaan. Saya beritahu bahawa perkara ini kita buat secara berterusan. Memang betul rasuah apa juga peringkat bukan dalam sukan, apa juga peringkat memang tidak baik.

Akan tetapi antara perkara yang boleh saya kongsi, sebenarnya ada pasukan Liga Malaysia yang menjemput pihak SPRM untuk memberi taklimat kepada pasukan mereka, kepada pemain, kepada pegawai dan jurulatih tentang gejala rasuah supaya mereka ada kesedaran bahawa ia hanya bukan sekadar rasuah dalam sukan tetapi ia adalah kesalahan mengenai rasuah dalam negara. Jadi, sikap pasukan yang menjemput SPRM ini menunjukkan tanda positif bahawa mereka benar-benar serius.

Keduanya, saya dimaklumkan bahawa ada kod tataetika FAM yang dicadangkan untuk dipinda bagi membolehkan FAM sendiri mengambil tindakan kepada pemain-pemain yang mengaku bersalah. Bagi yang tidak mengaku bersalah, mereka terpaksa dihadapkan ke mahkamah tetapi dengan cara ini, dia boleh mengambil hukuman dalaman dan dengan cara itu mereka dapat maklumat dan dapat membantu pihak SPRM, pihak mahkamah, pihak siasatan tanpa menjejaskan para pemain yang sanggup memberi maklumat tersebut. Ini salah satu cara bagi kita untuk mengekang penularan gejala rasuah dalam bola sepak. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang kita beralih ke soalan seterusnya, soalan Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam.

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya panggil Tuan Subramaniam.

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal: Saya bagi pihak Yang Berhormat Subramaniam, dia memohon.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, teruskan.

12. Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal ***[Di bawah P.M. 23(2)]*** minta Menteri Kewangan menyatakan, sama ada Bank Negara sedang memantau tindakan sesetengah syarikat insurans yang memaksa pembeli insurans pihak ketiga juga membeli insurans kemalangan peribadi.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia memandang berat isu-isu berhubung salah laku syarikat-syarikat penanggung insurans atau pengendali takaful dan ejen-ejen dari segi etika penjualan. Garis panduan Bank Negara Malaysia iaitu *Immediate Measure to Ensure Wider Access to Motor Cover and Prohibition on Forced Selling* yang dikeluarkan pada Mei 2012, hendaklah sama sekali syarikat-syarikat penanggung insurans dan pengendali-pengendali takaful menjual produk kemalangan peribadi dan produk-produk bukan motor lain kepada pelanggan mereka secara paksa.

Bank Negara Malaysia juga telah mengingatkan semua penanggung insurans dan pengendali takaful agar memantau tingkah laku agen. Di samping itu, pihak Bank Negara Malaysia menerusi pemantauan dan penyeliaan juga boleh mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pegawai penanggung insurans atau pengendali takaful termasuk ejen mereka yang didapati memaksa pelanggan-pelanggan mereka untuk membeli insurans kemalangan peribadi.

Pada tahun 2011, Bank Negara Malaysia telah menerima 32 aduan penjualan secara paksa. Manakala sehingga November 2012 tahun ini, sebanyak 18 aduan telah diterima. Kesemua kes yang diterima telah diselesaikan dengan di mana penanggung insurans atau pengendali takaful dikehendaki memulangkan balik premium yang dibayar untuk polisi bukan motor. Bank Negara Malaysia juga telah menekankan kepada penanggung insurans atau pengendali takaful yang berkaitan untuk memastikan pematuhan penuh garis panduan tersebut dipatuhi sepenuhnya. Pengguna boleh mengemukakan aduan mengenai salah laku ejen insurans kepada syarikat insurans mereka atau kepada Bank Negara Malaysia seperti alamat berikut:

(i) Lambang Informasi Nasihat dan Khidmat, Tingkat Bawah Blok B, Jalan Dato' Onn, Bank Negara Malaysia; dan

(ii) BNM *telelink* iaitu *link* dalam Pejabat Wilayah Bank Negara Malaysia, Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur, telefonnya 1-300-88-5465, faks 03-21741515, e-mel bnmtelelink@bnm.gov.my atau SMS 15888.

Sekian.

13. Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, bilangan atau peratusan kaum India yang telah memohon bantuan pinjaman industri kecil dan sederhana (IKS) melalui SME Corp. dan berapa yang telah diluluskan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Dato' Jacob Dungau Sagan]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa menggalakkan perwujudan usahawan baru sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Dalam hal ini, kerajaan telah menyediakan pelbagai program pembangunan dan bantuan kewangan kepada usahawan tanpa mengira kumpulan etnik secara berterusan.

■1140

Bagi membantu usahawan India, satu peruntukan dana khas untuk usahawan India berjumlah RM180 juta telah diumumkan oleh kerajaan pada 9 Jun 2012 untuk membangunkan kapasiti syarikat serta memperoleh kemudahan modal kerja. Sejak ia diumumkan, dana ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada usahawan India.

Sehingga 21 November 2012, sebanyak 584 permohonan telah diterima daripada usahawan India di mana 333 permohonan telah diluluskan dengan nilai RM13.87 juta. Dana ini disalurkan kepada usahawan dalam bentuk rebat keuntungan atau pun *profit rebate*, pinjaman, *loan* dan program pembinaan keupayaan atau pun *capacity building program.* Kerajaan akan terus membantu usahawan India di negara ini untuk meningkatkan daya saing berniaga. Kerajaan berharap dengan adanya dana khas usahawan India ini, ia akan mendorong kaum India untuk berkecimpung dalam perniagaan dengan lebih kompetitif. Sekian, terima kasih.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Bolehkah pihak kementerian menyenaraikan syarikat-syarikat milik kaum India yang telah 'diisytiharkan' oleh pihak *SME Corporation* sehingga hari ini? Terima kasih.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Setakat ini saya tidak mempunyai senarai syarikat-syarikat yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi, kita akan memberi jawapan secara bertulis kerana itu mungkin terlibat banyak syarikat-syarikat yang kita telah kumpul. Jadi, kita akan beri jawapan ini secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu apakah keupayaan dari segi kewangan, *financial capability* SME Corp hari ini dalam mengeluarkan pinjaman-pinjaman baru kepada pemohon-pemohon? Adakah dalam keadaan yang lebih, atau pun *liquid* sekarang ini bersedia untuk memberi pinjaman? Adakah pihak SME Corp. bekerjasama dengan bank-bank perdagangan yang lain dalam usaha untuk menggalakkan atau memberi peluang pinjaman kepada mereka yang layak?

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tersebut. SME Corp memang mempunyai dana untuk diberi kepada usahawan-usahawan yang memerlukan di bawah beberapa bidang, bukan hanya untuk dana khas usahawan India sahaja tetapi secara umum kepada usahawan-usahawan di seluruh Malaysia ini. Jadi, untuk melaksanakan dana-dana ini, kita menggunakan beberapa cara.

Pertama, ia di bawah SME Corp. Malaysia ini. Kita mempunyai dana. Kalau dalam bajet yang akan datang ini, tadi saya dengar mungkin ada RM1 bilion diperuntukkan untuk menjalankan program di bawah SME Corp. ini. Pertama ialah di bawah SME Corp, kita mempunyai dua program. Satu iaitu program yang disebutkan *Business Accelerator Programme* iaitu untuk membantu usahawan yang baru membuka *business* mereka. Ia punya maksimum pinjaman yang diberi ialah RM400,000. Akan tetapi, daripada RM400,000 itu, 40 peratus datangnya dari SME Corp. manakala baki 60 peratus itu dikeluarkan oleh syarikat itu sendiri.

Ada lagi satu program di mana SME Corp jalankan iaitu *micro enterprise Enrichment and Enhancement Program* yang kita sebut E^2. Program E^2 ini, maksimum *loan* yang kita beri adalah RM100,000 dan ini untuk membantu syarikat-syarikat yang mungkin tidak dapat meningkatkan lagi prestasi mereka dalam perniagaan mereka dan juga syarikat yang boleh disebutkan *"sick"*, yang mungkin *blacklisted* juga yang kita dapat membantu. Jadi, ini usaha kita untuk membantu mereka untuk dibaikpulihkan lagi. Dana-dana seperti ini kita beri di antaranya bantuan bagi mendapatkan persijilan akreditasi, pembungkusan produk, pelabelan, pengiklanan, promosi dan aktiviti inovasi dan penjenamaan yang diberikan kepada mereka.

Selain daripada itu, bagi syarikat-syarikat yang kecil itu, TEKUN juga memainkan peranan di mana *micro credit,* Skim Pembiayaan Usahawan Mikro juga diberi kepada mereka tetapi ini dijalankan oleh TEKUN di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri saya rasa. Selain daripada itu, MITI juga memberi skim pinjaman mudah bagi PKS di bawah *Malaysian Industrial Development Finance* (MIDF) yang mana diberi kepada yang memerlukannya untuk membuat kilang-kilang mereka tersendiri.

Selain daripada itu, kita juga bekerjasama dengan 13 bank di seluruh Malaysia ini iaitu Affin Bank, Alliance Islamic, Am Islamic Bank, Bank Islam Malaysia, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Muamalat Malaysia, CIMB Islamic Bank, Hong Leong Islamic Bank, Kuwait Finance House, Maybank Islamic Berhad, Public Islamic Bank, RHB Islamic Bank Berhad, HSBC Amanah Malaysia Berhad. Jadi, sebanyak 13 buah institusi kewangan dan tiga agensi terlibat dalam pelaksanaan dana. Dan penilaian terhadap permohonan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh bank itu sendiri dan juga di bawah skim itu.

Jadi dari segi peruntukan yang disalurkan itu tadi, saya rasa kita mempunyai *liquidity* untuk memberi pinjaman kepada usahawan-usahawan kita di seluruh Malaysia dalam tahun yang akan datang. Sekian, terima kasih.

14. Dato' Lim Nget Yoon minta Menteri Pengangkutan menyatakan, tindakan diambil oleh kementerian untuk menangani masalah orang ramai membuang sampah daripada kenderaan-kenderaan dalam perjalanan. Pembuangan sampah daripada kenderaan boleh membawa maut kepada penunggang motosikal dan basikal.

Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang berkaitan, soalan nombor 14 ini.

Tuan Yang di-Pertua, perbuatan membuang sampah merata-rata dan sembarangan bukan sahaja tidak beretika, malah merupakan satu bentuk kacau ganggu dan merupakan suatu kesalahan dari perspektif perundangan TORT dan boleh diambil tindakan undang-undang di bawah Kaedah Kenderaan Perkhidmatan Awam (Pelesenan dan Kelakuan Pemandu, Konduktor dan Penumpang) 1959 di mana adalah menjadi kesalahan membuang apa-apa botol, cecair atau sampah keluar daripada kenderaan. Jika disabit kesalahan, boleh didenda di bawah seksyen 119, Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu tidak melebihi RM2,000 bagi kesalahan kali pertama. Bagi sabitan kali kedua atau kesalahan berterusan, pesalah berkenaan boleh didenda tidak melebihi RM4,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya.

Selain itu, kesalahan ini boleh diambil tindakan di bawah seksyen 80 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] dan seksyen 12, Akta Kesalahan Kecil 1955 [*Akta 336*] kerana melakukan perbuatan kacau ganggu. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia ataupun MIROS, sehingga kini tiada rekod yang mengaitkan sampah yang dibuang daripada kenderaan dengan kemalangan maut. Terima kasih.

■1150

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kelakuan yang tidak bertanggungjawab itu bukan hanya membuang sampah dari kereta termasuk buka pintu kereta, mengeluarkan kereta tidak memandang belakang dan ini amatlah mengecewakan kita. Jadi, kawalan untuk tindakan itu tidak mencukupi. Semua kelakuan itu bergantung kepada sikap dan konsep rakyat kita. Jadi, soalan tambahan saya ialah apakah tindakan, langkah-langkah atau kempen oleh kementerian untuk mendidik rakyat kita supaya mereka dapat kesedaran dan keinsafan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang telah saya sebutkan tadi tanggungjawab ini bukan sahaja tanggungjawab Kementerian Pengangkutan dan saya sebutkan tadi pihak berkuasa tempatan pun ada tanggungjawab dan juga kementerian-kementerian lain.

Kita sama-sama mengkoordinasikan usaha untuk mendidik anak-anak dari kecil sehingga dewasa supaya etika jalan raya atau etika kita menggunakan jalan raya senantiasa dipatuhi seperti tidak membuang sampah daripada kereta. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi untuk membuat *enforcement* yang bertambahan kepada mereka yang tidak begitu prihatin kepada *safety* ataupun keselamatan orang lain dalam membawa kereta ataupun memutarkan kereta ke mana-mana. Jadi Yang Berhormat, terima kasih atas keprihatinan ini dan saya harap kita bolehlah memikirkan bersama-sama cadangan Yang Berhormat tadi untuk dipanjangkan kepada seluruh masyarakat kita di Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Mohon soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Puan Mariany.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon bertanya jabatan ataupun agensi manakah yang akan mengeluarkan saman ataupun tindakan terhadap mereka yang membuang sampah di luar tingkap kereta? Berapakah jumlah saman ataupun tindakan yang telah dikenakan atau dikeluarkan kepada mereka yang telah menyalahi undang-undang yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya kereta *private* ataupun kereta persendirian kalau tidak silap saya, saya akan *check* nanti, tidak ada undang-undang untuk mengambil tindakan kepada mereka yang membuat kesalahan seperti membuang sampah daripada kereta itu tetapi seperti yang saya sebutkan tadi adalah kenderaan awam iaitu *buses, taxi* dan kenderaan awam yang berlesen. Kenderaan awam yang membuat kesalahan ini boleh disabitkan dalam undang-undang yang saya sebutkan tadi Yang Berhormat. Jadi saya minta izin Tuan Yang di-Pertua supaya menjawab soalan yang kedua tadi dari segi data-data yang tertentu berkaitan dengan penangkapan orang yang buat salah ini di mana dan sebagainya mengikut taburannya, mengikut negeri atau lain-lain. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya akan benarkan satu lagi pertanyaan iaitu pertanyaan Tuan Khoo Soo Seang. Silakan Tuan Yang di-Pertua.

15. Tuan Khoo Soo Seang minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan bilangan bangunan yang sudah siap dibina dan diduduki tetapi masih belum lagi mendapat strata *title* di negeri Johor. Apakah tempoh paling lama yang belum dapat strata *title* serta sebab-sebabnya dan tindakan susulan yang diambil untuk menjaga kepentingan para pemilik unit.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berdasarkan maklumat yang diterima daripada pentadbiran tanah negeri Johor adalah dianggarkan sebanyak 99,000 petak sudah siap dibina dan diduduki. Daripada jumlah ini sebanyak 82,407 petak telah dikeluarkan hak milik strata manakala 3,985 petak dalam proses pengeluaran hak milik strata oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor. Adalah dianggarkan sebanyak 12,200 petak masih belum memohon hak milik strata.

Tempoh paling lama yang belum mendapat hak milik strata adalah bergantung kepada Sijil Layak Menduduki atau *Certificate of Fitness for Occupation* (CFO) bagi skim tersebut. Terdapat tiga masalah utama yang dikenal pasti sebagai punca kelewatan dan kegagalan pengeluaran hak milik strata iaitu:

(i) masalah tanah. Contoh masalah berkaitan tanah adalah seperti hak milik tanah masih berstatus hak milik sementara, pembangunan yang bercanggah dengan surat nyata tanah dan lain-lain lagi;

(ii) masalah bangunan. Contoh masalah berkaitan bangunan adalah seperti bangunan didirikan terkeluar daripada sempadan lot, bangunan dibina tidak mengikut pelan bangunan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan dan lain-lain lagi; dan

(iii) masalah pemilik tanah pemaju. Contoh masalah berkaitan tanah adalah seperti syarikat pemilik tanah atau pemaju telah digulung, syarikat pemilik tanah atau pemaju mengalami masalah pengurusan dan kewangan yang serius dan pemilik tanah atau pemaju tidak dapat dikesan atau meninggal dunia.

Seterusnya, bagi mengatasi masalah kelewatan memohon hak milik strata. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum sewaktu Rang Undang-undang Hak Milik Strata (Pindaan) 2012 telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 4 Disember yang lalu, matlamat utama pindaan tersebut adalah bagi membolehkan pengeluaran hak milik strata dan pemilikan kosong atau dengan izin, *vacant possession* secara serentak. Di bawah seksyen 8 rang undang-undang tersebut, penguatkuasaan kegagalan memohon hak milik strata, akan dibuat oleh pihak berkuasa negeri. Selain daripada itu, kementerian melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian telah mengambil inisiatif seperti berikut:

(i) Jawatankuasa Kerja Hak Milik Strata telah ditubuhkan bagi memantau kes-kes permohonan hak milik strata secara berkala; dan

(ii) Program Pemutihan bagi bangunan-bangunan lama yang gagal memohon hak milik strata turut dilaksanakan melalui antaranya Program 1Negeri 1Skim sebagai salah satu cara untuk membantu pihak pemilik tanah untuk memperoleh hak milik strata.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Tuan Khoo Soo Seang.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat saya berikan satu contoh yang spesifik untuk memudahkan mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab soalan saya. Ini kes di Daerah Kulai Jaya di Johor. Pemajunya ialah pemaju yang besar, Asiatic. Rancangan perumahan itu adalah rancangan rumah yang besar, Indahpura. Di situ ada rumah kedai empat tingkat yang dijual secara berstrata dan sudah lebih sepuluh tahun, CF semua sudah dapat, bangunan itu sudah digunakan lebih sepuluh tahun sampai hari ini masih belum ada *strata title.* Jadi, saya pun tidak tahu apa punca-puncanya dan apakah hak pembeli rumah di segi ini? Apa yang pembeli rumah boleh tuntut oleh kerana setiap kali tanya pemaju, dia kata, *"Tunggu, tunggu!"* sudah lebih sepuluh tahun. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1200

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih. Masalah ini banyak berlaku seperti begini Yang Berhormat. Di mana satu bangunan sepatutnya apabila dijual nanti selepas *Sale and Purchase Agreement* ditandatangani, apabila siap sepatutnya akhirnya *strata title* itu dapat di *deliver* kepada pembeli-pembeli. Akan tetapi, dalam perkara ini, Ahli Yang Berhormat telah berkata sebentar tadi bahawa kemungkinan besar *strata title* tidak dikeluarkan, tidak dapat dikeluarkan oleh kerana si pemaju itu kemungkinan besar tidak memohon *strata title* itu.

Di dalam perkara ini, seperti saya katakan sebentar tadi, kalau perkara ini belum selesai lagi, maka ada tindakan-tindakan tertentu yang telah dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan. Di mana pertama, seperti saya huraikan sebentar tadi, pertama kita mewujudkan satu ahli jawatankuasa untuk memeriksa kesemua ini. Menggalakkan kepada kerajaan tempatan untuk mengenal pasti orang-orang yang belum memohon *strata title* ini untuk kepentingan pengguna-pengguna.

Keduanya, Kerajaan Barisan Nasional juga begitu proaktif sekali untuk melihat kesemua masalah pembeli-pembeli yang belum lagi mendapat *strata title*. Salah satu itu ialah rang undang-undang yang baru sahaja kita luluskan itu. Itulah tindakan-tindakan tertentu kita ambil. Kalau orang itu, isu yang spesifik itu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, kalau ada maklumat-maklumat tertentu seperti mana kita sedia maklum ia menjadi suatu kesalahan di bawah rang undang-undang baru ini, kalau sekiranya orang itu apabila diberitahu untuk memohon strata *title* juga enggan untuk memohon. Sekian.

Puan Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, setakat hari ini berapa kes yang telah dibuat pendakwaan mengguna pakai undang-undang yang sedia ada bagi kegagalan pemaju untuk memohon hak milik strata dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya sudah huraikan sebentar tadi tindakan-tindakan yang kita akan ambil terhadap pemaju-pemaju yang gagal untuk memohon *strata title.* Dalam pada perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, maka dalam proses kita untuk mengenal pasti orang-orang yang gagal untuk memohon hak milik strata itu, maka kita telah mengenal pasti 4,615 skim. Ini telah dikenal pasti yang gagal untuk memohon hak milik strata setakat 31 Julai 2012. *Now,* daripada jumlah ini 1,505 skim telah disediakan laporan awal dan 90 skim telah disediakan kertas siasatan. Di dalam kes ini terdapat dua kes yang telah didakwa di Selangor dan Pulau Pinang. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan itu maka selesailah pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan kita pada hari ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2013

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," ***[11 Disember 2012]***

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum kita menjemput Yang Berhormat Puan Roslin untuk menyambung ucapan beliau.

Sekarang saya ingin menjemput mempersilakan seorang Menteri untuk mengemukakan satu usul. Silakan Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.05 tgh.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua perbahasan dasar di peringkat Bacaan Kali Kedua ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2013 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 13 Disember 2012."

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman menyambung berucap. Dipersilakan Yang Berhormat.

12.06 tgh.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung ucapan membahaskan usul Bajet 2013 iaitu fokus saya yang keempat, mengenai konsolidasi fiskal dan mencekapkan penyampaian perkhidmatan awam.

Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada penjawat awam yang telah diberi pengiktirafan oleh kerajaan dengan memberi satu setengah bulan bonus. Dalam hubungan ini saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar penjawat awam memberi perkhidmatan terbaik dan menerapkan budaya produktiviti, kreativiti dan juga inovasi serta mesra rakyat.

Saya berharap agar penjawat awam akan menyokong usaha kerajaan untuk menjadikan negara ini sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Berhubung dengan penjawat awam ini, saya berharap kerajaan akan membimbangkan untuk menyerapkan penjawat awam yang berjawatan kontrak, sementara dan sambilan ke jawatan tetap khususnya yang telah berkhidmat melebihi lima tahun.

Saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan yang menghargai jasa 50,371 pesara kerajaan dengan menaikkan pencen minimum dari RM720 sebulan kepada RM820 sebulan. Langkah ini membuktikan kerajaan hari ini adalah kerajaan yang prihatin dan berkebajikan, dahulu, kini dan selamanya. Insya-Allah.

Saya juga amat mengalu-alukan langkah kerajaan mengenang jasa pahlawan, bakti pahlawan negara khususnya bekas tentera yang bersara awal kerana berkhidmat kurang daripada 21 tahun diberikan sumbangan secara *one-off* sebanyak RM1,000. Saya menyanjung tinggi langkah kerajaan yang telah menjaga kebajikan anggota tentera.

Seterusnya juga saya ingin membuat gesaan di sini supaya di dalam KPI pentadbiran di peringkat daerah, diwajibkan juga para pegawai atasan sama ada Pegawai Daerah ataupun Penolong Pegawai Daerah kerap turun padang mengadakan dialog dan sebagainya dengan para rakyat. Adalah disarankan supaya pihak pentadbiran di peringkat bawahan supaya turun padang untuk menyampaikan perancangan kerajaan dan mendengar keperluan rakyat. Mungkin kaedah interaktif melalui *internet, Facebook* ataupun *Twitter* diwajibkan bagi membolehkan satu hubungan interaktif dapat diadakan.

Seterusnya untuk fokus saya yang kelima iaitu kesejahteraan rakyat. Di mana di luar bandar kerajaan telah pun membuka pula Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di Gopeng, Perak dan Wakaf Che Yeh, Kelantan, bagi menyediakan sebuah pusat integrasi perkhidmatan meliputi pengumpulan, pemprosesan dan juga pengedaran hasil pengeluaran pertanian, perbankan dan insurans, khidmat nasihat perniagaan, latihan dan kemahiran, klinik serta ruang niaga.

Berdasarkan manfaat yang diterima kerajaan akan terus memperluaskan RTC ke Melaka, Johor, Pahang, Sabah dan juga Sarawak. Selain daripada itu, kerajaan juga akan menaikkan taraf Medan Infodesa seluruh negara sebagai mini RTC.

■1210

Timbalan Yang di-Pertua: Ada satu minit lagi Yang Berhormat.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Satu minit sahaja? Adalah diharapkan pihak kerajaan tidak menumpukan RTC itu semata-mata tapi memberi peluang kepada penduduk sekeliling menerima manfaatnya. Jikalau satu kampung dipilih maka kampung di sekelilingnya haruslah diberi peluang yang sama untuk menikmati dan menyertai program-program di RTC tersebut. RTC tidak harus dipandang sebagai satu program eksklusif.

Kerana saya diberi satu minit, saya nak sentuh satu *point* iaitu tentang perkhidmatan kereta api ke Pantai Timur. Di mana Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak telah pun mengumumkan bahawa kajian kebolehlaksanaan serta projek laluan rel Pantai Timur, ECRR yang dimulakan pada tahun 2009 merangkumi Pahang, Terengganu, Kelantan telah siap untuk dilaksanakan. Cadangan projek tersebut meliputi laluan sepanjang 600 kilometer akan menghubungkan Kuala Lumpur ke Tumpat di Kelantan melalui Mentakab, Pahang iaitu Kuantan ke Terengganu dan juga Kota Baharu. Projek ECRR ini adalah mempunyai kesan yang *significant* daripada segi meningkatkan kesalinghubungan antara ECER dan Pantai Barat dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di kawasan Wilayah ECER.

Fasa pertama ECRR akan merangkumi landasan rel sejauh 109 kilometer dari Kerteh ke Kuantan, yang akan membantu memperbaiki rangkaian hubungan antara pelbagai kawasan perindustrian di Zon Ekonomi Khas ECER seperti di Taman Halal Gambang, Taman Pembaikan Bot dan Pangkalan Bekalan di Kemaman, Kompleks Petrokimia Bersepadu di Gebeng, Taman Automotif di Pekan, Kelompok Industri Minyak Sawit dan Pelabuhan Kuantan, sekali gus membantu meningkatkan daya saing pelabuhan tersebut.

Sistem rel yang dicadangkan untuk Wilayah Pantai Timur ini juga dijangka berupaya merangsang pelaburan di ECER kerana pelabur dapat mengurangkan kos perniagaan melalui penggunaan mod pengangkutan yang lebih efektif daripada segi kos dan juga kecekapan serta bersifat mesra alam. Sehubungan itu saya ingin mendapatkan penjelasan .

Timbalan Yang di-Pertua: Ringkaskan Yang Berhormat, gulungkan ya.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Ya, saya gulung. Sehubungan itu saya ingin mendapatkan penjelasan sejauh manakah kemampuan pelaksanaan Projek Kereta api Pantai Timur ini? Apakah status terkini perkhidmatan kereta api barang antara Kuantan dan Kerteh sejauh 72 kilometer yang dikatakan mengalami masalah operasi? Saya ingin mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan perkhidmatan kereta api ini ke Kenyir di Terengganu bagi menarik lebih ramai pelancong berkunjung di sana. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih. Sebelum saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Kadzim untuk berucap, saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian bahawa hari ini merupakan hari terakhir kita berbahas Rang Undang-undang Perbekalan 2013.

Di hadapan saya sekarang ada kurang lebih sepuluh nama Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan mahu berucap pada hari ini. Kita akan beri peluang dan masa yang sewajarnya untuk Yang Berhormat berucap. Ini kerana hari ini kita tidak akan menangguhkan sesi kita sehingga selesai semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang kesepuluh orang ini berucap. Selepas itu esok dengan hari Isnin adalah hari untuk kementerian-kementerian menjawab. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Kadzim, silakan Yang Berhormat.

12.14 tgh.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum* dan salam 1Malaysia. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Bajet 2013.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan di atas keupayaan Kerajaan Pusat menyediakan bajet yang melebihi RM250 bilion untuk tahun 2013. Daripada jumlah itu, lebih RM49 bilion adalah peruntukan untuk pembangunan dan jumlah RM49 bilion ini adalah satu jumlah yang besar. Maka, perbahasan saya hanya akan menyentuh mengenai pelaksanaan dan penyampaian peruntukan pembangunan tersebut, terutamanya dalam konteks negeri Sabah yang diperuntukkan RM2.3 bilion untuk pembangunan. Tempoh satu tahun atau 12 bulan adalah tidak lama, satu masa yang singkat. Oleh itu, untuk memastikan peruntukan pembangunan sebesar itu dapat dimanfaatkan oleh rakyat jelata, maka adalah perlu bagi agensi dan jabatan pelaksana untuk menjadi lebih cekap demi memastikan pelaksanaan pembangunan itu dapat dilaksanakan mengikut masa-masa yang telah ditetapkan.

Keperluan mematuhi peraturan dan arahan Perbendaharaan bukanlah satu alasan menjadikan pelaksanaan itu melalui *bureaucratic red tape,* dengan izin. Ada kalanya sehingga bulan Jun tahun itu pun masih belum keluar kertas-kertas tender dan sebagainya.

Jadi, kalau dalam bulan Jun masih belum keluar kertas tender, bilakah agaknya projek pembangunan itu hendak dimulakan dan jika projek tidak dimulakan, tidak adalah penyampaian kepada rakyat jelata. Jadi, bila tidak ada penyampaian, kita pasti akan berhadapan dengan sindiran, janji tidak ditepati.

Badan-badan pelaksana hendaklah komited dalam hal ini. Dalam konteks negeri Sabah pula, pembangunan melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan akan dilaksanakan sendiri oleh kementerian atau agensi persekutuan tetapi sering kali berlaku kelewatan ke atas sesebuah projek bukan sahaja disiapkan malah dimulakan mengikut waktu yang sepatutnya.

Punca utama masalah ini berlaku adalah disebabkan keputusan pelaksanaan sesuatu projek itu masih dibuat di pusat. Justeru, sebarang masalah di lapangan atau *field,* dengan izin, tidak akan dapat segera diatasi. Jadi, bagi mengatasi masalah ini berlarutan tahun demi tahun, saya mohon mencadangkan apa dapat kiranya Kerajaan Pusat membuat satu tindakan dan pendekatan yang berani dan drastik iaitu dengan menyalurkan peruntukan pembangunan yang dibiayainya kepada kerajaan negeri untuk pelaksanaan.

Kerajaan negeri mempunyai kementerian dan agensi yang berkemahiran dan berkemampuan untuk melaksanakan projek-projek berkaitan seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar Negeri, Kementerian Pertanian dan Industri Pemakanan, Kementerian Pembangunan Infrastruktur yang mana juga disokong oleh lebih 20 buah majlis perbandaran dan majlis daerah untuk melaksanakan segala projek-projek pembangunan yang dibiayai oleh Persekutuan.

Timbalan Yang di-Pertua: Banyak lagi ke Yang Berhormat?

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Pelaksanaan melalui kerajaan negeri juga akan membantu pelaksanaan sesuatu projek akan menepati keperluan dan kesesuaian setempat yang dapat dinikmati rakyat jelata iaitu kumpulan sasar kita. Pemantauan dan pengawalan pelaksanaan projek-projek persekutuan oleh kerajaan negeri masih boleh dibuat oleh Kerajaan Pusat. Yang pentingnya ialah Kerajaan Pusat perlu ada kepercayaan dan keyakinan terhadap kerajaan negeri tentang kemampuannya menjadi pelaksana kepada projek-projek yang dibiayainya.

■1220

Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan Pusat mempunyai keyakinan bahawa negeri Sabah mampu menjadi *fixed deposit*nya dalam pilihan raya umum nanti, saya minta berilah sedikit keyakinan yang sama untuk kerajaan negeri membantu Kerajaan Pusat untuk melaksanakan projek-projek Persekutuan agar sistem penyampaian yang efisien dapat diperoleh yang mana pada akhirnya rakyatlah yang mendapat manfaatnya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad.

12.31 tgh.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberi masa kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Bajet 2013 ini. Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2013 ini adalah bajet yang bertujuan membantu rakyat yang mana telah dibentangkan baru-baru ini di Parlimen oleh Perdana Menteri kita. Tidak perlu saya hurai satu per satu bajet yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri. Ini kerana kebanyakan semua Ahli Yang Berhormat telah pun berucap tentang bajet ini. Saya yakin ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat telah ada *bil-bil* yang telah disampaikan oleh Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin sentuh tentang Kementerian Pelajaran Malaysia. Isu Sistem Analisa Pemeriksaan Sekolah (SAPS). Banyak laporan didengar dari golongan setiausaha peperiksaan sekolah berkenaan dengan Sistem Analisa Peperiksaan Sekolah atau SAPS.

Kebanyakan rungutan yang mereka terima adalah berkenaan dengan masalah apabila hendak *handle* masuk data ataupun *key-in* ke dalam sistem ini kerana ketika mereka hendak memasukkan data, pada waktu itulah sistem itu tidak aktif dan ada kalanya tidak dapat beroperasi dengan baik. Saya berpandangan sistem yang dilancarkan ini adalah sangat bagus untuk mengukur tahap peperiksaan di sekolah-sekolah. Namun, apa yang menjadi masalah ialah berkenaan dengan kecekapan sistem itu beroperasi dengan baik ketika jumlah pengguna melayari sistem itu terlalu ramai.

Masalah yang saya dapati – yang saya terima aduan ialah *serve*mya terlalu lemah. Akan tetapi dua hari lepas, saya mendapat maklumat daripada kawan-kawan yang menjadi guru, sistem ini telah dibaikpulih dan berkuranglah masalahnya. Saya bukan mahir dalam bab ICT ini tetapi saya berpandangan *server* yang hendak diakses oleh jutaan pengguna perlulah aktif dan kuat. Tidak tergantung, atau *hang* dan mudah dikawal dalam beberapa saat sahaja. Ada guru terpaksa bangun pada pukul tiga pagi, empat pagi atau lima pagi semata-mata untuk mengakses sistem tersebut.

Bagi kawasan luar bandar yang jaringan *internet*-nya lemah dan tiada komputer, bayangkanlah guru-guru terpaksa pergi semula ke sekolah untuk menggunakan komputer yang jauh itu. Bagaimana menggunakan kereta api di Kelantan contohnya. Terpaksa naik perahu dan bot di Sabah dan Sarawak. Dalam hutan. Harap Kementerian Pelajaran ambil perhatian perkara ini walaupun dalam tindakan kementerian. Di harap pihak kementerian dapat memperbaiki sistem tersebut supaya lebih mesra pengguna supaya guru-guru tidak banyak membuang masa untuk memasukkan data ke dalam sistem SAPS. Persoalannya, sudahkan kementerian membuat analisa dan keputusan terbaik bagi mengendali masalah ini?

Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS). Pelaksanaan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) mulai murid Tahun Satu (2011) diyakini dapat melahirkan modal insan yang holistik serta seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek seperti yang di aspirasikan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Ketika ini, sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan dan terlalu mengiktiraf pencapaian akademik menyebabkan penglibatan pelajar kurang dalam ko-kurikulum serta memberi tekanan kepada guru, ibu bapa dan juga pelajar berkenaan. Tekanan ke atas guru-guru untuk menghabiskan sukatan pelajaran menyebabkan fokus kepada produk akhirnya dan bukannya kepada proses pembelajaran. Saya difahamkan sistem penaksirannya banyak berubah dan ada yang langsung tidak mempunyai peperiksaan awam semasa berada di peringkat sekolah rendah mahupun menengah.

Saya ada membaca, bagi semua yang bakal diguna pakai oleh kementerian. Persoalannya, sudah kah kementerian turun padang membuat pemantauan termasuk dari PIBG, ibu bapa, sekolah-sekolah dan luar bandar. Jika ya, bagaimana keputusan pemantauan dibuat?

Yang ketiga, saya juga mohon agar *server* sekolah dan di PPD di naik taraf. Naikkan kapasiti supaya tidak *hang* atau terganggu semasa guru membuat tugasan.

Keempat, Bahasa Malaysia sebagai bahasa utama. Untuk menyentuh isu penggunaan bahasa Malaysia hari ini, nampaknya para budayawan dan ahli bahasa termasuk juga pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), ahli GAPENA, suara mereka tenggelam, di sebaliknya kedengaran politik rakyat yang lebih membudayakan bahasa Inggeris. Persoalannya, apakah hendak kementerian memperkasakan penggunaan bahasa Inggeris di sektor swasta. Isunya, saya lihat di berita televisyen, terutamanya masa prima, jika seksyen *business*, ramai ahli perniagaan dan tokoh korporat membuat kenyataan dalam bahasa Inggeris. Kenapa ini berlaku? Walaupun kenyataan untuk rakyat. Macam mana rakyat luar bandar hendak faham, sekali gus menimbulkan rasa tidak minat untuk rakyat luar bandar mengikuti siaran tersebut.

Kelima, apa pula peranan Persatuan Pengurusan Kebangsaan Malaysia (PPKM) dalam mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pelajaran Malaysia mengenai isu Sistem Analisa Peperiksaan Sekolah (SAPS)?

Bagaimana pula pandangan mereka, persatuan ini sebagai platform terbaik untuk menyuarakan aduan guru yang beban dengan tugas ini? Saya yakin pihak Kementerian Pelajaran membuat permasalahan ini akan bersetuju untuk terlalu tergesa-gesa dengan teras yang ditekan bagi memasukkan data peperiksaan.

Isu J-QAF. Saya mengucapkan terima kasih atas langkah Kementerian Pelajaran membuat ruang kepada lebih ramai lepasan Ijazah Sarjana Muda Institusi Pendidikan Guru Islam bagi mengatasi masalah kekurangan guru Jawi, Al-Quran, bahasa Arab dan Fardu Ain (J-QAF) di seluruh negara. Saya difahamkan guru-guru lepasan KPLI J-QAF yang paling ramai dapat kerja dan paling banyak pegang jawatan.

Kebiasaannya guru-guru ini ialah yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan pelbagai aktiviti dan program di sekolah-sekolah. Apa yang saya ingin bangkitkan ialah seperti berikut:

(i) bagaimanakah kriteria jawatankuasa pemantau melayakkan guru J-QAF; dan

(ii) adakah benar bukan semua negeri ada menggunakan khidmat guru J-QAF. Boleh saya tahu negeri mana yang tidak perlu guru J-QAF.

Ketujuh, Kementerian Dalam Negeri. Isu daun ketum. Daun ketum atau spesies *mitragynine* yang telah disenaraikan sebagai racun dan bahan *psychotropic* dalam Akta Racun 1952 juga kerap disalahgunakan oleh segolongan rakyat negara kita. Pokok ketum ialah sejenis tumbuhan daripada keluarga *rabiochi* yang banyak terdapat di Afrika, di utara dan tengah Semenanjung Malaysia serta di Selatan Thailand.

■1230

Asalnya daun ketum adalah satu perubatan, sudah lama menjadi bahan perubatan tradisional sebagai minuman pemulihan tenaga bagi wanita yang baru lepas bersalin. Daun ini direbus dan airnya diminum sebagai pemulihan tenaga. Juga bagi rawatan mengeluarkan angin dalam badan dan juga merawat sakit tulang belakang. Walau bagaimanapun, air rebusan daun ketum telah disalahgunakan dan mula dijual secara berleluasa kepada pengguna. Ianya menyebabkan pengguna-pengguna atau penagih dadah menjadikan daun ketum sebagai alternatif murahan untuk memulihkan nafsu keghairahan mereka di sebalik kesannya yang hampir sama.

Saya menggesa agar pihak Jabatan Peguam Negara mengkaji semula kesalahan menggunakan daun ketum yang kini mengikut Akta Racun atau Akta Dadah. Selain mengenal pasti kegiatan menghidu gam sebagai kesalahan di bawah akta yang sama. Ini kerana kesalahan itu perlu membanteras penyalahgunaan dadah, daun ketum yang boleh membuatkan minuman air daun itu menjadi penagih dan mengambil berulang kali termasuk dicampurkan dengan minuman tertentu.

Saya ada terbaca satu kajian yang dijalankan oleh badan NGO iaitu Pengasih melibatkan 10,000 responden mendapati ada di kalangan dewasa berusia sekitar 40-an meminum air ketum dicampurkan dengan kopi atau lain-lain minuman untuk meningkatkan tenaga. Ini bermakna ia bukan sahaja diambil oleh penagih malah menjadi amalan harian pihak lain yang boleh membawa mudarat jika diambil berulang kali secara berterusan cuma...

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Mohon mencelah.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Cuma dari pemerhatian saya, daun ketum ini banyak didapati di utara tanah air, Kedah, Perlis. Ianya murah dan ada peniaga yang menjual daun ketum ini kepada penagih tempatan dengan harga yang begitu memuaskan dan ada yang sedih, anak remaja kita sendiri yang banyak terbabit. Hukuman sedia ada juga agak ringan di mana saya difahamkan penagih daun ketum ini biasanya disiasat di bawah seksyen 30(3) Akta Racun 1992 yang jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM10,000 atau penjara maksimum empat tahun atau kedua-duanya sekali.

Apabila pergi ke mahkamah, majistret ataupun hakim denda maka yang dituduh membuat muka kasihan, muka belas, maka dendanya pun tidak tinggi tetapi kebanyakan ianya didenda kerana telah dikenal pasti sebagai racun saja, bukan dadah berbahaya. Soalannya, adakah Kementerian Dalam Negeri (KDN) bercadang meminda isu daun ketum ini sebagai salah satu cabang dadah berbahaya. Kenapa negara jiran kita iaitu Thailand...

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Boleh celah?

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Ya, sila.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih. Saya ingin tahu adakah penggunaan daun ketum ini berleluasa di kawasan sebelah utara Malaysia terutamanya di kawasan Yang Berhormat sendiri Perlis dan adakah tumbuhan ini tumbuh liar ataupun sengaja ditanam oleh pihak-pihak tertentu dan adakah usaha-usaha diambil oleh pihak yang berkenaan bagi memusnahkan pokok-pokok ini secara serius? Ini kerana masalah ini nampaknya berpanjangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Teruskan.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya daun ketum di utara contoh di Perlis dan Kedah..., Pak Cup tengok apa...? *[Merujuk kepada Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin]* Ada atau tidak kita nampak tanam? Bukan tanam sepokok dua, macam ladang di belakang rumah ataupun di pinggir-pinggir tanah yang terbiar. Jadi, ada juga penguat kuasa buat pemantauan tetapi biasalah, apabila buat hari ini, esok tanam semula. Jadi, kita harap kalau di negara jiran difahamkan, daun ketum, pokok ketum tidak boleh ditanam, betul Dato' Boon? Haram. Bukan setakat sehari dua ini tetapi sudah lama.

Dato' Boon Som a/l Inong: Boleh saya mencelah? Sebenarnya di utara Semenanjung kita ini boleh kata bukan lagi untuk tanaman ubat malah merupakan industri. Di Kedah sebenarnya dijual kepada peniaga-peniaga Thailand RM30 sekilo sekarang ini, ada sesetengahnya RM40 sekilo. Jadi, menjadi satu pendapatan pula kepada penduduk di utara, merupakan industri tetapi kenapa di Thailand ini dianggap daun ketum ini merupakan tumbuhan yang merupakan sebagai satu seperti ganja, Akta Dadah di mana dimusnahkan pokok-pokok ketum ini di Thailand terutama sekali di selatan Thailand. Terima kasih. Apakah cadangan Yang Berhormat untuk perkara ini supaya perkara ini sebab ini berlarutan di mana dijual di kedai-kedai kopi, dimakan menjadi ketagihan bagi pemuda-pemudi yang lali dengan keadaan apabila minum daun ketum ini? Terima kasih.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Betul apa kata Yang Berhormat Dato' Boon tadi. Dia tanam seperti komersial. Ada sesetengah pihak ambil keuntungan di atas penjualan daun ketum ini tetapi di negara Thai, dia boleh haram dan didenda sekiranya memiliki ataupun menanam pokok ini. Jadi, kita bercadang di Malaysia pun macam itu juga. Tolong, yang baik itu tirulah, kita ikut, yang tidak baik itu kita janganlah ikut. Jadi, cuba ambil teladan sebegini untuk...

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya celah sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat. Bolehkah?

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Yang Berhormat, saya tertarik hati dengan apa Yang Berhormat cakapkan tadi masalah daun ketum ini. Saya difahamkan orang yang sakit darah tinggi ambil daun ketum ini boleh mengurangkan tekanan darah tinggi. Oleh sebab itu ada dekat rumah kita tengok ada yang tanam sepokok dua tidak ada lebihlah. Ini orang utara ini memang dia suka buat kerja begitu tapi kalau orang kawasan selatan ini dia tidak ada. Memang mungkinlah yang kita tengok satu rumah itu ada tanam sepokok dua. Mungkin itu yang untuk membuat kata boleh turunkan tekanan darah tinggi.

Apa ini mengikut tradisional mungkin itu yang saya difahamkan. Saya minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Kalau sedikit jadi ubat, tekanan darah boleh kurang, kalau senak perut pun boleh makan daun dia buat ulam pun boleh hilang senak, sedikitlah tetapi kalau sudah banyak, dia sudah tidak jadi ubat dah. Yang Berhormat kata di sebelah utara saja daun ketum, jangan Yang Berhormat, ada. Saya dapat tahu orang sebelah Johor pun mari ambil di Kedah, di Pahang pun kata ada tanam pokok ini untuk dijual. Dia ada spesies dia. Ada daun ketum jenis ini, ada yang jenis ini, saya pun tidak tahulah. Saya dengar orang yang guna daun ketum ini yang beritahu. Jadi, walau bagaimanapun, terima kasih Yang Berhormat. Kita berharap kerajaan kita tolong kaji semula hal-hal daun ketum ini.

Kalau betul jadi ubat tradisional Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, kenapa MAHA baru-baru ini tidak ada satu gerai yang mengatakan daun ketum ini boleh dijadikan ubat sekian, sekian, sekian di MAHA. Mana ada satu senarai daun ketum ini jadi ubat? Ubat ini, sedangkan ubat itu ubat herba, macam-macam ada. Kenapa tidak ada dimasukkan daun ketum, yang lain ada, tongkat ali semua ada, kacip fatimah semua ada tapi daun ketum tidak ada. Jadi, cubalah persatuan-persatuan pengguna tradisional kalau hendak buat, yang bantah sangat ini ialah Persatuan Pengguna Perubatan Tradisional. Jadi, kalau hendak buat, boleh buat hanya untuk perubatan tradisional saja. Minta permit dekat KKDN, KKDN bagi buat ladang di mana-mana, itu saja. Jangan tanam berselerak. Ini kalau kita pergi ke kedai kopi, setiap kampung mesti ada. Bukan di kampung, di taman pun ada, ditanam sedikit-sedikitlah untuk buat perhiasan dan sebagainya seperti mana kata Yang Berhormat Noriah tadi.

Jadi, mintalah kerajaan tengok kalau di MAHA ada terbukti kalau betul-betul, mesti ada di MAHA. Saya merayu kepada kerajaan khususnya kepada KKDN kalau sayangkan rakyat Malaysia lebih-lebih lagi anak muda kita generasi Y, tolonglah akta ini diwartakan sebagai dadah berbahaya.

Kegiatan hidu gam. Saya juga ingin menyentuh kegiatan hidu gam sebagai masalah serius dan lebih membimbangkan kerana ianya melibatkan remaja dan kanak-kanak. Ini pun sama. Gam pun sama, kena ikut bawah Akta Dadah Berbahaya walaupun penjual di kedai-kedai ada, kita hendaklah memberi lesen kepada peniaga-peniaga ini. Kenapa rokok kita boleh buat kanak-kanak yang berumur sekian, sekian tidak boleh beli rokok, sama juga gam.

■1240

Saya melihat sehingga kini belum ada undang-undang khusus mengenai perkara ini sedangkan hidu gam amat berbahaya kerana ia boleh menjejaskan otak selain mendorong kepada perbuatan jenayah dan gejala sosial.

Keenam, isu kamera AES. Ramai kawan-kawan telah bercakap berkait dengan AES ini. Saya berpandangan AES yang berfungsi mengesan dan merekodkan kesalahan trafik secara automatik menggunakan sistem termaju di mana kamera diletakkan di beberapa kawasan yang kerap berlaku kemalangan yang dikenal pasti di sepanjang lebuh raya, jalan utama dan persimpangan trafik. Sistem ini terdiri daripada kamera tetap dan kamera mudah alih.

AES ini telah pun dilaksanakan di seluruh negara terutamanya di negara-negara maju seperti USA, UK, Perancis, German, Australia, Singapura dan Amerika Syarikat. Terdapat lebih daripada 90 negara di seluruh dunia yang melaksanakan sistem elektronik yang serupa dan hasilnya amat memberangsangkan. Saya ambil contoh Perancis di mana jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya telah menurun sebanyak 27 peratus di dalam tempoh hanya tiga tahun selepas dilaksanakan. Di Kuwait kadar kemalangan trafik telah berkurangan sebanyak 48 peratus. Di German pula 80 peratus daripada pengguna-pengguna jalan raya telah mula mematuhi peraturan jalan raya di kawasan-kawasan yang diletakkan di bawah pengawasan AES. Jelas, AES di negara maju telah mendatangkan kebaikan kepada pengguna dan juga kerajaan negeri.

Saya menyentuh mengenai pelaksanaannya di negara kita. Saya difahamkan lokasi kamera AES yang mengesan had laju dapat dilihat antara jarak dua kilometer hingga tiga kilometer sebelum lokasi kamera berkenaan. Bagi lokasi kamera yang dikesan masalah trafik lampu isyarat ia akan diletakkan antara 50 meter hingga 500 meter daripada persimpangan lampu isyarat berkenaan. Imej yang akan dirakamkan kamera AES dihantar secara automatik ke pusat kawalan AES dan nombor pendaftaran berkenaan tersebut akan direkodkan di dalam pangkalan data JPJ sebelum saman dikeluarkan kepada pemilik kenderaan terbabit.

Saya rasa terkilan dengan tindakan sesetengah pihak yang mempolitikkan isu ini. Mereka menubuhkan badan bertindak kononnya membela rakyat yang di saman. Kaunter bantuan masalah kerajaan negeri di bawah PR menghalang diletakkan AES. Malah yang sudah beroperasi pun dibekukan sehingga notis diberikan atas alasan tidak mendapat kelulusan PBT. Ada yang ke tahap merosakkan kamera AES ini. Saya terbaca laporan akhbar di mana ada kamera AES yang tumbang tiangnya dan disimbah cat lagi. Kalau ia tumbang sebab vandalisme mahupun sebab kemalangan jalan raya yang ruginya rakyat dan pembayar cukai. Malah ada seorang ADUN yang cuba menjadi hero kononnya beliau disaman tetapi sistem mendapati beliau di saman bukan melalui AES tetapi saman trafik biasa. Saya tidak perlulah sebut di mana ADUN itu.

Di sebalik kesungguhan kerajaan menurunkan kemalangan maut, masih ada pihak yang cuba mempolitikkannya. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk memberi cadangan penambah baik agar AES ini tidak lagi dipolitikkan oleh beberapa pihak bagai meneguk di air keruh. Cadangan penambahbaikan:

(i) memasang kamera AES pada jarak yang sama di lebuh raya. Sebagai contoh memasang kamera pada setiap 20 kilometer. Lebuh raya PLUS cuma 847.7km. Kita cuma perlu 84 kamera sahaja untuk mengawasi kamera *PLUS Highway* pada kedua-dua arah. Di sini kita dapat mengurangkan anggota polis dan trafik peronda lebuh raya untuk mengawasi PLUS;

(ii) memasang papan tanda kamera AES beroperasi satu kilometer di hadapan pada setiap kamera. Maka, tidak timbul konsep mencari salah orang sekiranya pemandu masih lagi memandu melebihi had, memang patut kena sama. Dengan memasang papan tanda, *"Anda Berada Di Kawasan Zon Pengawasan AES",* bayangkanlah kalau setiap 20 kilometer akan perlahan kenderaan mereka. Ini menunjukkan pemandu peka dan berhati-hati ketika berada di jalan raya. Kalau semua 20 kilometer pasang orang yang kereta besar macam Yang Berhormat Norliza hendak balik Pulau Pinang tidak boleh lari. Kena sentiasa *follow* sahaja. Tidak perlu pakai kereta mewahlah;

(iii) memasang kamera AES di kawasan strategik. Kamera AES hendaklah dipasang di kawasan yang berbahaya seperti di selekoh tajam, kawasan berbukit atau kawasan yang selalu berlaku kemalangan. Dengan adanya kamera AES ini akan membuatkan pengguna jalan raya lebih berhati-hati ketika berada di kawasan yang berbahaya;

(iv) mengelakkan pengguna melihat secara *online*. JPJ boleh memberi insentif untuk tiga saman pertama AES kepada pengguna yang berdaftar secara *online.* Mereka layak mendapat diskaun 50 peratus dari jumlah kompaun yang dikenakan dan mata merit yang tidak akan ditolak. Ini cadangan;

(v) mengadakan promosi dan *road show*. JPJ boleh mengadakan *road show* di seluruh negara di kompleks beli-belah dan sebagainya. Penguat kuasa JPJ boleh memberi keterangan dengan jelas betapa pentingnya AES ini dan kamera dikesan dalam jangka masa yang panjang. Sesi dialog dan soal jawab boleh diadakan; dan

(vi) melancarkan kempen mengemaskinikan alamat dan gambar pada lesen memandu. Saya mencadangkan kempen ini diadakan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya bagi Yang Berhormat empat minit lagi. Teruskan.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tidak sempat. Hari ini kita ada masa panjang. Tidak apa, saya pilih-pilih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak hendak hurai tentang AES, sebab ramai sudah bahaskan. Saya menyentuh mengenai Petronas. Petronas ramai yang belum bercakap lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Kita ada sembilan orang lagi Yang Berhormat yang belum berbahas Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Petronas. Semenjak sekian lama, syarikat Petronas bermain di minda bakal graduan universiti untuk berkhidmat dengan syarikat Petronas. Akan tetapi, kenapa pekerja mahir dan berpengalaman tidak minat menyertai program ataupun Petronas yang tidak berminat? Ada pekerja mahir dan pengalaman memohon jawatan tetap, tetapi imbuhan ditawarkan terlalu rendah berbanding dengan pekerja luar. Petronas lebih bersikap mengambil orang asing berbanding dengan menawarkan gaji yang lebih baik kepada warga asing. Adakah pekerja asing Indonesia, India dan Pakistan, Filipina lebih berkualiti daripada warga Malaysia yang belajar di universiti yang ada atau diiktiraf oleh JPA?

Isu KLCC. Saya ambil contoh apa yang berlaku dalam gedung perniagaan terhebat Petronas iaitu Suria KLCC. Sudah banyak kali disuarakan mengenai nasib-nasib peniaga bumiputera di situ. Mereka berhadapan dengan pelbagai tekanan dan akhirnya terpaksa ditutup. Pengurusan Suria KLCC yang hampir-hampir 100 peratus dikuasai oleh bukan Melayu bumiputera dan orang asing bagaikan mempunyai agenda tersembunyi kerana setiap kali peniaga bumiputera keluar diganti dengan bukan bumiputera. Maka, akhirnya Suria KLCC dikuasai sepenuhnya oleh peniaga bukan Melayu ataupun bukan bumiputera. Sedangkan ahli lembaga pengarah semuanya orang Melayu bumiputera. Kononnya pengurusan pandai membuat untung. Macam mana tidak buat untung kalau kerjanya hanya menaikkan sewa? Kalau membuat untung hanya dengan kekerapan menaikkan sewa, Suria KLCC tidak perlu mengambil orang lain menjadi ketua pegawai eksekutif kerana saya pun boleh menjalankan tugas tersebut.

Contoh kes pertama, beberapa tahun lalu, akhbar Utusan Malaysia menyiarkan berita mengenai perniagaan bumiputera premis *Levi's* yang berniaga sejak sembilan tahun lalu diberikan notis keluar oleh pihak pengurusan Suria KLCC tanpa sebab. Syarikat tersebut mencatatkan jumlah jualan RM5 juta setahun dan membayar sewa kira-kira RM500,000 setahun. Contoh kedua, perniagaan bumiputera restoran Kelantan di aras empat Suria KLCC sejak 1997, tempoh perniagaan di Suria KLCC telah tamat sepuluh tahun kemudian. Pihak pengurusan Suria KLLC yang menawarkan perjanjian sewa yang baru tetapi telah mencatatkan beberapa syarat baru, selain syarat sedia ada. Antaranya ialah menaikkan sewa hampir 50 peratus lagi iaitu dari RM360,000 setahun kepada RM520,000 setahun. Pada hal kadar sewa telah naik 10 peratus dalam tempoh enam bulan.

■1250

Pada tahun 2001, sewa adalah RM180,000 setahun dan sekarang menjadi RM360,000 setahun. Kos mengubahsuai keseluruhan premis pula ditanggung sepenuhnya oleh penyewa.

Dengan angkuh pengurusan Suria KLCC akan berkata, *"Kalau hendak berniaga, ikut kata mereka dan kalau tidak mahu, ada orang yang hendak menyewa di Suria KLCC."* Adakah yang angkuh berkata, kedudukan mereka ini bukanlah kerana politik. Mereka ini lupa. Jika tidak kerana pejuang politik berentap, KLCC pun tiada. Ini kerana mesti membukakan perniagaan kepada siapa yang dibandingkan oleh NGO terhadap pelantikan jawatan kanan yang strategik yang diberi kepada bukan bumiputera Melayu. Ini tidak pernah berlaku dalam sejarah Petronas. Selama ini Petronas terkenal di dunia kerana kebolehan anak-anak Melayu bumiputera menguruskan. Jangan peleceh kemampuan bangsa sendiri. Lihatlah pengurusan Suria KLCC yang hampir nasi menjadi bubur. Soalannya, saya mohon kerajaan melihat senario hari ini dan memikirkan apakah tindakan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan mengenai Jabatan Peguam Negara. Jabatan Peguam Negara hendaklah mewujudkan sebuah tadika bahasa Inggeris. Sekarang ini tadika tidak khas kepada bahasa Inggeris sahaja, tertumpu kepada pelbagai garis panduan. Jadi, saya minta Tabika Perpaduan mewujudkan tabika khas untuk bahasa Inggeris sahaja. Tabika Islam telah dilancarkan, telah diadakan oleh Jabatan Agama Islam, pihak sekolah dan swasta.

Jadi, untuk memartabatkan Bahasa Malaysia dan memperkasakan bahasa Inggeris, saya rasa untuk sarankan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu Menteri Pelajaran, mengatakan kita hendak memartabatkan bahasa Inggeris. Jadi seelok-eloklah daripada kecil, daripada tabika, luar bandar kita hendaklah mengadakan satu Tabika Perpaduan iaitu khas bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, isu nelayan. Nelayan diberi lesen laut dalam yang mana lesen ini diberikan kepada nelayan tetapi disalahgunakan orang tertentu. Contohnya, saya ambil di Perlis. Saya ingin mencadangkan kepada LKIM dan juga PDKK, tolong datang ke Perlis jumpa saya, saya akan beri contoh. Ini adalah kita hendak mengelakkan daripada gejala-gejala yang tidak sihat. Seorang nelayan, dia ada tiga empat kad minyak. Ini apa cerita dia? Dia ada bot, bot dia pula bawa laut dalam hilang. Minyak hilang, ikan hilang, ke mana? Jadi, saya beri kerjasama kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan juga LKIM datang ke Perlis jumpa saya, saya boleh beri maklumat. Hari ini kerajaan kita mencadangkan untuk menghapuskan rasuah dan gejala tidak elok, ini saya beri kerjasama. Saya terbuka kepada kementerian ini datang ke Perlis, kita sama-samalah membanteras pegawai-pegawai yang tidak elok ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, lebuh raya. Lebuh raya ini kalau dari utara ke selatan, kita lihat ada dua *line*, ada tiga *line*. Saya selalu ulang-alik dari Perlis ke Kuala Lumpur. Jalan ini kalau kita masuk ke Perak, mesti *jam*. Minta Jabatan Kerja Raya perluaskan, perlebarkan jalan yang dua *line,* jadi tiga *line* supaya kesesakan di lebuh raya dapat diatasi, lebih-lebih lagi kita hendak mengelak daripada kemalangan-kemalangan. Jadi apabila jalan sesak, *jam* di jalan raya, kemalangan selalu berlaku. Ia bukan satu dua berlaku, ia akan banyak berlaku. Jadi, tolonglah pihak Jabatan Kerja Raya memandang serius perkara ini sebab kesesakan jalan raya adalah satu tekanan kepada pemandu-pemandu yang bawa kereta. Ia bukan kerana letih, kerana tekanan memandu di atas jalan raya. Jadi...

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Ya, sila.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Khalid. Memanglah kita selalu menjadi mangsa apabila keadaan jalan raya termasuk lebuh raya terlalu sesak. Kadang-kadang ke KL yang sepatutnya mengambil masa lima jam dengan kelajuan 110 km/j, baru-baru ini saya terpaksa mengambil masa sembilan jam. Pukul 4 pagi baru sampai KL. Apabila sesak, pemandu di Malaysia ini, kita terpaksa akui, pemandu yang tidak ada *civic minded* yang baik. Ini kerana kejiranan kita, bukan sahaja kita berada di kampung, bukan sahaja jiran rumah tetapi di jalan raya pun kita ada jiran.

Kereta di hadapan kita perlu kita jaga, kereta di belakang kita perlu juga kita jaga, di kiri dan kanan kita pun kita perlu jaga. Akan tetapi pemandu di Malaysia ini dia tidak kira, termasuk lorong kecemasan.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat, perlu-kah kerajaan menyediakan satu semakan semula tatatertib pemanduan dan orang-orang yang telah ada lesen pun supaya diberi satu kursus semula supaya *civic minded* mereka terutama di jalan raya. Sebagai contoh, kalau negara barat, walaupun saya tidak pernah pergi, orang yang pernah pergi beritahu, kalau kita hendak *reverse* kereta kita, kereta di belakang akan tunggu beri peluang sebab kita tidak ada mata di belakang, mata kita cuma di hadapan. Akan tetapi di Malaysia, kalau kita *reverse*, kereta hon- marah, kita keluar, padahal sepatutnya dia beri laluan. Jadi apa pandangan Yang Berhormat, bersetuju atau tidak supaya kerajaan mengkaji semula dan menyediakan satu *syllabus* yang baru supaya tatatertib di jalan raya benar-benar dipatuhi? Terima kasih.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Ini saya setuju, Yang Berhormat. Kerajaan membuat kajian semula untuk kemudahan orang ramai lebih-lebih lagi jalan raya. Jadi, terbuktilah bukan saya sahaja cakap untuk membesarkan, lebarkan jalan. Di atas jalan itu kalau tadi dua *line* jadi tiga *line* sebab yang dua *line* itu, motor kecil pun sudah masuk tiga *line*. Jadi jika ada kecemasan, kemalangan, tidak dapat lalu sebab *line* ketiga itu telah digunakan oleh kenderaan lain. Jadi, berharap sangatlah pihak kementerian mengkaji semula dalam hal-hal ini.

Seperti mana Yang Berhormat kata tadi, untuk mengkaji semula pada pemandu-pemandu yang membuat kesalahan yang masuk lorong ketiga, lorong kecemasan. Itu memang baiklah. Ini kerana kita kadang-kadang walaupun hendak kecemasan– semua orang hendak cepat, tetapi dalam keadaan begitu tidak bolehlah. Ini adalah satu kesalahan undang-undang. Jadi, minta kerjasama daripada pihak berkenaan.

Akhir sekali isu subsidi insurans motor. Hendak baca banyak Tuan Yang di-Pertua, jadi saya minta motor-motor yang lama-lama itu, *third party* ini tolong kaji semulalah. Janganlah terus tekan kepada orang kampung, lebih-lebih lagi orang luar bandar yang mana motor buruk yang lama pun dia perlu ambil insurans yang begitu tinggi dan dikenakan syarat-syarat tertentu.

Baru-baru ini Bank Negara ada memaklumkan kajian berhubung dengan perkembangan sistem perlindungan insurans motor asas bagi kenderaan anggota dan kematian pihak ketiga. Saya difahamkan ia bagi mengenai isu-isu dalam menyediakan perlindungan insurans motor di bawah sistem cukai motor yang tidak selaras selama lebih 30 tahun. Ini minta kaji semula. Juga, ia bertujuan mengimbangkan kebimbangan kepentingan semua pihak bagi memastikan semua pemandu-pemandu berpeluang untuk mendapat perlindungan insurans motor asas bagi TPBID pada premium sewajarnya sepadan dengan tahap perlindungan yang diberikan. Soalannya, sejauh manakah penyelidikan dan status setakat ini? Soalan kedua, adakah kementerian juga bercadang mengenakan peraturan sama dengan motosikal berkuasa tinggi?

Akhir sekali, saya mohon Kementerian Kewangan mempertimbangkanlah cukai-cukai motor seperti cukai motor berkuasa tinggi. Tolonglah kaji semua sebab yang lain kita boleh kaji-kaji, motor yang berkuasa tinggi ini tolong kajilah cukainya jangan terlalu tinggi. Motor berkuasa tinggi hari ini adalah...

Timbalan Yang di-Pertua: Gulung Yang Berhormat, gulung.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Gulung? Akhir sekali saya mohon menyokong rang undang-undang ini atau Bajet 2013. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memperingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali mereka-mereka yang telah menghantar nama untuk berucap pada hari ini, tolong berada di dalam Dewan. Ini kerana saya akan panggil mengikut giliran yang telah diaturkan mengikut budi bicara kita.

Kalau saya panggil Yang Berhormat tidak ada di dalam Dewan, ini akan membuang masa dan mengganggu proses perjalanan Dewan. Jadi, saya mohon kerjasama Yang Berhormat.

Bagi mereka-mereka yang telah berucap, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap, tolong berada di dalam Dewan sebab ini telah menjadi tanggungjawab kita untuk berada di dalam Dewan semasa persidangan dijalankan. Sekian, terima kasih. Mohon kerjasama Yang Berhormat.

Masa kita menunjuk ke jam 1 tengah hari, maka saya perlu tangguhkan Dewan ini buat sementara dan kita sambung balik jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

■1430

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita akan teruskan perbahasan belanjawan kita. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim.

2.33 ptg.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh,* salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu izinkan saya merakam penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2013.

Belanjawan 2013 ini ialah bukti yang nyata lagi terang bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional benar-benar merupakan sebuah kerajaan yang sentiasa proaktif membantu rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan agama dan warna kulit. Sesungguhnya bajet ini adalah antara yang terbaik yang pernah dibentangkan oleh seseorang Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dengan rasa penuh tanggungjawab meneruskan tradisi membela negara membangunkan rakyat.

Saya berdiri untuk menyokong bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 September 2012. Kita semua sedar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini menjadi Perdana Menteri dan Menteri Kewangan hanya tiga tahun tetapi kita dapat melihat cara pendekatan beliau yang teramat komprehensif berpandukan, *"Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan."*

Bajet 2013 merangkumi semua aspek keperluan dan kepentingan rakyat dari yang muda hingga ke peringkat umur yang tua di bandar mahupun di desa. Dengan kandungan menyeluruh dan keprihatinan kerajaan yang jelas terserlah membela rakyat jelata maka tema Bajet, *"Memakmurkan Negara, Menyejahterakan Rakyat: Sebuah Janji Ditepati"* adalah tepat.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa isu yang ingin saya menyentuh dalam perbahasan ini dalam turut memperkasakan pentadbiran kerajaan yang prihatin, adil dan saksama. Ada beberapa fokus utama dalam perbahasan saya yang menyentuh kepada pembangunan modal insan dan kesejahteraan rakyat. Salah satu fokus utama adalah mempercekap pencapaian perkhidmatan awam. Tahniah di atas pemberian bonus satu setengah bulan kepada kakitangan awam, langkah ini adalah sesuatu yang di luar jangkaan. Ini sebagai tambahan bagi kakitangan awam untuk bekerja lebih cemerlang dan produktif.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan Bajet 2012, sejumlah besar wang diperuntukkan kepada pembangunan masyarakat India di Malaysia. Saya telah mengajukan soalan bertanya tentang peruntukan untuk masyarakat India Muslim dan jawapan yang saya terima ialah peruntukan kepada masyarakat India Muslim ada dalam kuota peruntukan yang diberi kepada masyarakat India.

Dalam pembentangan Bajet 2013, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan beberapa dana khas untuk membantu masyarakat India di Malaysia. Justeru, saya inginkan kepastian daripada jumlah peruntukan yang diberi kepada masyarakat India, berapakah jumlah atau peratus peruntukan kepada masyarakat India Muslim? Saya bertanyakan soalan ini kerana sehingga ke hari ini kami tidak dapat sebarang peruntukan daripada jumlah peruntukan yang diberikan kepada masyarakat India di dalam Bajet 2012. Saya amat berharap dalam Bajet 2013, masyarakat India Muslim akan diberikan peruntukan secara khusus kerana saya sering ditanya tentang peruntukan oleh kerajaan kepada masyarakat India Muslim. Saya amat menanti jawapan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini, saya telah banyak kali bertanyakan kenapa masyarakat India Muslim di Malaysia masih belum diiktiraf sebagai bumiputera. Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah mengumumkan India Muslim sebagai rumpun Melayu. Saya telah menerima jawapan bertulis dari Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa masyarakat India Muslim yang tinggal atau bermastautin sebelum 1957 diiktiraf sebagai Melayu atau bumiputera.

Perkara ini telah dipanjangkan kepada Perdana Menteri melalui satu memorandum meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memaklumkan tentang perkara ini kepada semua jabatan kerajaan dan agensi-agensi yang terlibat. Sejauh manakah jabatan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan telah dimaklumkan tentang perkara ini dan mengimplementasikan perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, memulakan ibadat haji satu langkah baik bagi membenarkan pencarum KWSP membuat pengeluaran di Akaun 2 bagi jemaah muassasah dengan maksimum pengeluaran RM3,000. Satu niat murni daripada kerajaan dan kita amat mengalu-alukan langkah tersebut. Cuma saya hendak tahu apakah perancangan-perancangan strategik dalam memastikan jemaah negara kita yang dikatakan hampir satu juta lebih mempunyai simpanan mencukupi dan layak menunaikan ibadat haji. Bagaimana Tabung Haji hendak menyelesaikan isu ini kerana kemampuan rakyat Malaysia bertambah untuk mengerjakan ibadat haji? Justeru itu, saya mohon untuk diberikan penjelasan dan dalam pada itu adakah kuota haji diperuntukkan kepada masyarakat India Muslim?

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), dalam bajet ini kita juga dapat melihat peruntukan sebanyak RM461,145,000 telah diberikan kepada SPR. Ini jelas membuktikan komitmen Kerajaan BN dalam memastikan proses pilihan raya diadakan di Malaysia berjalan dengan lancar, sistematik, adil dan telus. Peruntukan yang besar ini juga akan membolehkan SPR menambah baik serta mengimplikasi segala cadangan dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh pelbagai pihak demi memastikan pilihan raya umum dan kecil dapat diadakan dengan efisien.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tuan Yang di-Pertua Bajet 2013 juga menyaksikan sejumlah wang sebanyak RM49,646,000 diperuntukkan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. SPA yang bertindak sebagai badan penyelaras perkhidmatan awam di Malaysia seperti mana yang tertakluk dalam Perkara 144(1), Perlembagaan Persekutuan yang berfungsi melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan, memasukkan dalam jawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib. Justeru adalah menjadi harapan saya agar individu-individu yang berkelayakan dari keturunan India Muslim juga diberi peluang yang sewajarnya dalam perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat India Muslim mewakili hampir 3 peratus dari jumlah keseluruhan penduduk Malaysia yang berjumlah RM29,541,962 orang statistik yang diperoleh pada 28 November 2012, menunjukkan terdapat hanya 3,006 orang India Muslim yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

■1440

Jika ambil kira dari jumlah keseluruhan penduduk Malaysia, adalah sangat rendah. Dengan ini saya memohon agar jumlah kakitangan awam keturunan India Muslim ditambah menjadi 7,000 orang. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pula telah menerima sejumlah RM2,130,428 bilion yang kini hampir RM2.13 bilion. Ini merupakan satu jumlah yang agak besar diperuntukkan kepada JPA.

Apa yang saya sarankan di sini ialah JPA sebagai penyampai perkhidmatan awam kerajaan memainkan peranan dengan lebih efisien dan juga proaktif. Sering kali berlaku apabila seorang awam membuat suatu permohonan kepada JPA. Setelah JPA itu memproses permohonan tersebut dan didapati gagal atau pun tidak layak, maka JPA akan menghantar surat menyatakan permohonan anda tidak layak. Tanpa memberikan sebarang sebab atau penjelasan ini amat menyusahkan permohonan tersebut. Saya mencadangkan agar JPA melihat permasalahan ini dan mengubah cara yang sedia ada dengan menyatakan sekali sebab kepada kegagalan ataupun ketidaklayakan tersebut. Sekurang-kurangnya pemohon tahu di mana kesilapan mereka dan boleh memperbetulkannya di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon JPA untuk menilai cara pemberian biasiswa JPA kepada pelajar-pelajar cemerlang agar diwujudkan satu mekanisme yang benar-benar dapat menyediakan biasiswa ini kepada pelajar-pelajar yang layak tanpa mengira agama, keturunan, warna kulit dan latar belakang keluarga serta strata sosial yang didudukinya.

Kementerian Kewangan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan merupakan sebuah kementerian yang cukup penting dan mempunyai peranan yang besar dalam mencorakkan kewangan negara.

Sejumlah besar juga peruntukan juga diberikan kepada kementerian ini dan seharusnya dan semestinya kementerian ini menjadi platform merancakkan ekonomi negara. Ramai pengurup wang *Muslim* lesennya ditarik balik ataupun dibatalkan. Ini adalah kerana mengikut Akta MSB 2011, terdapat kategori pengurup wang besar, sederhana dan kecil yang mana ianya amat jelas menyukarkan kategori pengurup wang kecil. Peranan pengurup wang amat penting kepada negara terutamanya sektor-sektor pelancongan yang pada tahun ini mencecah hampir 24 juta orang.

Perlu kita ingat perkhidmatan pengurup wang di bank hanyalah sehingga jam 4.30 petang di kebanyakan bank. Hanya pengurup wang menawarkan perkhidmatan sehingga lewat malam untuk kemudahan pelancong-pelancong. Justeru, saya mohon agar pihak Bank Negara Malaysia (BNM) tidak memberikan tekanan yang tidak sepatutnya kepada pengurup wang ini. Ada kalanya pengurup wang ditahan pihak berkuasa Bank Negara Malaysia atas alasan salah guna kuasa dan dihadapkan ke mahkamah. Selepas prosiding mahkamah, pengurup wang yang dikenakan kompaun atau kesalahan mereka akan membayar kompaun dan meneruskan perniagaan. Akan tetapi, pihak Bank Negara Malaysia pula bertindak membatalkan lesen pengurup wang yang dikenakan kompaun. Kenapa hendak hukum dua kali? Ini amat tidak adil dan hanya merugikan serta akan menjejaskan industri pelancongan di Malaysia.

Dalam pada itu, penggunaan kad debit di kalangan rakyat Malaysia semakin mendapat tempat. Ini kerana pengguna tidak perlu membawa wang tunai dalam jumlah yang besar dan ianya lebih selamat, namun apa yang menjadi masalah sekarang ini ialah pihak bank mengenakan caj perkhidmatan atas penggunaan kad debit. Penggunaan kad debit dikenakan caj sebanyak 3 peratus oleh pemilik kedai melalui penggunaan kad debit sedangkan ianya adalah kad yang menggunakan duit kita yang telah sedia ada didepositkan di bank berkenaan. Bukan seperti kad kredit yang kita meminjam dari bank untuk membayar transaksi. Ini merupakan satu bentuk penindasan oleh pihak bank terhadap pengguna kad debit.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Tuan Yang di-Pertua, dalam kita mencapai status negara maju, kerajaan tidak pernah pinggirkan sektor pertanian yang suatu ketika dulu menjadi nadi ekonomi Malaysia. Sejumlah RM5.8 bilion telah diperuntukkan untuk tujuan pengurusan dan pembangunan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Dalam perbelanjaan Bajet 2013, sejumlah wang sebanyak RM350 juta telah diperuntukkan kepada TEKUN Nasional. Dalam pembentangan Bajet 2013, kerajaan telah memperuntukkan RM50 juta khusus untuk masyarakat India. Ini adalah bagi memastikan kelangsungan pembangunan masyarakat India. Justeru adalah menjadi harapan saya agar kerajaan dapat menyediakan dana khas TEKUN khusus untuk masyarakat India Muslim agar penyaluran dana dapat dilakukan dengan mudah dan berkesan serta terus kepada masyarakat India Muslim yang memerlukan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kerajaan hari ini bukan India Muslim sahaja, semua rakyat Yang Berhormat, fahamlah.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Ya, memang.

Tuan Yang di-Pertua: Semua rakyat, semua dapat BR1M, semua dapat. Tidak kira Muslim kah, Cina kah, India kah semua sudah dengar, kan? Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, peruntukan itu tidak dapat, itu yang kita minta.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak dapat itu mungkin ada sebabnya.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Kalau dapat kita tidak minta, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Tuan Yang di-Pertua, kesejahteraan penduduk di Bandaraya Kuala Lumpur sering menjadi topik perbincangan yang popular demi meningkatkan taraf hidup dan kualiti hidup warga kota. Bajet 2013 yang diperuntukkan kepada KWPKP, RM1.481 bilion haruslah digunakan untuk benar-benar mewujudkan satu warga kota yang sejahtera. Jika kita tinjau keadaan sekeliling kota raya, ramai pengguna motosikal yang mengalami masalah kekurangan *parking* motosikal.

Begitu juga dengan tempat tinggal seperti flat-flat yang dibina oleh pihak berwajib terutamanya DBKL. Saya mohon agar flat-flat ini juga diberi khusus kepada kaum India Muslim agar masalah mendapatkan rumah di ibu kota dapat diatasi. Saya juga memohon jasa baik kementerian untuk memberikan maklumat kepada saya tentang kawasan-kawasan perumahan baru yang diwujudkan dan unit-unit flat yang sedia ada untuk dijual supaya dapat dibeli atau disewa oleh kaum India Muslim yang berkelayakan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tuan Yang di-Pertua, masyarakat India Muslim merupakan sebuah masyarakat yang terlibat dalam perniagaan, sama ada perniagaan kecil ataupun sederhana. Ada sebahagiannya pula melibatkan diri dalam perniagaan yang besar seperti pemborongan dan peruncitan. Majoriti India Muslim adalah mereka yang berniaga di gerai-gerai kecil di pelbagai daerah. Justeru saya mohon masyarakat India Muslim juga diberikan tempat dalam pelantikan sebagai Ahli Majlis Kerajaan Tempatan. Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk melantik kaum India Muslim yang berkelayakan untuk dilantik sebagai Ahli-ahli Majlis bagi kawasan perbandaran majlis daerah ataupun bandar raya.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah hampir RM2.4 bilion telah diperuntukkan untuk Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK). Bagi tahun kewangan 2013, saya mohon agar KPKK mengambil inisiatif untuk menambah Program Dakwah Islam dan kegiatan masyarakat India Muslim di kaca televisyen dan radio-radio milik RTM.

Ini kerana program yang ada buat masa ini hanyalah program khutbah yang disiarkan selama 20 minit setiap hari Jumaat, jam 11 pagi. Waktu penyiaran program ini juga didapati tidak sesuai kerana pada waktu ini kebanyakan daripada kita berada di lapangan kerja atau di pejabat masing-masing. Justeru itu, saya mohon kepada kerajaan agar menukar waktu tayangan ini ke satu waktu yang utama yang dapat ditonton oleh semua pihak. Selain itu, kualiti rancangan ini juga harus ditingkatkan...

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Boleh saya mencelah Yang Berhormat?

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Ya.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat? Boleh?

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Boleh, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu pertanyaan kepada Yang Berhormat. Saya kadang-kadang sembahyang Jumaat di Masjid India, Johor Bahru ataupun di Kuala Lumpur lah. Saya tidak faham khutbah yang dibaca disebabkan bahasa Urdu ya? Khutbah Jumaat itu ia tidak dibaca dalam Bahasa Malaysia. Minta penjelasan.

■1450

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Tekan, tekan dahulu. Tidak dengar suara.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Ada yang masjid-masjid India Muslim, ada juga di dalam bahasa Urdu, ada yang bahasa Tamil, ada juga yang Bahasa Malaysia. *So*, ini terpulang tempat-tempat yang ada, yang ramai masyarakat India Muslim yang kita adakan dalam bahasa Tamil, ada yang ramai masyarakat Melayu, kita ada juga dalam Bahasa Malaysia. Tempat Urdu itu untuk Pakistan. So, itu yang sebenarnya.

Saya berterima kasih kepada kerajaan yang sentiasa mengambil berat golongan yang kurang bernasib baik dan berpendapatan rendah tidak ketinggalan dalam pembangunan negara antaranya melalui program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA) dan program Akhiri Zaman Miskin (1AZAM) dalam Bajet 2013. Kerajaan memperuntukkan RM1.2 bilion manakala 1AZAM diperuntukkan RM400 juta. Namun, apa yang menjadi persoalan sehingga ke hari ini ialah bantuan yang diberikan terpaksa melalui banyak karenah birokrasi. Terdapat juga pemohon yang mohon bantuan dan dibalas dengan surat dari JKM tidak layak tetapi tidak pernah menyatakan sebab mengapa tidak layak. Ini amat mengecewakan pemohon kerana mereka sendiri tidak tahu mengapa mereka tidak layak.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini, isu pembantu rumah dari Indonesia telah kembali menjadi satu masalah antara dua negara iaitu Malaysia dan Indonesia. Ramai rakyat kita yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah akibat ketiadaan pembantu rumah. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini? Apakah pula masalah sebenar yang dihadapi oleh Kementerian Sumber Manusia dalam menyelesaikan masalah pembantu rumah Indonesia ini? Dalam pada itu, suka saya mencadangkan agar kerajaan membenarkan pengambilan semula pembantu rumah terus dari Sri Lanka. Kelulusan mengambil pembantu rumah daripada Sri Lanka pernah diberikan oleh kerajaan suatu masa dahulu tetapi telah dihentikan. Ini akan dapat menyelesaikan masalah kekurangan pembantu rumah di negara kita.

Kementerian Pertahanan. Tuan Yang di-Pertua, sehingga ke hari ini hanya terdapat 66 orang sahaja keturunan India Muslim yang bertugas di Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Keadaan ini jauh lebih rendah berbanding peratusan kaum di negara ini, di mana kaum India Muslim terdiri daripada 3 peratus dari jumlah populasi rakyat Malaysia...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya tumpang mencelah? Boleh Yang Berhormat? Di belakang, belakang.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Ya, ya boleh.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: *[Ketawa]* Okey, berkenaan- terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanyalah dengan Yang Berhormat Dato' berkenaan dengan permasalahan keanggotaan di dalam Angkatan Tentera? Adakah masalah ini timbul kerana dalam masyarakat India Muslim sendiri tidak berminat dalam menyertai angkatan tentera kita kah ataupun ada faktor-faktor lain yang menyebabkan keadaan ini berlaku?

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Memang ini satu soalan yang baik Yang Berhormat. Hal ini kerana bukannya masyarakat India Muslim tidak minat dalam bidang ini tetapi yang biasanya bila ada kekurangan, pihak-pihak yang lain kan, mereka buatkan semua yang propaganda tetapi mengetepikan masyarakat India Muslim. *So,* mereka tidak ada peluang untuk mereka hendak pergi ke situ. Itulah yang kita anggap tidak memberi kesedaran kepada rakyat terutamanya masyarakat India Muslim. *So,* yang akan datang sekarang, kita hendak masukkan India Muslim ke dalam ATM ini merupakan satu yang harus kita buat sekarang.

Keadaan ini jauh lebih rendah berbanding peratusan kaum di negara ini di mana kaum India Muslim terdiri dari 3 peratus dari jumlah populasi rakyat Malaysia. Justeru, saya mohon agar Kementerian Pertahanan memberi fokus kepada pengambilan pelbagai pangkat dan pegawai daripada India Muslim dalam perkhidmatan ATM dan Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau saya boleh bagi pandangan sedikit lah. Bahawa Dewan ini membahaskan dari sudut legislatif- undang-undang. Maka, bajet ini kita *concentrate* dari segi apa yang difikirkan perlu ditegur dari segi kedudukan dari apa dibentangkan itu. Kalau boleh, saya minta kerjasama semua Ahli Yang Berhormat, jangan fokus kepada sekumpulan sahaja. *We are all Malaysian*, 1Malaysia. Kita mesti bergantung kepada- saya daripada awal. Semua Yang Berhormat apabila mengangkat sumpah, ikrar sumpah kita, taat setia kepada Kerajaan Malaysia dan patuh pada Perlembagaan.

Kalau Yang Berhormat kaji betul-betul, dalam Perlembagaan itu ada peruntukan-peruntukan berkait dengan ini. Maka, kalau boleh Yang Berhormat cakap sebagai warganegara, seorang Senator di dalam Dewan ini juga bercakap dari segi dasar. Kalau ada permasalahan timbul daripada ada diskriminasi, Yang Berhormat boleh bangkitkan kepada pihak yang berkenaan. Ada yang eksekutifnya dan sebagainya. Kalau tidak adil, ambil tindakan undang-undang. *That is the law of the country*. Fokus kepada umum. Ya, silakan.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dikata itu benar tetapi kami ini sudah banyak kali buat sedemikian. Kita tidak ada tempat yang mana yang kita boleh menyuarakan kehendak kita. *So*, itu yang menyebabkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memilih saya untuk Dewan Negara bagi menyuarakan apa yang perlu dipersoalkan. *So,* saya harapkan satu jawapan akan dapat di Dewan yang mulia ini untuk saya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, Yang Berhormat teruskan. Selepas itu, saya harap kementerian-kementerian yang ada, yang saya harap semua kementerian ada mengambil catatan dan saya hendakkan jawapan yang begitu baik diberi kepada Yang Berhormat. Sekian, teruskan.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini di dalam Dewan yang mulia ini sebagai seorang warganegara Malaysia dan sebagai seorang rakyat Malaysia melahirkan rasa kecewa dan kesal yang teramat sangat terhadap tindak tanduk pihak-pihak yang dengan sengaja sedang mencuba untuk mempergunakan agama Islam yang suci lagi mulia sebagai platform untuk kepentingan politik sempit pihak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini berlaku satu insiden yang cukup mengaibkan seluruh masyarakat Islam di bumi Malaysia yang kita cintai ini. Di mana seorang tokoh ilmuwan agama yang juga mewakili sebuah parti politik di negara kita bersama pengikutnya mengangkat tangan dan berdoa kepada Ilahi memohon kehancuran dan kemusnahan sebuah lagi parti politik Islam UMNO yang telah menjadi tunjang dan tulang belakang Kerajaan Barisan Nasional dan telah memerintah negara selama 55 tahun. Tidak hanya dengan berdoa, malah pemimpin parti itu juga telah mengkafirkan dan mengharamkan UMNO sebuah parti Islam, yang ahlinya adalah orang Islam, Muslim, darah daging sendiri. Satu lagi pula katakan masyarakat Melayu boleh memilih agama, apa ini? Memalukan kita.

Saya mewakili masyarakat India Muslim dengan sekeras-kerasnya menentang hal ini. Kami berasa marah di atas perkara ini. Perkara ini telah mewujudkan satu suasana yang tidak sihat. Apakah ini yang dikatakan perjuangan? Apakah ini Islam yang di dokong oleh parti yang kononnya memperjuangkan Islam? Apakah ini yang diajar oleh al-Quran dan junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Apakah ini yang menjadi...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh celah sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Minta kelulusan Yang Berhormat, boleh?

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Boleh, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kalau saya katakan, doa itu doa sesat bagaimana komen? Doa orang sesat, ajaran sesat?

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: ...Saya memang menerima ini sebagai satu ajaran sesat, yang memberikan orang lain satu pandangan yang tidak baik untuk orang bukan Islam. Dikatakan Islam ini- ini kah cara yang kita hendak gunakan untuk menghapuskan orang Islam yang lain..?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Boleh minta laluan, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Ya, boleh, boleh.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Yang pertama saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Dato'. Yang Berhormat Dato' dengar tidak doa itu daripada awal sampai akhir? Kalau Dato' dengar daripada awal sampai akhir, saya rasa boleh buat penilaian. Begitu juga yang mengatakan, pihak yang mengatakan UMNO murtad? Dato' dengar tidak versi yang ada atau daripada mulutnya sendiri atau rakaman? Kalau tidak, saya rasa tak cukup kalau kita hanya mendengar daripada laporan akhbar. Jadi, saya harap saya dapat penjelasan.

■1500

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Yang Berhormat, yang saya ini memang saya dapat lihat di televisyen apa yang sebenarnya berlaku. Bila katakan hapuskan KO itu apa erti itu? *So,* kita dapat lihat, bukannya kita nak tengok daripada awal dengan akhir. Kita sudah tahu sudah maksud-maksud yang berlaku itu. Bukan kepada orang Islam. Orang kita, masalah di Gaza, kita marah-marah tetapi yang dalam negara kita sendiri pun kita...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Nanti. Biar dia jawab dulu Yang Berhormat. Biar dia habiskan jawab dulu. Ya, silakan. Jawab dulu. Lepas itu Yang Berhormat pula.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: *So,* saya fikirkan ini satu perbuatan yang memang saya tidak boleh terima. Kita ada banyak cara kalau nak tegur-tegurkan itu. Bukan cara kita nak pergi ke masjid kerana nak buat ini. Saya memang tak terima walaupun banyak erti, memang dia boleh bagi tetapi saya tidak akan menerima ini semua. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat Abdul Rahman nak tanya ini.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan semua orang mendengar dalam masa Perhimpunan Agung UMNO ditayangkan. Doa itu dibacakan oleh adik Nik Aziz. *"Hancurkan UMNO. Hancurkan UMNO".* Bukan saya sahaja yang tengok, malahan semua orang tengok. Tengok betul, tengok. Ini tengok?... Tengok?... Tengok?... Semua tengok. Doa minta UMNO hancur. Satu Malaysia tengok. Apa lagi nak tanya? Jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ini bukannya *part* kita berbahas agaknya. Itu pandangan Datuk Rahman. Sekarang ini Dato' Syed Ibrahim beri pandangan.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Malaysia harus sedar akan kepalsuan dan kepincangan yang wujud di kalangan parti Pembangkang. Parti Pembangkang yang kononnya bermuafakat untuk membentuk kerajaan sebenarnya hanya beretorik semata-mata dengan mengaburi minda dan pemikiran segelintir masyarakat yang terpedaya dengan tohmahan dan fitnah mereka.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh celah sedikit lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh?

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Boleh, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bergantung kepada Yang Berhormat yang bercakap. Kalau yang nak mencelah itu, mesti beri kelulusan dulu. Boleh?

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Boleh, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Apa hukum kalau seorang Islam doakan kehancuran Islam sesama Islam? Apa hukum? Sedangkan Islam itu bersaudara? Tidak beriman seorang itu kalau dia benci seorang Islam yang lain. Tidak beriman. Jadi, apa hukum kalau seorang Islam itu, macam adik Nik Aziz itu, disahut ramai-ramai oleh PAS itu, apa hukum doa kehancuran sesama Islam? Bidaah kah, syirik kah? Apa hukum? Jawablah.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Ya, banyak hukum. Bukan satu hukum kerana orang yang katakan itu memang mereka arif dalam Islam. Kalau orang biasa yang nak buat itu, memanglah kita boleh katakan mereka tak faham. Kita boleh maafkan mereka tetapi orang-orang yang memang ilmuwan, dia tahu yang dia buat kerja ini, biarlah dia sendiri nilai apa hukum-hukum untuk mereka itu.

Mereka sesama sendiri secara diam-diam sedang menyediakan calon Perdana Menteri masing-masing untuk menerajui negara apabila berada di tampuk kuasa. Ketiga-tiga mereka ini sebenarnya tidak pernah bersetuju antara satu sama lain tentang calon PM mereka yang kononnya akan menjadi PM setelah Putrajaya ditawan mereka. Mimpi kosong dan angan-angan mereka ini telah membazirkan banyak masa dan tenaga ditumpukan terhadap perkara politik sesama mereka tanpa menghiraukan rakyat yang telah menaruh kepercayaan terhadap mereka dengan memberikan undi kepada mereka dalam pilihan raya yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada semua masyarakat Malaysia, terutamanya kepada yang telah tersilap memilih Pembangkang dalam pilihan raya yang lalu supaya segera membetulkan keadaan ini. Memilih parti yang telah membuktikan menabur bakti, menunaikan janji, mengisi sebuah kemerdekaan yang telah kita warisi dari pemimpin dahulu yang telah bertarung nyawa, tenaga dan wang ringgit untuk mencapai sebuah kemerdekaan. Masyarakat Malaysia harus sedar bahawa hanya Kerajaan Barisan Nasional yang dapat terus memberi pembangunan rohani dan jasmani, fizikal dan mental kepada seluruh rakyat Malaysia.

Wawasan 2020 yang telah diilhamkan oleh Yang Amat Berbahagia mantan Perdana Menteri keempat Malaysia, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dan diteruskan pula dengan jayanya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang, Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak. Ia hanya dapat dicapai sekiranya kita mempunyai sebuah kerajaan yang komited untuk membela nasib rakyat dan membangunkan negara tanpa ada apa-apa agenda peribadi seperti pihak Pembangkang yang terlalu sibuk mencongak untung nasib politik mereka tanpa menghiraukan kepentingan dan kemahuan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat walau sedikit pun untuk menyalahkan sesiapa dalam perkara yang saya sebutkan sebentar tadi. Saya juga merupakan seorang warganegara Malaysia yang mempunyai impian dan harapan yang menggunung tinggi untuk melihat sebuah Malaysia yang aman, selamat, maju, makmur dan sejahtera. Saya mahu sebuah Malaysia yang progresif dan dinamik untuk diwarisi oleh anak cucu kita nanti. Saya mahu sebuah Malaysia yang dihormati dan disanjung di persada dunia di mana kita sebagai rakyat berasa bangga menjadi anak Malaysia. Hanya BN sahaja boleh menunaikan impian ini. Sokonglah Barisan Nasional... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dan harapan ini adalah harapan rakyat jelata yang telah saya sampaikan. *Insya-Allah,* negara kita akan terus maju dan kita lihat sebagai satu tentangan untuk menentang kepada pembangunan negara kita ini. Setakat ini sahaja. Sekian, terima kasih. Saya pohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Norliza.

3.08 ptg.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam.*

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi saya ruang untuk turut berbahas dalam Perbelanjaan Perbekalan 2013. Saya terlebih dahulu mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memberi satu bajet yang saya rasa amat prihatin dan mesra rakyat. Keseluruhannya, bajet ini amat merangkumi dari setiap kategori rakyat di Malaysia.

Pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai fokus kepada merangsang aktiviti pelaburan iaitu mengenai *foreign direct investment,* dengan izin, iaitu FDI. Sebagaimana yang kita sedia maklum, untuk kita memacu ke sebuah negara yang lebih membangun dan berdaya saing, FDI ini adalah sangat penting. Kalau kita lihat di negara kita di Malaysia, terdapat banyak-banyak pelabur daripada luar yang melabur di sini. Seperti Citibank, kita ada *Digi, Intel, Motorola, Nestle* dan lain-lain dan ia melibatkan sejumlah orang-orang kita seramai melebihi sejuta orang kita yang bekerja di industri-industri ini. Akan tetapi kalau kita lihat pada masa kini, kebanyakan industri ini telah mula berpindah ke negara-negara luar seperti di China, di Thailand dan di Indonesia. Ini berlaku kerana di negara-negara luar ini mereka boleh mendapat, dengan izin, *cheap labor*, tenaga buruh yang lebih murah berbanding dengan Malaysia.

Jadi, saya rasa yang terbaru saya dengar iaitu syarikat Nestle dan juga syarikat Wilma yang dipunyai oleh Robert Kuok, juga bercadang untuk berpindah untuk melabur di Indonesia dengan jumlah pelaburan melebihi RM2 bilion. Jadi, saya rasa ini adalah kurang menggalakkan kerana apabila mereka berpindah ke negara luar, ia akan menyebabkan masalah pengangguran bagi negara kita di Malaysia. Jadi, soalan saya kepada kerajaan, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk memastikan pelaburan yang sedia ada ini dapat kita kekalkan.

■1510

Kedua, apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan lagi FDI daripada luar ke negara kita? Ketiga, apabila kita ada FDI yang baik di negara kita, pada masa yang sama kita harus memanfaatkan *technology transfer,* dengan izin iaitu seperti saya ambil contoh apabila kita ada kilang-kilang seperti *Intel, Motorola* bila menapak di Malaysia orang kita bekerja di kilang-kilang ini. Sepatutnya kita belajar untuk mengambil teknologi daripada negara luar yang boleh kita manfaatkan untuk negara kita.

Jadi, apabila kilang-kilang ini menapak ke negara lain sekurang-kurangnya orang kita telah mendapat kelebihan daripada teknologi yang telah kita pelajari. Jadi saya rasa apakah langkah yang boleh kerajaan ambil supaya apabila kita menggalakkan FDI, pada masa yang sama, kita juga mendapat *technology transfer* yang baik.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, daripada kita hanya memberi tumpuan kepada industri *labor intensive*, kerajaan juga harus memikirkan apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan lebih banyak industri berteknologi tinggi untuk berada di negara kita selari dengan dasar kerajaan untuk menambah modal insan ataupun *human capital*. Sekiranya kita dapat menambahkan lebih banyak industri berteknologi tinggi pada masa yang sama kita akan dapat mengurangkan masalah *brain drains* sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri pagi tadi supaya lebih ramai profesional kita yang berkemahiran tidak payah lagi untuk bekerja di negara luar kerana di Malaysia sendiri kita mempunyai banyak industri yang berteknologi tinggi. Saya juga ingin bertanya kepada kerajaan apakah peranan MIGHT dalam industri *high tech* di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita dengar pada masa ini EPF dan juga syarikat-syarikat seperti SP Setia telah mula melabur ke negara luar seperti di *London*. Inilah adalah sesuatu yang saya rasa amat baik kerana kita telah mula menapak negara kita di mata dunia. Akan tetapi, pada masa yang sama kita harus memikir juga apakah dengan izin, *pros and cons*, apakah kelebihan yang kita dapat apabila kita membenarkan aliran tunai kita keluar ke negara luar? Apakah *benefit,* dengan izin, yang dapat kita peroleh?

Saya ingin bercerita sedikit mengenai pengalaman saya dalam bidang pembinaan. Saya biasa terlibat secara langsung dengan satu projek usaha sama antara Malaysia dengan Turki untuk membina skim perumahan di negara Turki. Jadi, perasmian yang dijalankan itu kita telah menjemput mantan Perdana Menteri Malaysia pada masa itu iaitu Tun Dr. Mahathir.

Sewaktu perasmian, soalan pertama yang ditanya oleh Tun kepada kami adalah apabila kita melabur di Turki, apakah *benefit,* ataupun dengan izin, yang diperoleh oleh orang Malaysia? Maksudnya apakah rantaian ataupun *supply chain* yang orang Malaysia dapat manfaatkan sebagai contoh apakah barang-barang kita yang boleh kita gunakan di negara luar pada masa yang sama kita ada rantaian perhubungan di antara negara luar dan juga Malaysia. Jadi apabila kita melabur di luar, kita harus pastikan juga kita mendapat pulangan balik yang baik. Jadi, pertanyaan saya pada kerajaan apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan bahawa rantaian syarikat ataupun *supply chain* ini dapat kita manfaatkan daripada pelaburan kita di luar?

Seterusnya, walau bagaimanapun saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan yang telah berjaya mengurus ekonomi negara dengan begitu baik sehingga mendapat pengiktirafan dari pakar-pakar ekonomi luar sebagai contoh pada hari ini kepada Ahli-ahli Dewan yang telah membaca dalam akhbar *Sun* pada hari ini iaitu yang menyatakan IMF dengan izin, *"Investment, domestic demand remain strong in 2013."* Dalam ini dia menyatakan walaupun keadaan ekonomi global lembap, tetapi Malaysia masih berdaya saing dan bertahan.

Saya baca sedikit dengan izin Tuan Yang di-Pertua dalam Bahasa Inggeris. Laporan daripada pakar ekonomi luar, *"Malaysia's growth domestic product is expected to grow at 5.2 percents this year and 4.5 percents in 2013."* Ini disebabkan kita punya DDI (*Domestic Direct Investment*) kita *strong,* dengan izin kuat. Jadi, kita tidak perlu bergantung kepada negara luar.

Jadi walau negara luar mempunyai masalah, kita masih dapat bertahan dari segi ekonomi. Dia juga menyatakan, *"As to the upcoming election, he predicts that the ruling* Barisan Nasional *will retain power… [Tepuk] However, if the opposition is to win, investors will be worried."* Ini bukan saya kata, akhbar ini kata. Jadi, bolehlah Ahli-Ahli Dewan merujuk kepada akhbar *The Sun* pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin memberi fokus yang kedua mengenai mempergiatkan perusahaan kecil dan sederhana.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Pertama saya hendak tahu yang dibacakan oleh Yang Berhormat tadi dikatakan oleh akhbar *The Sun* ataupun IMF punya kenyataan? Itu yang pertama, ya.

Kedua, IMF juga telah membuat kenyataan bahawa *capital control* dan juga *action control* dengan izin yang dilakukan oleh Malaysia pada tahun 1998 adalah satu kebaikan sebenarnya pada negara. Pihak IMF juga telah memuji bahawa Malaysia adalah sebuah negara contoh yang mana Barat mesti ikut cara Malaysia mentadbir urus ekonomi dan kewangan kita. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Najeeb. Soalan yang pertama yang saya ingin jawab ialah ini adalah kenyataan daripada pakar ekonomi dari luar yang disiarkan dalam akhbar *The Sun* pada hari ini. Maknanya pakar ekonomi mengiktiraf peningkatan ekonomi Malaysia.

Kedua, sewaktu masalah, kenyataan IMF pada tahun saya ingat 1998 saya rasa dari segi- saya rasa Yang Berhormat lebih arif dari segi kewangan. Sebenarnya krisis ekonomi sewaktu 1997 adalah amat teruk pada masa itu. Akan tetapi, di sebabkan kerajaan Barisan Nasional dapat mengawal krisis tersebut dengan baik pada waktu itu masa mantan Perdana Menteri kita Tun Dr. Mahathir maka kita tidak merasakan kesannya yang teramat sangat. Jadi, saya amat bersetuju dengan kenyataan yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Seterusnya saya ingin memberi fokus kepada menggiatkan perusahaan kecil dan sederhana. Tahniah juga saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sentiasa mencari jalan bagaimana untuk membantu peniaga-peniaga kecil untuk meningkatkan tahap ekonomi negara. Jadi, sebagai contoh baru-baru ini Perdana Menteri telah meningkatkan jumlah pinjaman mikro kredit kepada peniaga-peniaga yang ingin mula peniagaan.

Cuma, persoalannya sekarang apakah keberkesanan terhadap bantuan yang diberikan? Adakah kerajaan ini seperti kata pepatah memberi pancing tetapi tidak ajar cara memancing. Jadi, saya rasa memang kerajaan banyak memberi bantuan. Macam-macam skim yang kerajaan beri untuk semua kategori. Jadi, kalau macam itu saya rasa kalau pelajar yang baru keluar pun boleh dapat cari rezeki sendiri walaupun tidak mendapat kerja, orang yang berniaga kecil pun boleh membesarkan perniagaan dia tambahlah orang korporat.

Jadi, kerajaan sentiasa memberi bantuan kepada semua tetapi saya merasakan kaedah keberkesanan pelaksanaan terhadap bantuan yang diberikan itu harus diberi perhatian. Oleh sebab ada kalanya kita memberi bantuan kepada seorang peniaga tetapi kita tidak buat dengan izin, *follow through action*. Kita tidak memantau sama ada bantuan yang kita beri itu digunakan dengan sebetul ataupun tidak. Kerajaan sekadar bagi tetapi tidak membantu untuk memastikan ianya menjadi satu kejayaan kepada pemohon tersebut.

Jadi, saya rasa *follow through action* ini, dengan izin, adalah amat penting. Jadi, saya mencadangkan agar di setiap bantuan yang diberikan itu perlu wujud satu unit khas untuk memastikan bahawa bantuan yang kita beri itu dimanfaatkan dan dipantau keberkesanannya.

Saya juga mencadangkan kepada kerajaan supaya ada satu rangka kerja bagi pemantauan jangka pendek dan juga jangka panjang yang harus kita perkenalkan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai pembangunan usahawan bumiputera. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM350 juta termasuk RM50 juta kepada masyarakat India. Sebentar tadi rakan saya minta lagi untuk masyarakat India Muslim dan saya rasa *insya-Allah* Perdana Menteri akan bagi pada semua rakyat Malaysia.

■1520

Saya juga ingin menyentuh mengenai Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN). Mengenai pinjaman TEKUN ini kita tahu amat penting untuk orang-orang yang baru berniaga. Akan tetapi, apabila kita bagi pinjaman TEKUN adakah kita semak orang yang hendak ambil pinjaman itu adakah dia benar-benar *genuine,* dengan izin, untuk berniaga? Apakah jenis perniagaannya, bagaimana dia hendak mula berniaga, apakah perancangan perniagaannya dan apakah kesungguhannya. Jadi, kita sebelum memberi sesuatu pinjaman kita harus memikirkan sama ada bagaimana kita hendak pastikan pinjaman itu kalau orang Penang kata berbaloilah. Jadi, saya merasakan kalau kita lihat pada masa sekarang orang kalau pinjam TEKUN ini ada kalanya tidak bayar. Ia sudah jadi macam perangai PTPTN juga.

Akan tetapi, sebenarnya kita tidak menerapkan satu sifat dan sikap kepada rakyat kita untuk ingat kembali dalam Islam juga mengatakan apabila kita meminjam kita harus membayar. Jadi, ramai peminjam-peminjam TEKUN saya rasa tidak mengambil inisiatif untuk membayar dan saya rasa kerajaan harus melihat kepada masalah ini supaya apabila dia membayar kita boleh bantu golongan lain yang memerlukan di kemudian hari. Jadi persoalan saya kepada kementerian, sehingga kini berapa ramai kah yang tidak membayar pinjaman TEKUN? Apakah pecahan yang tidak membayar ini dari segi jantina? Berapakah orang perempuan yang tidak bayar dan berapa orang lelaki yang tidak membayar? Adakah kes-kes yang tertunggak yang tidak membayar pinjaman TEKUN ini telah dibawa sehingga ke peringkat mahkamah?

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai sektor memperkukuhkan pendidikan awal kanak-kanak. Sebagai seorang ibu, sebagai seorang wanita saya rasa ini adalah penting kerana bak kata pepatah hendak meluntur buluh biarlah dari rebungnya. Kualiti seorang anak itu perlu digilap daripada awal supaya kita melahirkan satu modal insan yang membanggakan pada masa akan datang. Jadi, saya ingin bertanya sedikit mengenai tadika-tadika KEMAS dan juga tadika-tadika Perpaduan sebab saya ada juga berjumpa dengan guru-guru KEMAS dan berbincang dengan ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke tadika-tadika ini. Adalah didapati bahawa *syllabus* yang digunakan oleh tadika KEMAS dan Perpaduan ini masih menggunakan *syllabus* yang lama. Masih tidak dipertingkatkan. Jadi, saya rasa adalah penting untuk kita mengkaji semula *syllabus* yang digunakan supaya ianya setara dengan *syllabus* yang diguna oleh tadika-tadika swasta. Saya juga difahamkan bahawa program atau *syllabus* yang digunakan oleh PERMATA amat berkesan. Jadi, adakah kerajaan bercadang agar *syllabus* PERMATA ini kita lebarkan kepada semua tadika KEMAS ataupun tadika Perpaduan?

Seterusnya dari segi tadika juga saya merasakan penglibatan tadika swasta dan tadika kerajaan adalah penting. Kita kena selari dalam apa sahaja yang kita laksanakan. Jadi, saya rasa apabila kita ingin mengkaji semula *syllabus* untuk pelan pembangunan pendidikan Malaysia haruslah kita dapatkan kelompok swasta untuk bersama-sama dalam perbincangan yang akan kita laksanakan. Kesinambungan ini adalah penting agar wawasan kita dapat kita capai.

Dari segi perpaduan, saya merasakan perpaduan kaum harus diterap sewaktu kanak-kanak masih di pra persekolahan. Kalau kita lihat di tadika-tadika *international school,* dengan izin, kanak-kanak boleh bercampur dengan kanak-kanak Jepun, Thailand, Indonesia atau German kita boleh bercampur dengan elok. Jadi, kenapa kita tidak mahu menerapkan isu perpaduan ini kepada tadika-tadika yang sedia ada?

Saya rasa dari kecil kita harus menerapkan satu perasaan menyayangi antara sesama negara walaupun berlainan kaum. Sebagai contoh, semasa kecil kita harus kata walaupun dia Cina kah, dia India kah, dia India Muslim kah, dia Siam kah, dia Orang Asli kah dia masih di bawah rumpun 1Malaysia. Jadi, harus diterapkan sifat perpaduan ini walaupun sewaktu dia masih di bangku pra persekolahan.

Seterusnya fokus saya kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Isu penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan di Malaysia masih rendah antara 46 peratus hingga 47 peratus , walaupun bilangan pelajar wanita di universiti adalah pada nisbah 60 peratus kepada 40 peratus. Kalau tengok di Dewan Negara pun kena lebihkan wanita ini rasanya... *[Tepuk]*

Laporan Pembangunan Manusia Asia Pasifik 2010 menyatakan Malaysia kehilangan pendapatan RM13 bilion setahun kesan dari kekurangan penglibatan wanita. Jadi, saya rasa kenapa wanita kurang boleh membantu dalam meningkatkan tahap pembangunan kerajaan ini adalah kekangan, sebagai wanita kita mempunyai keluarga, kita mempunyai anak, kita kena menjaga anak jadi kita kurang dapat berbakti kepada negara walaupun ada kalanya kita lebih hebat berbanding dengan lelaki. Ada kalanya, bukan selalu.

Jadi, saya rasa mengenai isu penjagaan kanak-kanak ini harus kita titik beratkan. Ramai di antara rakan, Yang Berhormat juga menyentuh mengenai isu ini. Cuma saya menyentuh dari segi aspek yang berlainan. Saya merasakan kalau kita lihat kita perlu ada taska di setiap bangunan kerajaan atau di bangunan swasta. Akan tetapi, bagaimana kita hendak pastikan benda itu ada. Kita tidak boleh pastikan benda itu ada kalau dari peringkat permulaan kita tidak merancang.

Jadi, saya ingin mencadangkan hari ini kepada kerajaan mungkin Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sewaktu pelan merancang sesebuah bangunan sama ada kerajaan atau swasta harus diselitkan ruang untuk taska daripada peringkat merancang lagi barulah benda itu boleh dijadikan realiti. Kalau bangunan sudah siap bila kita minta di Parlimen sendiri kenapa tidak ada taska mungkin dia kata sebab tidak ada ruang. Jadi daripada awal kita sediakan ruang dalam setiap pembangunan. Sebagai contoh bila hendak bangunkan sebuah bangunan mesti ada ruang untuk surau, untuk kemudahan masyarakat, dewan orang ramai. Kita tambahkan satu lagi untuk taska. Jadi, dengan cara ini kita akan dapat menyelesaikan masalah ini dari peringkat perancangan lagi.

Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai isu Kanun Tanah Negara 1965 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Dalam Kertas Perundingan Kajian Semula Kanun Tanah Negara 1965, salah satu isu yang dibincangkan adalah mengenai pemansuhan hak milik sementara. Saya mohon penjelasan adakah kerajaan bercadang untuk memansuhkan penukaran hak milik sementara (QT) ke atas tanah dan bilakah ianya akan dapat dilaksanakan. Saya juga mohon penjelasan sehingga kini berapakah jumlah kes tertunggak bagi permohonan pertukaran hak milik sementara kepada hak milik kekal bagi seluruh negara.

Yang kedua, saya juga ingin berucap mengenai masalah *rezoning,* dengan izin, tanah di Pulau Pinang. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua di Pulau Pinang sekarang sekiranya kita beli tanah kita hendak tukar *rezoning,* maknanya daripada pertanian kepada perumahan kita perlu membuat bayaran dan bayaran ini dikenakan tanpa sebarang standard. Maknanya suka hati dia hendak letak berapa. Dua *million*-kah, sepuluh *million*-kah. Jadi, saya rasa ini kurang sihat. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sepatutnya kos *rezoning* ini harus diselaraskan di seluruh Malaysia dan tidak sepatutnya setiap negeri mempunyai kos yang berbeza.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh mengenai isu perumahan. Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih yang teramat sangat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu prihatin mengenai keperluan perumahan yang begitu mendadak bagi golongan berpendapatan rendah dan juga sederhana.

Tahniah dan terima kasih kerana baru-baru ini Yang Amat Berhormat telah hadir merasmikan program di Pulau Pinang dan telah berjanji untuk memberi Pulau Pinang 20,000 unit rumah. Sebanyak 10,000 rumah kos rendah dan 10,000 rumah mampu milik. Tepuk kuat sedikitlah... *[Tepuk]*

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah berjanji untuk menyediakan monorel sistem untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas. Untuk rumah yang ditawarkan di bawah harga pasaran iaitu kalau harga pasaran RM500 ribu, dia akan menjual rumah itu kepada rakyat pada harga hanya RM300 ribu sahaja...

■1530

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Yang Berhormat, saya tumpang mencelah sikit boleh?

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Ya.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan *Penang* ini pun kadang-kadang saya seronok juga hendak bercakap sebab tahu pula kita yang Yang Berhormat kita ini berasal daripada *Penang*. Saya pun pelik juga. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri baru-baru ini mengumumkan sebanyak 20,000 buah rumah untuk rakyat di *Penang*, jadi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat sebab Yang Berhormat berasal daripada *Penang*, bermaksud di Pulau Pinang sekarang kebanyakan rakyat kita terutamanya yang golongan rendah ini memang tidak mempunyai rumah ataupun memang sudah terpinggir sekarang, Yang Berhormat? Kita hendak tahu dari segi kedudukan kerajaan yang memerintah sekarang. Ini kerana 20,000 unit ini unit yang banyak, bermaksud ia melibatkan ramai rakyat, maksudnya rakyat Pulau Pinang sekarang ini banyak sudah orang kata tidak ada rumah.

Jadi, dekat mana dia orang ini duduk kalau sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu prihatin terhadap keadaan macam ini? Jadi, kerajaan yang ada sekarang, apa yang dia orang buat? Jadi, saya minta tanyalah sebab Yang Berhormat daripada *Penang*.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat. Belum saya cerita, Yang Berhormat sudah tanya. Jadi, saya jawab. Sebenarnya memang permintaan untuk perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah serta rumah mampu milik amat mendesak di Pulau Pinang. Kalau Yang Berhormat Senator yang berada di dalam Dewan ini pernah ke Pulau Pinang, Ahli-ahli Dewan boleh melihat kebanyakan orang Pulau Pinang terpaksa berhijrah ke negeri lain seperti Kedah di Sungai Petani, Kulim dan terpaksa pergi ke seberang memandangkan harga rumah di Pulau Pinang tersangat tinggi.

Sebagai contoh, rumah teres sahaja mencecah RM800,000 ke RM1 juta. Rumah *semi-detached* kalau di sini RM200 ribu, RM300 ribu, di Pulau Pinang RM1.5 juta ke atas. Jadi, manalah orang Melayu mampu beli. Ataupun bangsa lain pun saya ingat susah kalau orang *Penang* hendak beli. Kalau suami isteri bekerja pun belum tentu dapat membeli. Harga tanah yang dahulunya di Balik Pulau RM12, sekarang telah meningkat hingga ke RM60 ke RM80 sekaki persegi. Itulah nasib orang Pulau Pinang. Siapa yang sudah beli rumah awal-awal, tidak apa. Jadi kepada Ahli Dewan Negara yang berkemampuan, bolehlah beli rumah di Pulau Pinang...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh celah sikit?

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Ya, boleh.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Betulkah Kerajaan DAP *Penang* tidak buat satu pun rumah kos mampu milik untuk rakyat Penang? Betulkah dan kenapa?

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Rahman. Sebenarnya saya ingin bertanya soalan itu semalam kepada Yang Berhormat Tuan Syed yang berucap mengenai perumahan kos rendah yang dirancang di bawah Yayasan untuk dibina di Pulau Pinang. Sepanjang empat tahun pemerintahan pembangkang, tidak ada satu pun rumah kos rendah yang dibina di Pulau Pinang.

Mungkin masih dalam perancangan saya tidak tahulah, berapa tahun lagi depa hendak rancang? Buat masa ini memang tidak ada.

Sewaktu pemerintahan Barisan Nasional di Pulau Pinang, apabila ada sebarang pembinaan, kita mensyaratkan 30 peratus mestilah bina rumah kos rendah atau rumah mampu milik. Kalau tak bina, kita akan tekan sehingga dia boleh membina rumah kos rendah untuk rakyat. Akan tetapi, di waktu kerajaan pakatan pembangkang, dia kata, *"Okey, tak bina tak apa, boleh bayar duit kepada Tabung Yayasan"*. Sebenarnya tabung ini telah dimulakan sewaktu Kerajaan Barisan lagi tetapi sekarang dia orang sudah kutip duit- cuma yang saya hairan ini, duit sudah kutip dah empat tahun, tetapi rumah satu pun belum dibina. Rumah kos rendah atau rumah mampu milik. Jadi, saya tidak tahu duit itu ada di mana? Jadi, inilah nasib...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Tumpang mencelah, Yang Berhormat.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Sila.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua? Seronok juga kadang-kadang kalau bercakap pasal hal *Penang* ini walaupun kita ini daripada selatan. Maksudnya apa yang Yang Berhormat bagi tahu tadi itu, apabila berlakunya dari segi pemilikan rumah untuk rakyat yang peringkat sederhana ke bawah ini, bermaksud di Pulau Pinang sudah tidak ada tanah lagi kah ataupun tanah-tanah rakyat ini sudah dijual kepada golongan-golongan yang kaya? Jadi, maksudnya sekarang ini macam mana? Rakyat kah yang perlu diberi perhatian ataupun golongan-golongan yang elit sahaja yang perlu diketengahkan dalam hal ini? Jadi saya mintalah, saya mohon Yang Berhormat kalau boleh tolong bagi tahu dalam Dewan ini.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Baharuddin. Saya rasa Yang Berhormat juga mengikuti perkembangan Pulau Pinang dengan begitu rapat sehingga boleh tahu masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang.

Sebenarnya memang duit yang dikutip tetapi tanah-tanah- soalan Yang Berhormat tadi sama ada tanah-tanah ini apa yang terjadi, tanah-tanah kerajaan negeri. Saya difahamkan tanah-tanah kerajaan negeri ini telah mula dijual kepada syarikat-syarikat swasta dan duit juga telah dikutip. Akan tetapi, saya tak tahu duit ini diletakkan di mana. Saya ingin memberi satu contohlah yang saya rasa heboh diperkatakan dalam akhbar-akhbar iaitu mengenai isu Taman Manggis. Isu Taman Manggis ini adalah tanah di Pulau Pinang sewaktu Kerajaan Barisan Nasional, tapak ini telah digazetkan untuk membina perumahan kos rendah untuk rakyat Pulau Pinang. Akan tetapi, apabila pakatan pembangkang mentadbir di Pulau Pinang selama empat tahun, tanah ini telah dijual kepada sebuah hospital swasta untuk dibina hospital mewah, yang mana sepatutnya tanah ini telah digazet untuk rumah kos rendah. Jadi, itu yang berlaku di Pulau Pinang. Sudah dia jual, dia cabar pula Barisan Nasional, dia kata, kalau berani hendak beli, belilah. Dia belum jual, dia kata. Dia buat cerita dia belum jual. Jadi dia cabar Barisan Nasional untuk membeli tanah ini.

Jadi kita kata tak apa, kita menyahut cabaran, kita membeli. Kita bayar deposit untuk tanah ini tetapi apabila kita hendak bayar deposit, tidak ada orang hendak ambil, macam-macam alasan yang diberikan. Akhirnya dari penyelidikan yang kita buat mendapati bahawa tanah ini telah pun dijual dan juga telah diterima deposit oleh penjual tersebut dan pinjaman bank juga oleh Ambank telah dibuat untuk tanah ini. Maknanya, dia mencabar kita membeli tanah yang telah dijual kepada orang lain. Jadi, saya rasa ini amat-amat tidak baiklah. Jadi sepatutnya, itulah tempat kita hendak bina kos rendah untuk rakyat Pulau Pinang tetapi disalahgunakan tanah itu untuk dijadikan kawasan untuk orang-orang yang elit sahaja sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh celah lagi? Dengar kata, bukan sahaja di *Penang*, malahan di Kedah, Kelantan, Selangor pun tidak ada rumah mampu milik, betul kah? Dengar kata.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Yang Berhormat, saya difahamkan oleh rakan saya daripada Selangor, dia kata di Selangor pun tidak ada, sikit sahaja. Di Kedah, saya kurang pasti. Mungkin saya ingat Yang Berhormat Menteri boleh jawablah. Akan tetapi, saya hendak sambung sikitlah. Tidak cukup tanah yang ada untuk *low cost* itu dia jual, satu tanah yang di rizab untuk bina masjid di Bayan Mutiara pun dijual kepada Syarikat Ivory Group. Jadi, saya rasa ini adalah tapak-tapak untuk kemudahan rakyat. Tak kisahlah apa pun, yang penting rakyat didahulukan. Jadi, saya rasa kalau kita memegang satu tampuk kerajaan itu, haruslah kita memikirkan kembali apakah kebajikan yang kita sudah buat. Macam semalam Yang Berhormat kata sudah buat kebajikan ini, itu, tetapi saya harus menjawab pada hari ini, buat masa ini memang tidak ada sebiji punlah rumah kos rendah yang dibina di Pulau Pinang.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sikit Yang Berhormat? Kalau macam begitulah keadaannya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya orang-orang Penang ini, tunggu apa lagi? Pilihan Raya Umum Ke-13 ini besok, hendak pilih yang mana? Pilihlah Barisan Nasional kalau macam begitu, betul tak?... *[Tepuk]* Ubah, ubah!

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi marilah kita sama-sama berdoa, doa yang betul, agar *insya-Allah* dalam pilihan raya kali ini kita akan mendapat kemenangan kepada Barisan Nasional untuk mentadbir semula di Pulau Pinang, *insya-Allah.*

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Yang Berhormat, saya minta sikit lagi laluan boleh?

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Okey.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Seronok kalau bercakap pasal hal-hal yang berkenaan dengan rakyat sebab kita ini pun memang wakil untuk rakyat. Jadi, tak salah untuk kita bercakap pasal masalah rakyat.

Saya terpanggil berkenaan dengan keadaan Taman Manggis di *Penang* ini. Sebab kalau kita tengok dari kaedah yang sama, ini juga yang terjadi di Selangor kalau kita lihat tentang keadaan tanah yang dimiliki oleh Yayasan Basmi Kemiskinan untuk didirikan tapak UiTM. Sehinggakan Kerajaan Negeri Melaka, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Mohd Ali Rustam sanggup mendahulukan pembayaran semata-mata untuk menyelamatkan tanah ini dari diambil oleh kerajaan dan untuk menafikan hak rakyat kita untuk mendapat pelajaran. Ini terbukti. Ini memang nyata dan berlaku. Datuk Seri Mohd Ali Rustam sendiri menyatakan kesanggupan Kerajaan Negeri Melaka mendahulukan pembayaran atas alasan mengatakan bahawa tanah ini tidak dibayar lagi. Akan tetapi apabila pembayaran hendak dibuat, macam-macam alasan yang diberi oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sama juga kes macam Taman Manggis.

■1540

Jadi, jangan lakukanlah perkara-perkara yang melibatkan rakyat. Kita bercakap tentang rakyat, kita memperjuangkan hak rakyat tetapi dalam masa yang sama sebenarnya kita memperjuangkan hanya golongan-golongan tertentu. Rakyat kita tipu, rakyat kita biarkan dalam keadaan yang diberikan gambaran ataupun persepsi yang tidak baik. Jadi, saya rasa ini tidak bagus dan pada saya tidak perlu wujud lagilah kerajaan-kerajaan yang macam ini dalam negara kita. Teruskan sahajalah menyokong Barisan Nasional. Terima kasih.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya hendak tanyalah Yang Berhormat Ali Rustam parti mana?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Sudah pasti UMNO dan Barisan Nasional. Dulu, kini dan selamanya.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih. Itulah yang kita katakan parti prihatin kepada rakyat. Jadi, saya rasa ini pentinglah. Jadi, kita kena ingat macam saya kata tadi kebajikan rakyat harus kita utamakan.

Sekarang saya ingin menyambung sedikit lagi mengenai perumahan juga. Sekarang kalau seperti mana yang saya bagi tahu tadi harga rumah telah naik secara mendadak sehingga berjuta ringgit. Jadi, kita tidak dapat membeli, tidak mampu membeli, orang Malaysia, orang Pulau Pinang tidak mampu hendak beli rumah-rumah yang dijual di Pulau Pinang.

Jadi apa yang berlaku, terdapat pelabur-pelabur daripada luar membeli seperti pelabur daripada Singapura dan Hong Kong yang banyak membeli rumah di Pulau Pinang. Saya ingin mohonlah kepada kementerian, apakah langkah-langkah yang boleh kementerian ambil untuk memastikan penjualan kepada warga asing ini dapat dikurangkan atau disekat sebab saya rasa di Pulau Pinang boleh katakan kalau satu skim perumahan itu 60 peratus adalah dijual kepada warga daripada luar.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sukar untuk menyelesaikan masalah perumahan dalam negara ini, sepatutnya keistimewaan ini perlulah kita pelihara dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan tertentu. Saya ingin bertanya kepada kerajaan apakah mekanisme yang kementerian gunakan dalam pemilihan pembeli bagi rumah-rumah mampu milik? Ini adalah penting. Kita jangan hanya menyenaraikan syarat-syarat tertentu tetapi pelaksanaannya tidak sebagaimana yang kita senaraikan.

Saya juga ingin menyentuh penjualan semula unit kos rendah atau rumah mampu milik sebab saya rasa apabila kita mendapat keistimewaan untuk memiliki sebuah rumah kos rendah tiba-tiba tahap keluarganya telah meningkat kepada lebih baik dia mampu membeli rumah yang lebih tinggi harganya. Jadi, rumah kos rendah ini kita harap tidaklah dijual dan di spekulasi untuk keuntungan. Seharusnya kita perlu ada mekanisme untuk mengawal sebagaimana yang diamalkan di Singapura iaitu apabila dia hendak menjual rumah kos rendah, dia harus menjual kembali kepada kerajaan. Dengan cara ini rumah tersebut dapatlah diberi manfaat kepada orang lain yang memerlukan pada waktu itu.

Seperti harga rumah mampu milik ini, sekarang pada maksima kadarnya RM400,000. Saya merasakan kalaulah boleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengkaji semula. Saya rasa RM400,000 ini masih tinggi juga. Sekiranya seorang guru suami isteri bergabung gaji, saya rasa masih belum mampu untuk membeli rumah RM400,000 sekiranya dia tinggal di bandar. Dengan kos pengangkutan, kos sekolah anak-anak, kos makanan yang amat tinggi. Jadi, saya rasa kalau boleh kita kaji semula bagaimana kita dapat mengurangkan kos harga rumah mampu milik ini.

Saya ingin memberi cadangan kepada kementerian atau kerajaan. Bagaimana kaedah kita hendak mengurangkan harga rumah ini. Saya merasakan sekiranya projek perumahan yang dibuat untuk rumah mampu milik atau rumah untuk orang berpendapatan rendah haruslah ianya diberi keistimewaan seperti caruman-caruman kepada pihak-pihak TNB, BPA, semua ini harus diberi pengurangan.

Pada masa yang sama sekiranya dia sanggup membina rumah kos rendah atau rumah mampu milik, pelannya diproses dengan kadar yang segera supaya keistimewaan ini dapat membantu menurunkan *holding cost*nya, dengan izin, dan dia dapat membina rumah pada kadar harga yang lebih murah. Jadi, saya rasa kajian harus dibuat supaya kita dapat membantu juga pemaju-pemaju untuk membina rumah pada kadar yang lebih murah, yang dapat dimanfaatkan oleh rakyat kita.

Saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan, sebenarnya sekarang harga tanah di mana-mana, di negeri mana pun naik dengan begitu mendadak. Jadi, sekiranya kita ingin menyelesaikan masalah perumahan sebagaimana yang disebut Yang Berhormat daripada Melaka tadi, sekiranya ada tanah-tanah yang baik, yang elok, yang boleh kita bangunkan, kerajaan harus mencari dana untuk membeli tanah-tanah ini. Kita harus mempunyai *land bank,* dengan izin. Apabila kita mempunyai *land bank,* apabila kadar harga tanah naik kita masih mampu membina rumah untuk golongan berpendapatan rendah sebabnya sewaktu kita membeli tanah tersebut harganya belum lagi tinggi. Jadi, saya rasa kerajaan harus memikirkan sama ada kita dapat mewujudkan lebih banyak *land bank* dalam negara kita...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Mohon mencelah sedikit.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Ya.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Jadi, saya cuma hendak mintak cadangan sahajalah berkenaan dengan tanah tadi kan. Sebab mungkin dari harga berbeza. Macam mana kalau kita cadangkan supaya satu kajian atau daripada kementerian sendiri mengeluarkan dari segi fakta-fakta mengikut negeri-negeri. Negeri mana tanah yang harganya sebegini rupa dan sebagainya. Bermaksud ikut negeri-negeri. *So,* dari situ kita dapat perbandingan tentang kadar harga tanah pada masa sekarang. Terima kasih.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat... Oh! Ada lagi.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Saya mohon mencelah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih. Saya ucap tahniahlah di atas keprihatinan Yang Berhormat berhubung dengan rumah ini. Memanglah harga kalau kita tengok kajian, dalam masa tiga tahun puratanya, harga-harga rumah telah mencatat dua kali ganda. Masalah ini kita tidak boleh bagi terus menerus kepada kerajaan mahupun kerajaan negeri ataupun Kerajaan Persekutuan. Saya telah mencadangkan dalam tahun 1982 dasar perumahan kerajaan ialah apabila hendak membangun perumahan, kita meletakkan 30 peratus untuk diperuntukkan bagi rumah murah.

Seperti yang ucap dalam ucapan saya dua tiga hari yang lalu, kita sekarang mempunyai lebih daripada satu juta rumah murah. Akan tetapi, kadangkala rumah-rumah murah ini di satu-satu tempat tidak boleh jual pun. Oleh sebab terlampau banyak, tidak ada orang pun hendak beli. Akan tetapi, di bandar-bandar besar tidak mencukupi. Oleh sebab itu, dasar untuk peruntukan rumah murah ini mesti kembali kepada dasar bahawa jika satu-satu pemaju tidak boleh membuat rumah, janganlah bagi kelonggaran sehinggakan kita kenakan hanya RM3,000 sahaja. Kalau dia tidak boleh buat di sesuatu tempat kita kenakan RM3,000 walhalnya harga rumah murah ini ialah RM42,000. Itu satu hal.

Yang kedua, oleh sebab soalan sekarang ialah soalan rumah mampu milik. Yang Berhormat kata tadi RM400,000 memang mahallah tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan rumah mampu milik bukan RM400,000 tetapi dari RM100,000 ke RM400,000. Jadi maknanya, saya cadangkan Dasar Perumahan Negara ialah peruntukan 20 peratus rumah murah iaitu harganya tidak lebih daripada RM42,000. Sebanyak 10 peratus kita peruntukan di antara RM100,000 hingga RM200,000, terpulang kepada kawasan masing-masing. Jadi, pemaju sendiri pun oleh sebab 20 peratus sahaja rumah murah, dia boleh buat rumah murah di antara RM100,000 dengan RM200,000. Maka, pemaju sendiri pun akan mendapat keuntungan yang lebih tetapi boleh...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ingin mencelah tadi, bukan begitu?

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Ya

Tuan Yang di-Pertua: Boleh minta dia tanya. Yang Berhormat tidak boleh mencadangkan, Yang Berhormat sudah bercakap hari itu. Cuba cadangkan kepada Yang Berhormat untuk pandangan.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, terima kasih. Minta maaflah tetapi itu yang saya cadangkan. Bagaimana Yang Berhormat fikir?

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Okey, terima kasih dan tahniahlah kepada Yang Berhormat semua yang begitu prihatin dengan masalah perumahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagi kah?

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Sedikit lagi. Hendak habis sudah. Saya hanya menjawab Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin tadi mengenai kajian *land bank* dari seluruh negeri. Jadi, saya rasa yang ini saya amat bersetuju dan kita harap kementerian dapat menyatakan jumlah tanah-tanah dari setiap negeri yang dimiliki oleh kerajaan negeri.

■1550

Mengenai dasar yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Rahim, saya amat bersetuju dari segi dasar perlu dikaji semula, dasar perumahan perlu dikaji semula. Kita mempunyai banyak masalah sekarang, sebab kita mempunyai dasar tetapi tidak pernah dikaji semula mengikut peredaran zaman. Maknanya sekarang keadaan tanah makin meninggi, tetapi dasar kita masih dasar yang ke belakang.

Sebagai seorang profesional, Yang Berhormat amat memahami dan saya setuju macam Yang Berhormat kata 20 peratus rumah kos rendah, 10 peratus rumah mampu milik. Ini adalah untuk membantu masalah kekangan *holding cost,* dengan izin, kepada pihak pemaju. Ini supaya kalau kita beri banyak suntikan galakan, maka pemaju akan mampu membina lebih banyak perumahan mampu milik dan rumah kos rendah kepada rakyat. Tadi yang saya sebut mengenai harga RM400 ribu itu, itu adalah harga maksimum. Jadi kalau boleh, sepatutnya tidak mencecah kepada jumlah yang tinggi.

Terakhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit, mungkin sedikit lari, tetapi perlu diberi perhatian...

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Mohon mencelah.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, mohon masa lebih sikit.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, kalau boleh yang mencelah itu jangan terlalu banyak sangat.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Ini berhubung dengan isu perumahan, yang mana saya terpanggil oleh kerana banyak pandangan-pandangan yang mengatakan kerajaan di Pulau Pinang dan kerajaan di Selangor hari ini tidak membangunkan apa bentuk jenis perumahan setakat ini. Jadi, saya terpanggil untuk menyemak buku jingga yang telah pun dikeluarkan, walaupun saya sebelum ini tidak pernah membacalah, diakui. Akan tetapi, menjadi satu agenda penting kepada pihak PKR, Pakatan Rakyat yang mana dalam sektor perumahan. Apa yang saya dapati ialah antaranya hendak menubuhkan perbadanan perumahan dengan mandat untuk menambah bilangan rumah mampu milik, mengatasi masalah setinggan-setinggan dan peneroka bandar, menyelaraskan sistem perundingan dan setinggan peneroka, macam-macam lagi. Ini menampakkan ada kesungguhan kerana dia dah janji. Jadi soalannya sekarang, apakah ini hanya sekadar satu janji ataupun ke manakah arah tuju mereka ini sebenarnya. Terima kasih.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Najeeb. Itu yang sebagaimana Yang Berhormat kata tadi, itu adalah 'dia kata' tetapi tidak semestinya 'dia kota'. Itulah bezanya Kerajaan Pakatan Pembangkang dan Kerajaan Barisan Nasional yang mana kita berjanji, kita tepati janji kita... *[Tepuk]*

Dato' Lim Nget Yoon: Mohon mencelah.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: *Last one.*

Dato' Lim Nget Yoon: Saya, cuma terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ini yang terakhir sekali ya.

Dato' Lim Nget Yoon: Ya, ya. Saya cuma hendak pasti satu perkara iaitu peruntukan diberi kepada negeri Pulau Pinang oleh Kementerian Pelancongan untuk membina *parking* dan bangunan itu dibina dan dihancurkan sebab tidak boleh dipakai. Usaha pelancongan untuk membantu negeri Pulau Pinang untuk menarik pelancong sebagai usaha sia-sia. Jadi, perkara itu benar atau tidak? Dan apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara itu.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat. Boleh saya minta sedikit makluman, *parking* di mana itu? Di kawasan mana, Bukit Bendera kah?

Dato' Lim Nget Yoon: Ya.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Itu masalahnya, kita hendak menggalakkan pelancongan, kita bina *parking*. Akan tetapi bila dia mengambil alih kerajaan, dia rasa benda itu tidak perlu, dia runtuhkan balik tanpa mengira kos awal yang telah kita laburkan, telah dibazirkan begitu sahaja. Jadi saya rasa itulah masalahnya. Bila kita hanya mengikut emosi dalam mentadbir sesebuah negara, ia akan jadi beginilah. Jadi, kos yang sepatutnya dimanfaatkan, atas sebab emosi, dia merobohkan benda itu dan yang mengalami kerugian adalah pelancong-pelancong yang datang ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh sedikit mengenai kedudukan Ahli-ahli Dewan Negara. Saya rasa sebagaimana rakan-rakan Ahli Dewan mungkin bersetuju sekiranya ada majlis-majlis rasmi, ada kalanya tempat duduk untuk Ahli Dewan Negara tidak disediakan. Yang terbaru saya dimaklumkan bahawa dalam satu majlis yang mana dihoskan oleh MITI, sehinggakan saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara pun tidak diberi tempat yang sewajarnya. Saya rasa ini tidak patut. Jadi, bahagian protokol haruslah mengkaji semula. Apabila ada majlis-majlis rasmi, janganlah lupa kepada Ahli-ahli Dewan Negara ini. Kita juga berbakti untuk rakyat, kita juga menyumbang kepada rakyat, khususnya kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa adalah tidak baik apabila pergi kepada majlis, nama pun tidak ada, kerusi pun tidak ada. Jadi saya mohon kepada yang sepatutnya...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau kerusi tidak ada, saya balik sahaja.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Saya difahamkan... Tuan Yang di-Pertua jangan merajuklah.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan merajuk, maknanya dia tidak tahu, bukan soal 'Abu Zahar', soal kedudukan dalam Dewan.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Ya. Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, kita harus memperkasakan Dewan ini, pada masa yang sama kita memperkasakan juga Ahli-ahli Dewan ini. Tidak mengiralah sama ada daripada Pakatan Rakyat ataupun Barisan Nasional, kita datang ini mewakili rakyat. Jadi, kita harus diberi tempat yang sewajarnya. Dengan itu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Raja Ropiaah.

3.56 ptg.

Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk turut membahaskan Bajet 2013, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang rakyat Malaysia saya merasa begitu bangga dengan pendekatan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan pembentangan bajet yang akan menentukan bahawa negara akan terus makmur, rakyat disejahterakan dan semua janji-janji Kerajaan Barisan Nasional akan ditepati.

Bajet 2013 telah memperincikan segala langkah dan perancangan, memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi negara bagi menentukan pencapaian sasaran ekonomi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 tercapai. Langkah-langkah yang dirancang dalam Bajet 2013 akan memastikan dan mengunjurkan KDNK Malaysia akan berkembang di antara 4.5 peratus hingga ke 5.5 peratus. Pendapatan negara kasar nominal per kapita akan meningkat daripada RM30,156 kepada RM32,947 dan kuasa beli pengguna juga akan terus meningkat.

Kejayaan ekonomi negara yang dirancang begitu rapi mengambil kira keperluan rakyat secara keseluruhannya. Menentukan tidak ada golongan yang tercicir, semuanya mendapat pembelaan, keadilan dan kesaksamaan ekonomi.

Kesenangan rakyat diutamakan dan sama-sama kita rakyat Malaysia dapat merasakan hasil dan pencapaian kejayaan sebuah kerajaan yang telah diurus dengan baik dengan perancangan yang teliti dan bertanggungjawab serta mempunyai strategi untuk masa depan yang cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbahasan Bajet 2013 ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja. Pertama, kesejahteraan hidup rakyat. Hidup rakyat hari demi hari mesti ada penambahbaikan. Pendekatan subsidi bersasar yang diutarakan dan dipraktikkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, cuba menentukan bahawa kehidupan rakyat semakin lama semakin selesa.

Sama ada pemberian BR1M, KR1M, Klinik 1Malaysia, TR1MA, PR1MA, baucar buku, bantuan anak sekolah dan sebagainya, semuanya untuk keselesaan rakyat. Subsidi bersasar ini menentukan bahawa rakyat dan kumpulan sasar yang sepatutnya menerima subsidi menerimanya dan mendapat pembelaan dan menentukan ketirisan dapat dibendung.

■1600

Rakyat ternanti-nanti apakah lagi idea yang kreatif dan inovatif yang akan dicernakan oleh kerajaan untuk menyejahterakan rakyat. Keduanya, di dalam konteks pelan transformasi nasional, saya mengalu-alukan kewujudan Program Transformasi Komuniti di mana telah dibina dengan izin, *Urban Transformation Centre,* (UTC) ataupun Pusat Transformasi Bandar dan (RTC) dengan izin *Rural Transformation Centre* ataupun Pusat Transformasi Desa bagi menentukan bahawa rakyat sama ada di bandar mahupun di desa disediakan masa depan yang lebih baik dan memberangsangkan. Menentukan bahawa pembangunan dilebarkan dan disasarkan kepada seluruh negara agar kemakmuran, kekayaan dan kejayaan kerajaan dapat dikecap oleh semua lapisan rakyat Malaysia dan bukan hanya ditumpukan di kawasan bandar sahaja.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah: Saya mencadangkan bahawa dibangunkan dengan segera lebih banyak Pusat Transformasi Desa dan Pusat Transformasi Bandar ini dan ia mesti diperluaskan ke seluruh negara untuk memberi manfaat kepada rakyat supaya semua rakyat dapat merasai nikmatnya dan segala urusan kerajaan dipermudahkan dan perkhidmatan kerajaan dapat dipertingkatkan dan dapat cepat sampai ke akar umbi. Kerajaan mesti memastikan bahawa konsep Kerajaan Barisan Nasional yang mesra rakyat benar-benar dihayati oleh semua kakitangan kerajaan sebagai pelaksana dasar yang beramanah, efisien, komited dan bermutu tinggi.

Ketiga, setiap tahun kerajaan memberi peruntukan yang besar kepada pendidikan, sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah, kolej, universiti, politeknik, kolej komuniti, dan institusi kemahiran yang lain. Syabas saya ucapkan. Walau bagaimanapun, saya dimaklumkan bahawa terdapat masih banyak graduan-graduan yang masih menganggur termasuklah graduan-graduan daripada institusi kemahiran.

Kerajaan mesti melihat dengan secara terperinci tentang kokurikulum pendidikan dan penyediaan tenaga pekerja yang boleh diserapkan terus ke pasaran pekerjaan serta merancang dengan teliti keperluan negara bagi setiap bidang pelajaran vokasional dan berkemahiran. Saya dimaklumkan juga bahawa sebahagian besar daripada keluaran pelajar daripada institusi-institusi kemahiran sukar mendapat pekerjaan kerana sijil mereka tidak diiktiraf dan tidak laku di pasaran. Mengapakah ini berlaku? Adakah sijil-sijil yang dikeluarkan oleh institusi kemahiran ini tidak ada akreditasi? Sekiranya sijil-sijil yang dikeluarkan ini tidak diiktiraf, mengapakah kolej ini masih beroperasi? Graduan-graduan keluaran dari institusi sebegini akan terus menganggur kerana sijil yang mereka peroleh tidak laku dan tidak diterima oleh industri.

Perkara ini mesti dibendung dengan segera, apakah isu yang sebenarnya? Adakah kerana tenaga pengajar yang tidak berkemahiran, tidak berkelayakan, isu kokurikulum atau isu akreditasi institusi pengajian? Oleh kerana keadaan sebegini, banyak sekali graduan-graduan muda akan hilang arah tuju dan kecewa kerana mereka tidak dapat melihat masa depan cerah bagi diri mereka. Mereka juga akan menjadi bebanan kepada negara dan ini akan menimbulkan isu-isu negatif kepada negara kita. Sila beri penjelasan tentang perkara ini. Saya ingin tahu ke manakah perginya lepasan sekolah menengah dan menengah tinggi yang tercicir dan tidak masuk ke mana-mana institusi pengajian tinggi? Adakah perancangan khusus untuk mereka ini?

Seterusnya, isu perumahan. Rumah yang selesa dengan kemudahan asas yang mencukupi sepatutnya dimiliki oleh semua rakyat di dalam satu negara yang kaya, yang makmur, maju dan progresif. Kerajaan Malaysia telah merancang perkara ini dengan terperinci dan saya ucapkan syabas di atas segala usaha berterusan kerajaan untuk menyediakan rumah mampu milik dan berkualiti untuk rakyat terutama bagi mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Skop bagi Skim Rumah Pertamaku diperluaskan. Bersama dengan peruntukan dana bagi Program Perumahan Rakyat kos rendah dan sederhana, rumah mesra rakyat 1Malaysia, Program Pemulihan Rumah Terbengkalai, PR1MA, Perumahan Khas Nelayan dan berbagai-bagai lagi. Walau bagaimanapun, apabila kita menjelajah ke seluruh pelosok tanah air, didapati bahawa banyak lagi yang harus kita lakukan kerana masih ramai lagi rakyat kita yang duduk dalam keadaan rumah yang amat daif.

Saya ingin mendapatkan penjelasan dan makluman tentang dasar perumahan negara yang semestinya mengambil keperluan perumahan di seluruh negara tidak kira sama ada di kawasan bandar, pinggiran bandar, mahu pun luar bandar. Apakah kaedah yang perlu diguna pakai untuk mempercepatkan proses bagi rakyat Malaysia mendapat rumah perumahan yang selesa dengan izin, *livable home* terutamanya di dalam konteks kita menuju ke negara maju dalam tahun 2020? Kita mesti menentukan bahawa semua rakyat Malaysia diberi jaminan, kehidupan yang selesa dengan tahap kesihatan dan kebersihan negara yang membanggakan.

Di samping ini, saya juga ingin menyentuh bahawa rakyat juga perlu dipertanggungjawabkan dan diterapkan dengan nilai murni dan ada budaya penyelenggaraan yang positif serta kepekaan penghuni untuk menjaga harta sendiri dan harta awam. Bangunan yang lama harus ada penjadualan mengecat semula supaya kelihatan lebih ceria dan disenangi oleh penghuni di kawasan itu. Keperluan asas *livable home study* mesti ada lif yang beroperasi, taman permainan kanak-kanak, sistem *security*, perpustakaan, dewan orang ramai dan lain-lain prasarana. Ini mesti diberi perhatian di semua kawasan perumahan supaya tidak wujud kawasan yang tidak terurus seperti kawasan setinggan.

Kelima, saya juga ingin dimaklumkan dengan terperinci apakah perancangan dan langkah-langkah tambahan yang akan diambil oleh kerajaan untuk melindungi dan menyejahterakan kehidupan warga emas supaya sisa-sisa hidup mereka dapat dilalui dengan baik dan penuh ketenangan. Adakah perancangan untuk mengadakan rumah warga emas yang menyediakan prasarana dan keperluan untuk usia tua termasuk perkhidmatan doktor dan jururawat dan sebagainya, yang boleh juga diusahakan dengan sektor swasta dan NGO. Mungkin sudah sampai masanya kita harus memikirkan dengan secara serius kebajikan warga emas seperti penyediaan kad khas untuk warga emas untuk mendapat berbagai-bagai kemudahan, keistimewaan, keutamaan dan lain-lain lagi.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas semua inisiatif yang telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Memberi ruang dan mengiktiraf peranan wanita dalam arus perdana pembangunan negara. Sehubungan dengan itu, saya ingin melihat bahawa polisi 30 peratus wanita dilantik sebagai CEO, dengan izin, dan pengarah di syarikat-syarikat di bursa saham dan di GLC-GLC dilaksanakan dengan secepat mungkin. Saya ingin tahu setelah perwujudan polisi ini pada tahun lepas apakah statusnya sekarang?

Saya juga ingin menyentuh tentang perniagaan SOHO dan perniagaan *online* di mana semakin ramai wanita yang terlibat dalam perniagaan ini. Ini amat bersesuaian dengan keperluan wanita untuk mengimbangi masa, membina sebuah keluarga yang bahagia dan pada masa yang sama membuat kerja-kerja untuk menampung pendapatan keluarga serta membuat satu aktiviti perniagaan yang menguntungkan.

Pada masa yang sama, ramai wanita yang berpendidikan tinggi telah membuat pilihan bekerja dari rumah kerana boleh menjaga dan mendidik anak-anak sendiri pada masa yang sama. Di dalam konteks ini, saya ingin melihat bahawa perlindungan diberi kepada kumpulan ini melalui undang-undang yang harus diadakan.

■1610

Saya ingin menyatakan bahawa setakat ini memang belum lagi ada apa-apa undang-undang untuk melindungi mereka. Akan tetapi, saya percaya bahawa kerajaan kita akan melihat perkembangan ini sebagai satu perkembangan yang positif. Oleh kerana itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kerana banyak dana telah disediakan untuk perniagaan wanita. Akan tetapi, saya ingin memohon bahawa dana khusus juga disediakan untuk kumpulan ini. Dengan itu, saya menyokong Bajet 2013 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin. Silakan Yang Berhormat.

4.11 ptg.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, *alhamdulillah* sekarang giliran saya untuk turut sama berbahas dan *insya-Allah* menyokong Bajet 2013 bagi membolehkan kerajaan terus melaksanakan apa yang dirancang dan inilah sistem demokrasi di negara kita.

Saya ada mengemukakan soalan kepada Kementerian Kesihatan, sehingga sekarang berapa ramai kah rakyat Malaysia yang mengidap penyakit mental. Lalu dijawab, jumlahnya ialah 1,008,000 orang dari 28,800 jumlah penduduk Malaysia sekarang ini. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran kata dia pun termasuk dalam golongan itu. Akan tetapi apa yang dijelaskan, kategori yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan yang sakit mental ini ada dua. Satu kemurungan dan satu lagi keresahan. Kemurungan 518,400 dan keresahan 489,600.

Saya tidak termasuk dalam kedua-dua kategori ini. Akan tetapi ,saya duduk dalam keadaan tertekan, bengang, tidak reti hendak buat macam mana dalam Dewan yang mulia ini apabila boleh dikatakan hampir semua ucapan menjurus marah kepada Pembangkang. Apa yang berlaku di Dewan Rakyat, dibawa ke sini yang saya sendiri pun tidak tahu sebenarnya apa yang berlaku. Contohnya, macam semalam dibangkitkan soal elaun Ahli Parlimen yang tidak diluluskan kerana Ketua Pembangkang tidak setuju. Hai, pelik juga ini. Yang lain hak Ketua Pembangkang tidak setuju boleh laksana, kenapa ini tidak boleh dilaksanakan?

Saya hari ini cuba untuk mendapatkan maklumat apa sebenarnya, lalu diberitahu bahawa yang didesak ialah supaya Ahli-Ahli Parlimen sama ada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara diberikan hak yang sama peruntukan. Contohnya, macam Ahli Dewan Negara, Yang Berhormat yang selain daripada blok sini semua mendapat RM200,000 untuk tiga tahun, saya ini sudah empat tahun, tujuh bulan. Bila orang minta bantuan, saya kata nantilah dahulu, saya kena himpun RM200 kah, RM300 kah sebulan. Gaji saya, elaun saya, itulah untuk orang ramai. Bila sekolah PIBG mesyuarat...

Dato' Boon Som a/l Inong: Boleh saya mencelah, boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat? Silakan. Jangan panjang Yang Berhormat kalau mencelah.

Dato' Boon Som a/l Inong: Pendek sahaja soalan saya. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan kenaikan elaun dengan Ahli Parlimen Dewan Negara dan Dewan Rakyat?

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Saya hendak pergi ke situ. Saya kata selesaikan yang ini dahulu. Pemberian itu kalau di Dewan Rakyat mungkin saya boleh akur lagi sebab Dewan Rakyat dipilih atas nama parti dalam pilihan raya, dia jadi parti pembangkang. Akan tetapi, di Dewan Negara dipilih oleh kerajaan negeri oleh Dewan Undangan Negeri bukan Pembangkang, wakil kerajaan. Kami tidak dapat. Jadi, ini diselesaikan dahulu, hak tambah gaji itu bodohlah kalau saya tidak setuju Yang Berhormat Dato' Boon... *[Ketawa]* Tentulah saya setuju, siapa tidak setuju.

Jadi, dalam hal ini saya sebelum sampai ke Dewan Negara ini oleh kerana saya rasa saya yang paling lama kot. Hak yang lapis-lapis saya dahulu tidak ada sudah. Masa saya masuk dahulu Datuk Musa, Syed Ali, Datuk Ngah, ramai lagi tidak ada sudah. Sebelum sampai ke sini, dua kali ISA. Dalam peristiwa Memali, apabila saya ditangkap, saya dihentak dengan buntut senapang di kepala, luka dagu, muka saya dalam keadaan seluar koyak-rabak ditembak. Orang beritahulah saya ditembak, saya tidak perasan pun. Selepas itu, bila bawa dalam *black maria,* ditiarapkan di atas lantai, dipijak. Sampai di Lokap Baling ditelanjangkan, dipukul, terus dibawa ke Alor Setar. Tiga hari tiga malam, gari tangan ke belakang, disoal-siasat tanpa henti. Seramai 18 orang Memali mati termasuk Tok Guru saya Ustaz Syed Ibrahim.

Jadi, perkara ini semua berlaku sedangkan kita seagama, kita sebangsa, kita rakyat Malaysia, kenapa ia boleh berlaku? Akhirnya, penyelesaian kes Memali ini dibuat apabila kerajaan membayar pampasan RM20,000.00 seorang kepada 14 orang balu, tidak termasuk empat orang yang mati kemudian, yang cedera dalam kejadian itu, kemudian mati, tidak. Bayar 14 orang ini RM20,000.00 seorang. Ini nyawa Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya cukup sedih. Bagaimana perkara ini boleh berlaku sedemikian. Betul, semalam Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus mengatakan berat mata memandang, berat bahu memikul. Saya sudah lalui semua ini. Saya bebas Memali Jun 2006, Oktober 2010 kena pula ISA, kena lagi...

Puan Chew Lee Giok: Boleh minta mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat?

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Chew Lee Giok: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi tentang-saya baru masuk ya, tadi dari luar. Dengar kata *allowance* RM200,000.00 untuk Ahli Dewan Negara. Saya nyatakan dekat Negeri Selangor, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor, BN punya, sebagai Parti Pembangkang, satu sen pun tidak dapat peruntukan daripada Kerajaan Negeri Selangor. Sebaliknya, saya tahu ADUN, Ahli Dewan Undangan Negerinya, peruntukannya berapa? Bukan RM200,000.00. Saya dengar ada sampai RM1,000,000.00 pun untuk seorang Ahli Dewan Undangan Negeri sahaja. Terima kasih. Itu saya minta pendapatlah Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih walaupun gostan belakang saya terbuka. Saya akan bagi masa dan Tuan Yang di-Pertua perlu juga bagi masa kepada saya apabila mencelah, sebab *point* saya ada sembilan. Ini baru mukadimah. Semasa pilihan raya tahun 1999, Terengganu dimenangi oleh PAS, diperintah oleh PAS. Terengganu memberikan peruntukan yang sama kepada Ahli PAS dan juga daripada Barisan Nasional. Sama banyak peruntukan untuk bantuan kepada rakyat dengan harapan supaya Kerajaan Pusat dan kerajaan di negeri-negeri lain turut sama memberikan peruntukan kepada wakil rakyat Pembangkang di negeri atau di Dewan Rakyat.

Akan tetapi, apabila contoh yang diberi oleh Kerajaan Negeri Terengganu itu tidak diikuti, ahli-ahli daripada- contohnya di Kedah, Ahli Parlimen daripada Pakatan Rakyat tidak mendapat peruntukan daripada Dewan Rakyat. Mulanya RM500,000.00 katanya sekarang RM1,000,000.00 untuk satu kawasan Parlimen.

■ 1620

Akan tetapi, ADUN yang di Kedah yang tidak dapat peruntukan itu diperuntukkan daripada Kerajaan Pusat kepada mereka dan mereka dapat jumlah yang besar berlipat kali ganda. Jadi, inilah situasinya menjelaskan pertanyaan Yang Berhormat tadi tetapi di Dewan Negara lain, saya sudah jelaskan awal tadi saya bersetuju di Dewan Rakyat kerana mereka bertanding atas parti sama ada di DUN. Akan tetapi, Dewan Negara ini tidak saya telah jelaskan tadi, terima kasih. Okey Tuan Yang di-Pertua, saya akan...

Puan Chew Lee Giok: Boleh minta mencelah lagi? Hendak tanya sedikit tentang Yang Berhormat ya tentang yang, sebab setahu saya tahun yang lepas itu yang Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor telah dinaikkan gaji *basic* dia daripada RM4,000 lebih, jadi dia sama dengan kita dan naikkan sehingga RM6,000 lah sekarang. Setahu saya yang mesyuarat untuk Ahli Dewan Undangan Negeri yang lepas mereka kata elaun untuk mesyuarat negeri pun hendak diminta naik lagi.

Saya hairan, pada saya ialah untuk Ahli Majlis pun dalam empat tahun sudah naik tiga kali tahu. Dahulu waktu Barisan Nasional RM500 sekarang ini sudah naik sampai RM1,500. Maksud saya *basic* sahajalah, maksud saya apa sebab ya negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat elaun itu boleh dinaikkan banyak kali untuk Ahli Majlis dan sekali untuk Ahli Dewan Undangan Negeri. Apa pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Barangkali Selangor ini dia ada duit banyak dia boleh bagi. Kita di Kedah tidak ada duit, negeri Kedah miskin, satu.

Keduanya secara *detail*nya saya bukan terlibat dengan Selangor saya hendak jawab tidak boleh. Minta notis Yang Berhormat nanti saya rujuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor kalau dia sudi jawab. Terima kasih.

Okey, inilah keadaan yang berlaku, nasib kami di blok sini. Saya dua hari, dua minggu sudah datang ke Parlimen saya rasa ada masalah kaki saya. Rupanya pagi tadi baru tengok kaki saya sebelah tapak sudah keluar kerana umur dia empat tahun tujuh bulan. Sebelah tapak kasut sudah keluar, ini kerana orang macam saya ini sebagai Ahli Dewan Negara masyarakat tidak tahu, dia tahu minta kita kena bagi. Kadang-kadang kita terpaksa bagi yang peruntukan untuk kita. Jadi, adil atau tidak Ahli Yang Berhormat sekalian pertimbangkan sendiri.

Okey, saya hendak masuk yang kedua. Penyediaan bajet ini saya percaya dibuat oleh satu kumpulan ahli ekonomi, penasihat Perdana Menteri tentulah dia dirancang dengan elok untuk dilaksanakan. Ini bukan satu benda main-main. Begitu juga dengan bajet sesebuah kerajaan sama ada di peringkat pusat atau di peringkat negeri. Apa yang saya hendak persoalkan sekarang ini ialah pelaksanaannya. Di mana negara kita sekarang ini seperti ucapan seorang Ahli Yang Berhormat, saya ambil data daripada dia. Indeks rasuah kita daripada 2007 kedudukan yang ke 37 dan akhirnya pada 2011 turun kedudukan kepada 60 dengan mata 4.3 peratus bertambah. Difahamkan 2012 ini meningkat sedikit, turun sedikit daripada 60 ke 56 dengan mata 4.9 peratus. Ini satu persepsi indeks yang diberikan oleh peringkat antarabangsa.

Saya bimbang bajet yang dikemukakan ini bantuan-bantuan untuk rakyat yang disediakan ini pembangunan untuk rakyat yang disediakan ini tidak akan sampai 100 peratus kepada rakyat. Ini bukan masalah Pakatan Rakyat, bukan masalah Barisan Nasional. Ini masalah kita bersama sebagai Ahli Dewan Negara. Bagaimanakah kita hendak pastikan peruntukan yang besar ini apabila bekas Ketua Setiausaha Negara pernah mengeluarkan kenyataan bahawa wang kerajaan ini tidak kurang daripada RM10 bilion hilang kerana rasuah?

Ada yang mengatakan lebih daripada itu sekali ganda daripada itu. Indeks ini pula tidak termasuk dengan isu RM40 juta yang dibawa masuk yang dikatakan untuk UMNO Negeri Sabah. Hasil daripada kes ini bekas Ahli Majlis Tertinggi UMNO dan juga bekas Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin telah membuat akuan bersumpah.

Mengatakan bahawa RM40 juta ini bukan untuk UMNO kerana dia adalah Ahli Majlis Tertinggi dan juga Ahli Perhubungan UMNO Negeri Sabah. Dia sanggup menghadapi semua keadaan termasuk ke mahkamah. Itu bukan soalnya. Soal kepada kita bagaimana wang ini diperoleh dan untuk siapa wang ini hendak diberi? Kalau diberi kepada UMNO macam P. Ramlee katalah baik ada makna itu. Sebanyak RM40 juta Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua RM40 juta bukan sedikit.

Ada seorang Ahli Yang Berhormat dari Sabah kalau tidak silap saya membangkitkan mengenai dengan RM700 juta dalam satu akaun, anak pemimpin. Wang siapa? Saya cukup sedih kerana ini masih berlaku dan ini semua akan menyebabkan indeks rasuah kita pada tahun hadapan mungkin 70 ke 80...

Datuk Haji Kadzim bin Haji M. Yahya: Mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat? Silakan.

Datuk Haji Kadzim bin Haji M. Yahya: Adakah maksud Yang Berhormat tadi yang RM40 juta itu adalah wang rasuah?

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Saya tidak tahu sebab itu saya pun mengemukakan persoalan untuk apa dan di mana kepada siapa sebenarnya?

Datuk Haji Kadzim bin Haji M. Yahya: Kalau tidak tahu Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz sudah jawab dalam Parlimen. Tolong rujuk *Hansard*.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Okey itu sebab oleh kerana Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz jawab dalam Parlimen satu akuan bersumpah dibuat oleh Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin mengenai perkara ini. Jadi, saya hendak bercakap...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Mohon saya mohon mencelah sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat? Silakan.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat berulang-ulang cakap tentang akuan bersumpah. Ini kerana dalam banyak kes ia melibatkan juga dalam kategori yang lain termasuk dengan liwat dan sebagainya ada juga akuan bersumpah. Akan tetapi, bolehkah kita pakai? Itu sebab fakta untuk kita memperkatakan atau mempersoalkan. Jadi, saya ingat dari segi akuan sumpah ini kadang-kadang mungkin perbuatan secara jujur dan mungkin juga perbuatan yang mungkin kita tidak tahu dari unsur ataupun niat.

Jadi, saya mengharapkanlah berkenaan dengan akuan sumpah ini jangan kita jadikan sebagai topik mengatakan kita hampir ingin menunjukkan ini adalah satu kebenaran. Ini kerana banyak kes yang melibatkan di peringkat kepimpinan tertinggi dari segi akuan bersumpah kalau kita hendak gunakan maka ini akan menjadikan sesuatu keadaan itu bersalah. Jadi di mana ingin kita buktikan, ingin kita syorkan, ingin kita tonjolkan sebenarnya dari segi fakta akuan bersumpah ini? Terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih kepada adinda saya Yang Berhormat adinda. Soalnya saya bukan percaya, saya kata itu bukan isunya. Soalnya saya kata pihak yang bertanggungjawab terutamanya SPRM kena melihat perkara ini secara jelas. Apakah ianya benar seperti akuan bersumpah tersebut ataupun akuan sumpah tersebut itu dibuat kerana kepentingan politik atau peribadi? Itu persoalan yang timbul. Satu lagi yang dibangkitkan Ahli Yang Berhormat saya tidak ingat mengatakan bahawa di Sabah terdapat satu pusat pengajian yang satu syarikat dibayar RM2 juta sebulan. Kemudian *maintenance* untuk *service aircond* dan sebagainya di pejabat itu tidak dilakukan. Bagi saya ini cukup serius.

Saya minta sungguh-sungguhlah supaya pegawai mencatatkan perkara ini dan ini memalukan imej negara kita kalau perkara yang sebegini boleh berlaku.

■1630

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua boleh saya mencelah? Pertama tadi Yang Berhormat telah menyatakan ada satu akuan bersumpah.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah kenyataan ini dilakukan semasa Yang Berhormat yang telah dinyatakan tadi masih di dalam kerajaan ataupun setelah dia menjadi ahli Pembangkang. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bahawa adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya seseorang yang telah meninggalkan kerajaan dan hanya setelah dia tidak bersama kerajaan, baru dia membuat ulasan. Adakah Yang Berhormat bersetuju? Yang saya ingin nyatakan ialah bahawa mereka yang terlibat ini ada juga di dalam golongan yang berperangai tidak baik. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Kalau Yang Berhormat faham penjelasan saya tadi itu jelas dah. Bagi saya, akuan bersumpah ini bukanlah satu kepercayaan kepada diri saya sebab kalau tak ada dah lapisan saya dulu, mula-mula saya masuk Dewan dulu apabila isu lompat parti, saya menentang.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Saya ingin mencelah. Sekiranya Yang Berhormat tidak percaya kepada akuan bersumpah itu, kenapa ia harus diutarakan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Saya minta supaya siasatan dibuat terhadap kenyataan ini, kenyataan bersumpah ini sama ada ia benar ataupun tidak. Itu persoalan saya, senang sahaja. Okey?

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Siasatan sudah dibuat.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh mengenai dengan Kementerian Sumber Asli. Ini yang ketiga, di mana saya tak ingat semalam ke tadi, saya ada terbaca bahawa syarikat Lynas di Gebeng itu enggan mengeluarkan bahan sisa-sisa daripada kilang itu dihantar ke luar dan ianya akan ditempatkan di Malaysia juga.

Jadi, ini saya mohon penjelasan sama ada adakah benar perkara ini. Jika benar, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dan kementerian di mana saya difahamkan terma perjanjian yang disebut, bahan-bahan itu hendaklah dihantar ke luar negara ataupun ke Australia dan sebagainya. *Wallahualam*, saya tak tahu dengan jelas cuma saya nak minta penjelasan.

Yang keduanya mengenai alam sekitar ini, hutan dalam negara kita ini merupakan satu aset, satu makhluk Allah walaupun dia pokok kayu, bukit bukau yang dijadikan untuk kecintaan alam ini, khususnya negara kita Malaysia ini.

Di mana hutan ini kalau tidak dijaga, ia akan memberi kesan kepada alam sekitar, ia akan hilang air dan sebagainya. Tak kira di negeri mana pun, saya mohon supaya Kementerian Alam Sekitar hendaklah tegas dalam hal ini. Jika ada kerajaan negeri yang melakukan penebangan di luar batasan atau yang sebelum diluluskan oleh Kementerian Alam Sekitar, hendaklah diambil tindakan segera. Sebab itu di Kedah, kita minta supaya Jabatan Hutan ini mestilah mendapat kebenaran Jabatan Alam Sekitar di mana penebangan itu hendak dibuat. Tender akan dikeluarkan apabila ianya semua mendapat kelulusan.

Di Kedah juga mempunyai beberapa empangan seperti mana Pedu, Empangan Bris, Empangan Naning yang bekalan airnya bukan sahaja untuk negeri Kedah tetapi juga untuk Pulau Pinang dan Perlis. Air ini adalah penting untuk tanaman padi. Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat faham bahawa Kedah merupakan pengeluaran hasil padi dalam negara kita sebanyak 40 peratus. Perlis ada sedikit dan juga Pulau Pinang di sebelah Seberang Prai ini, dibekalkan air.

Semasa Kerajaan Barisan Nasional tahun 2006, Kementerian Alam Sekitar menasihatkan supaya kawasan, dengan izin, *water catchment area*, kawasan tadahan air ini tidak diganggu. Kalau kawasan ini ditebang, hasil balaknya, saya dimaklumkan sekarang ini, ia boleh memberikan hasil kepada kerajaan RM3 bilion. Pendapatan Kerajaan Negeri Kedah setahun antara RM500 juta ke RM600 juta. Kalau dapat RM3 bilion ini, kaya tetapi kita tidak tebang. Oleh sebab ini kepentingan bersama dan semasa itu kerajaan...

Dato' Boon Som a/l Inong: Saya nak mencelah. Kebun saya berasal dari Baling dan saya pernah melawat di kawasan Pedu, kawasan tadahan air. Saya malas berbincang perkara ini, kalaulah Yang Berhormat sanggup bersama saya nak melawat di tempat tadahan air yang kini digondol oleh sebab kerakusan kerajaan negeri memberi tender kepada balak, bersamalah saya. Saya sanggup bawa, naik helikopter pun tak apa, saya sanggup bayar. Terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Boleh, *insya-Allah*. Kita pergi bersama sebab saya difahamkan macam itu. Semua kawasan setelah diluluskan oleh Kementerian Alam Sekitar, yang mana urusan ini dibuat oleh Jabatan Hutan dan dibawa kepada Jawatankuasa Tender, yang Setiausaha Jawatankuasa Tender ini ialah pegawai kerajaan. Menteri Besar, dia tak pergi cek dah pun. Nanti kalau berlaku kes yang seperti ini, *insya-Allah* saya turut bersama dengan Yang Berhormat, jangan bimbang. Jadi, dalam tahun 1996, Kabinet memutuskan sebagai imbuhan kepada Kerajaan Negeri Kedah pada ketika itu, pada tahun 2006, maaf saya.

Untuk memberi pampasan RM100 juta setahun, dia panggil, '*fees payment environment services'*, dengan izin. Bayaran kerana menjaga kawasan tadahan air. Saya pernah kemukakan soalan kepada Kementerian Kewangan, dijawab memang betul dan akan dibagi. Tahun 2010 tak bagi juga, 2011 saya buat soalan. Akan diberi dalam bentuk pembangunan dan sampai sekarang saya tak tahu pembangunan yang macam mana.

Jadi, atas nama saya yang dilantik oleh Adun Dewan Undangan Negeri Kedah dan saya rasa Yang Berhormat Dato' Boon pun setuju kita minta RM100 juta untuk tahun 2006, 2007, 2008, 2009, 2010, 2011, 2012 sebanyak RM700 juta. Kerajaan Persekutuan tolonglah timbang untuk diberi kepada Kerajaan Negeri Kedah.

Okey Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya pergi ke poin saya yang keempat mengenai Kementerian Kerja Raya dan juga Pengangkutan. Di Kedah, terdapat jalan, saya tak perasanlah tetapi saya rasa jalan Persekutuan dari Gurun ke Jeniang, dua *lane*. Jadi, jalan itu di kebanyakan tempat rosak cukup teruk walaupun beberapa kali dibaiki. Akan tetapi, kerosakannya semakin teruk dan begitu juga banyak lagi jalan-jalan yang lain yang tak dapat saya beri contoh semua. Saya merasakan sebab saya bukan ahli dalam bidang itu, saya merasakan bahawa pembinaan jalan itu, *specs*nya tidak diikuti sepenuhnya oleh kontraktor yang terlibat. Maka, sebab itulah berlaku kerosakan walaupun jalan itu masih baru. Jadi, saya nak mintalah kepada kementerian yang berkenaan supaya dalam hal pembinaan jalan raya ini kita kena ikut *specs* yang cukup bagus.

Saya menjadi pengerusi, Dato' Boon tahulah kepada satu GLC yang kerja dia buat jalan. Jual batu dan kita buat satu jalan di dalam daerah Baling, *engineer* dia itu cukup tegas sampai pengurus besar GLC ini mengadu kepada saya payah berkiralah apa semua. Saya kata dia bagus. Saya tanya siapa *engineer* itu? Dia kata seorang wanita. Rupanya wanita ini bagus, tegas, tak boleh berkira langsung dia kata. Nak belanja teh pun tak mahu. Jadi, kalau itulah pegawai-pegawai yang menjaga pembinaan-pembinaan ini, sudah tentulah spec jalan-jalan yang dibina itu menjadi kukuh dan tidak mudah rosak.

■1640

Yang keduanya, mengenai kesopanan di jalan raya. Tadi Yang Berhormat Khalid sudah sebut, saya pun menyokong penuh. Teruk, dalam negara kita ini cukup teruk kesopanan pemandu. Saya rasa langsung tidak ada rasa kejiranan. Saya pernah naik motosikal, dia ludah daripada kereta itu kena muka saya. Kena muka tidak apa tetapi meleleh masuk ke dalam mulut. Dia pun ludah ikut tingkap. Teruknya sivik pemandu dalam negara kita ini. Ini kita kena akui.

Sebab itulah cadangan daripada Yang Berhormat Khalid dan daripada saya juga tadi supaya satu kaedah lain, kita cari jalan supaya dia tidak menjadi lagi parah pada masa akan datang.

Lebuh raya kita juga perlulah diperbesarkan. Baru-baru ini saya pergi ke China. Dari Macau ke Zhuhai, daripada Zhuhai ke Shenzhen dan ke Guangzhou melalui lebuh raya. Lebuh raya di China had kelajuannya- dia ada AES. Had kelajuannya 120 kilometer sejam. Dia ada juga had perlahan. Kenderaan tidak boleh perlahan kurang daripada 80 kilometer sejam dan kena berada di lorong paling kiri. Dia ada tiga *lane* atau tiga lorong. Barulah kelancaran lalu lintas itu tidak tersekat.

Masalahnya di negara kita ini, kita tidak ada...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh saya mencelah, Tuan Yang di-Pertua? Yang Berhormat, saya pun suka melancong dan saya seorang *Chinese.* Jadi, saya suka melancong ke negara China. Memanglah AES sentiasa ada dan tadi kata diiktiraf berkesan. Jadi soalan saya, kenapa dengan sistem yang begitu bagus tetapi ditahan di Selangor sampai dicat *device,* dengan izin AES itu?

Lagi satu, jalan raya atau *highway* di China memang ada tiga *lane* tetapi kena pastikan yang *lane* untuk paling laju atau *lane* yang ketiga itu diambil oleh kereta mana? Kalau *observe* baik-baik, selalu diambil oleh lori atau kenderaan berat. Itulah yang saya *observe.* Lagi satu, *highway* di China- kita cakap tentang tol. Tol di Malaysia, tol ini mesti dihapuskan, tol itu mesti dihapuskan. Adakah Yang Berhormat *observe charge* tol di China begitu tinggi sampai beratusan? *They take a few hundred dollars note you know,* bagi satu tol. Yang itu *observation* sayalah. Terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Yang Berhormat. Masalah tol di China saya tidak ingat berapa tetapi memang kadarnya agak lebih tinggi. Cuma, dia bukan swasta. Dia kerajaan. Maknanya tinggi atau rendah, dia akan dapat hasil itu kepada kerajaan.

Okey, AES. Memang saya hendak ke situ, Yang Berhormat. Saya sebenarnya cukup setuju dengan AES, bukan saya tidak setuju. Akan tetapi persoalannya ialah yang pertama, had kelajuan yang dikenakan itu terlalu rendah. Saya ambil contoh di Jalan Jeniang-Gurun. Dia ada dua lorong yang had lajunya di sesetengah tempat 30 kilometer sejam, 60 kilometer sejam dan ini menyebabkan kesesakan lalu lintas. Kita kena kaji semula dalam negara kita ini had laju kereta yang sekarang ini sampai 4,000cc pun ada. Saya lari 100 kilometer sejam lebih sikit, Kancil potong. Saya cuba hendak tengok Kancil ini lari berapa. Lari 140 kilometer sejam pun tidak dapat lagi. Itu Kancil.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Saya minta celah. Saya pun orang Kedah. Jalan dari Jeniang hendak pergi Gurun itu, hanya jalan yang kecil. Kalau kita bawa kereta sampai 110 kilometer sejam, bukankah itu bahaya? Saya pun tidak begitu faham dengan penjelasan Yang Berhormat tadi yang kelajuan 60 kilometer sejam itu terlalu rendah dan berikan peluang kepada orang yang berkereta besar membawa begitu laju sekali di kawasan kampung. Saya ingat penjelasan itu tidak sepatutnya kita bandingkan dengan pelancaran AES. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, sudah berapa lama tidak balik Kedah? Jalan Gurun-Jeniang sekarang ini jalan baru. Empat *lane*, empat lorong. Bukan macam dulu. Kalau dia betul-betul laju, 15 minit sahaja daripada Jeniang ke Gurun. Jalan baru sekarang ini yang saya maksudkan. Kalau jalan dulu, ya...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh mencelah, siapa punya jalan?

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Kerajaan Persekutuan. Itu sudah menjadi tanggungjawab kerajaan. Bila disebut jalan persekutuan...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat bercakap mengenai jalan di Kedah tiga, empat *lane*. Kalau kerajaan negeri membina empat *lane*, itu *terror* sangat. Terima kasihlah.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa tidak payahlah disindir saya macam itu sebab hasil kerajaan negeri terhad sangat. Hasil bumi dan cukai tanah, itu sahaja. Memang kerajaan negeri mana pun tidak mampu. Ini kerana *road tax* ini pun bukan kerajaan negeri yang ambil.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya hendak masuk sikit. Hendak masuk. Boleh, ya?

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Sila.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Bercakap tentang sebesar mana Kedah dan sebagainya, saya hendak bagi *example* dan ternyata ada dalam audit kita dan sebagainya dan juga melalui laporan *income tax*. Mungkin kita boleh ambil contoh negeri Melaka. Kita tidak ada hasil dan tidak ada sumber dari alam semula jadi tetapi disebabkan kepintaran dan kebijaksanaan mengurus, maka kita boleh menjana pelbagai dari segi pendapatan untuk kerajaan negeri itu sendiri.

Jadi, kalau itu dijadikan alasan sebagai sumber bumi sahaja yang boleh membantu, itu saya rasa tidak nampaklah. Ini benda yang nyata berlaku. Bukan saya hendak cakap saya daripada Melaka saya cakap Melaka bagus, tetapi sekurang-kurangnya sumbangan dari negeri Melaka sendiri terhadap percukaian untuk KDNK kita sekitar RM1.2 bilion. Jadi, saya rasa mungkin ada pendekatan yang lebih kreatif yang boleh diolah oleh kepimpinan negeri itu sendiri.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih dan itu sedang diusahakan. Saya hendak maklumkan sekarang tidak bolehlah. Saya hendak ulas sedikit pasal AES ini di mana had kelajuan- dan persoalan yang kedua, kenapa AES ini diberi kepada syarikat, kepada orang ketiga? Apabila diberi kepada syarikat, walaupun kita kata hanya 17 peratus hasil yang diperoleh oleh AES ini, tetapi jumlah itu banyak juga. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan sudah jawab kepada kita pada hari pertama. Saya tak ingat berapa banyak yang syarikat dapat. Sepatutnya hasil itu kerajaan yang dapat. Hendak pasang peralatan itu berapalah sangat. Tentulah kerajaan mampu. Jadi, ini satu persoalannya.

Soalan yang kedua, sejak AES dilaksanakan pada 23 September yang lalu, daripada lebih 200,000 saman yang tidak dibayar itu, saya difahamkan sebahagian besarnya tidak membayar saman yang apabila tidak dibayar selama dua bulan, mereka akan dibawa ke mahkamah. Saya dapat maklumat, sama ada betul atau tidak, saya hendak minta penjelasan kementerian yang berkenaan, iaitu pada hari pertama, berapa kes perbicaraan mengenai AES ini di mahkamah-mahkamah khususnya di seluruh Lembah Klang yang dipasang AES itu?

■1650

Saya difahamkan hampir 100, hari yang datang cuma 30, 40 orang. Hari keduanya hampir 1,000, hari yang ketiganya 1,000 lebih. Bagaimanakah kerajaan hendak menyelesaikan 200,000 lebih kes ini di mahkamah yang juga mempunyai kes-kes yang lain, yang mana menunjukkan kepada kita ramai yang tidak membayar denda ini. Sehingga sekarang, daripada tarikh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan jawab itu saya rasa kes saman ini tentu bertambah dan saya hendak minta penjelasan kerajaan, bagaimanakah hendak menyelesaikan kes-kes ini yang begitu banyak dibawa ke mahkamah? Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada 10 minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Saya ada lima *point* lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak bagi ada orang ganggulah.

Timbalan Yang di-Pertua: Singkatkan Yang Berhormat, saya sudah bagi Yang Berhormat lebih masa. Masa ada 10 minit lagi.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Saya tertinggal dalam hal rasuah tadi. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya pembelian barangan, peralatan kerajaan termasuk pejabat daripada sekecil-kecilnya sehingga yang sebesar-besarnya tidak diberikan kuasa kepada satu orang yang dia membuat keputusan. Biarlah ada satu jawatankuasa untuk pembelian barang. Minta *quotation* daripada banyak syarikat, pilih harga yang paling murah dan kualitinya supaya tidak berlaku seperti mana yang kita dengar harga kamera yang RM4000 jadi RM40,000, *screwdriver* jadi sampai berpuluh ringgit, beratus ringgit satu dan sebagainya. Ini saya rasa dapat mengelakkan perbuatan rasuah. Banyak lagi sebab-sebabnya.

Okey saya hendak pergi Kementerian Pelajaran. Tadi banyak sudah dibincangkan tugas guru yang berat cuma saya hendak tambah satu saja, daripada kes tadi, yang sakit mental tadi saya tidak ingat maklumat mana saya pernah tengok, yang majoritinya golongan guru sebab mereka tension dengan tugas yang begitu berat. Termasuk jaga jalan raya dan yang paling tension sekali sekarang ini disiplin pelajar, tidak boleh guru merotan, tidak boleh pukul, tidak boleh marah. Mereka amat tension dan sehingga menjaga pelajar hendak datang sekolah mereka kena tunggu, jaga jalan raya. Pelajar hendak balik mereka kena tunggu lagi, jaga jalan raya. Jadi, terlalu besar tugas guru. Oleh itu minta kerajaan kaji semula.

Memartabatkan Bahasa Melayu ini saya rasa cukup dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah sudah bercakap panjang. Mintalah kepada kerajaan supaya masalah Bahasa Melayu ini kita mulakan dengan pemimpin kita, daripada Perdana Menteri, Menteri-menteri turun sampai ke bawah, dalam *function* apa pun semua bercakap Bahasa Melayu. Kalau Jepun, Perdana Menteri dia boleh cakap Jepun dia maju, kalau Cina boleh cakap Cina, kalau Laos yang negaranya kecil, tidak berapa orang pun boleh cakap bahasa Laos, kenapa kita tidak boleh*? Insya-Allah* kalau dimulakan daripada atas begitu, akhirnya di bawah akan ikut.

Saya hendak pergi sekarang ini Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan sekolah agama. Saya mendapat maklumat dan saya rasa betul bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini mengumumkan RM30 juta untuk sekolah Cina persendirian, RM30 juta yang saya difahamkan jumlah sekolah Cina persendirian ini lebih kurang 70. Kalau tidak betul, Ahli Yang Berhormat ada maklumat ini tolong perbetulkan. Dia minta RM50 juta tetapi kerajaan bagi RM30 juta. Saya tidak *jealous*, saya ucap terima kasih. Saya bukan hendak perkauman, kenapa bagi dekat sekolah Cina saja, tak. Bagilah, kena bagi tetapi yang saya hendak timbulkan sekarang ini contohnya di Kedah, kita ada sekolah agama yang terlalu banyak kategorinya.

Pertama di panggil Maktab Mahmud. Ini di bawah kerajaan negeri 100 peratus yang dulunya sebuah saja. Ini daripada nenda Yang Mulia Sultan Kedah ditubuhkan Maktab Mahmud, sekarang ada 12 yang ditanggung oleh kerajaan negeri 100 peratus, ada 12 buah semuanya.

Keduanya, sekolah agama rakyat ada 20 buah dan satu maahad tahfiz dalam sekolah agama rakyat ini. Yang 20 buah ini, kerajaan negeri memberi bantuan dalam bentuk memberi tenaga pengajar. Ada yang 1/3, ada yang hampir separuh, yang lain-lain semua ditanggung sendiri oleh sekolah berkenaan di bawah pengurusan Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Daripada Kerajaan Persekutuan sebelum ini ada juga peruntukan dan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat dalam Bajet 2013 tidak ada. Saya hendak minta timbang semula, bukan hendak marah, ini hendak minta, okey.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya minta mencelah sedikit walaupun masa itu agak tidak mengizinkan sebab kalau kita tengok daripada pecahan pendidikan, sebenarnya untuk tabung sekolah kita ada. Kerajaan ada pecahan sebanyak RM1 bilion untuk semua kategori sekolah. Sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil, sekolah jenis agama bantuan kerajaan, sekolah mubaligh, MRSM dan SBP. Jadi saya rasa perkara ini berlaku, diwujudkan oleh kerajaan dalam pecahan bajet. Saya rasa kerajaan kita tidak pernah menafikan dalam keadaan ini. Jadi, itu untuk pengetahuan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof sebab ada dalam pecahan.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: *Insya-Allah* kalau itu dapatlah, saya hendak tunggu tetapi setakat sekarang ini tidak dapat lagi. Jadi, kategori ketiga Yayasan Islam. Di Kedah ada sebuah GLC yang dipanggil Yayasan Islam yang tugasnya untuk memantau sekolah-sekolah dan juga pelajar-pelajar di luar negara terutamanya di Mesir. Ia ada sebuah tahfiz al-Quran dan *qiraati*. Ini juga tanggungan kerajaan negeri sepenuhnya. Kemudian dia ada sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat semalam ini, ada 14 buah. Itu bantuan dalam bentuk guru akademik dan bahasa Arab mengajar sebelah petang. Oleh sebab itulah sekolah agama rakyat ini tidak bersetuju kerana pelajaran agama ini hendak diubah sebelah petang dan pelajaran agama ini kalau tidak silap saya ada 18 subjek. Kalau sebut agama itu ada 18 subjek, ada nahu, *soraf* banyak lagilah, *fiqh, tauhid*, banyak.

Okey, yang kelimanya ada lagi sekolah di bawah satu NGO yang kita tubuh nama hal ehwal sekolah agama (HESA) ada lima kategori. Pertama pondok Umumi ada 28 buah. Ini tidak pernah dapat bantuan daripada Kerajaan Pusat, kerajaan negeri pun adalah sedikit setakat kemampuan kerajaan negeri. Pondok Umumi ini lebih kurang rumah kebajikan juga, yang pencen-pencen, tua-tua duduk di pondok, masak, sembahyang dengan tok guru, perbetulkan sembahyang, perbetulkan baca al-Quran, ada 28 buah. Di Kedah ini banyak.

Kemudian ada sembilan buah sekolah menengah Islam. Ini sekolah agama persendirian. Dia tidak duduk bawah kerajaan negeri langsung, tidak ada kena-mengena langsung. Ada 11 sekolah rendah Islam, ada 12 tahfiz yang mereka ini dan satu lagi sekolah pondok. Pondok tetapi dia ada sistem sekolah, ada pelajar-pelajarnya yang kesemua pelajar ini sehingga hari ini ada 8,744. Tahun sudah, apabila kerajaan mengumumkan pemberian RM100 kepada semua...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada dua minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Tidak mengapa, saya boleh berhenti mengejut, *break* terkejut. Tuan Yang di-Pertua beritahu habis, saya berhenti, saya tidak lawan.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat. Jangan sampai terkejut, pengsan nanti.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Sebab saya tahu peraturan, *insya-Allah.* Jadi tahun sudah kita cuba mohon melalui, saya tidak tahulah melalui saluran mana 5,048 orang pelajar, RM100 seorang ini kerana Perdana Menteri umum sekolah agama semua boleh dapat. Saya bukan hendak salahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia tidak tahu pun kata kita tidak dapat tetapi yang di bawah ini, pelaksanaan tidak dapat. Jadi puak ini mengamuk, sekolah-sekolah ini mengamuk. Kerajaan negeri terpaksalah menggunakan satu tabung yang ditubuhkan oleh Menteri Besar, potong elaun EXCO, potong elaun dia, potong elaun GLC duduk dalam itu lebih daripada setengah juta untuk memberi elaun ini.

Jadi dalam perlembagaan kita fasal 12.2 Tuan Yang di-Pertua, saya memahamkan ini daripada penerangan yang dibuat oleh Yang Berbahagia Dato' Md. Nor bekas Hakim Mahkamah Tinggi yang pernah kita jemput di Dewan Negara pun, masa kalau- dia menjelaskan dalam perkara 12.2 perlembagaan negara ini, dia menyebut bahawa kerajaan hendaklah membantu sekolah-sekolah agama Islam sama ada Kerajaan Pusat atau kerajaan negeri. Saya boleh baca sepenuhnya, *"Setiap kumpulan agama adalah berhak menubuhkan dan menyelenggarakan institusi-institusi untuk pelajaran kanak-kanak dalam agama kumpulan itu sendiri tidak kira agama apa dan tidaklah boleh ada perbezaan semata-mata oleh sebab agama dalam mana-mana undang-undang berkaitan dengan institusi-institusi itu atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang itu tetapi adalah sah bagi persekutuan atau sesuatu negeri menubuhkan atau menyenggara institusi Islam atau mengadakan atau membantu mengadakan ajaran agama Islam dan..."*

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup itu Yang Berhormat, masa sudah habis Yang Berhormat.

■1700

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Okey, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong dan saya mohon apa yang saya bangkitkan ini diberi perhatian sepenuhnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat atas kerjasama Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar. Silakan Yang Berhormat.

5.00 ptg.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam 1Malaysia. Jadi sebelum saya hendak memulakan perbahasan bajet saya ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada dua organisasi *NGO's* kita, yang telah berlepas ke Gaza memperjuangkan tentang rakyat Palestin pada masa ini tertindas. Iaitu yang pertama *Global Peace of Malaysia* yang diketuai oleh penaungnya Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir dan kedua Kelab Putera 1Malaysia yang diketuai oleh Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim. Jadi, kita mendoakan rombongan ini bersama dengan rakan-rakan yang lain selamat pulang ke tanah air dan dapat menyelesaikan misi mereka di sana.

Ini kerana kita ambil pendekatan, waima apa pun keadaan, kita tahu ketetapan Kerajaan Malaysia sememangnya sangat prihatin terhadap negara Palestin dan tidak sama-sama sekali kita ingin bersekongkol untuk menyokong akan kewujudan negara Israel itu sendiri. Saya percaya rakan-rakan di dalam Dewan bersetuju dengan apa yang saya perkatakan ini, kerana ini adalah ketetapan kerajaan kita. Jadi dengan itu kita tidak perlulah untuk mempertikaikan tentang siapa dan apa yang perlu dibuat, kerana inilah Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sememangnya mengambil kira bukan sahaja untuk rakyat, tetapi juga melibatkan negara-negara di luar sana terutamanya perjuangan yang telah dilakukan oleh rakyat ataupun negara Palestin itu sendiri. Jadi, kita doakan semoga negara ini terus selamat dan dirahmati Allah SWT.

Jadi, untuk saya meneruskan Tuan Yang di-Pertua, perbahasan saya pada hari ini, sebab saya tahu dari segi tema *"Memakmurkan Negara, Mensejahterakan Rakyat: Sebuah Janji Ditepati"*. Ini memang sudah lebih hampir lima dekad yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional terhadap bagaimana kita memartabatkan bukan sahaja negara, tetapi kita memperkasakan rakyat kita sendiri terhadap apa yang dilakukan oleh kerajaan. Ini kerana kerajaan kita sememangnya apa yang kita rasai sekarang memang tidak pernah langsung membiarkan atau meminggirkan tentang kewajipan atau tanggungjawab untuk memastikan rakyat kita sentiasa sejahtera, kerana apabila rakyat sejahtera baru negara kita boleh makmur. Sebab dari segi tema ini Dato' Dr. Firdaus semalam ada sedikitlah mempertikaikan. Jadi, saya bersetuju dengan pendapat beliau semalam.

Jadi waima apa pun keadaan, banyak tajuk sudah kita bahaskan, kita memperdebatkan dari segi perbahasan yang melibatkan kontra di antara pandangan-pandangan yang berbeza di antara kedua-dua belah pihak. Akan tetapi, dalam hal ini kita kena akui keutamaan, kekukuhan sesebuah negara itu adalah bergantung dari segi kekuatan ekonominya. Jadi, dengan ini perkara ini sudah terbukti. Hal ini memang diakui oleh dunia akan kehebatan Malaysia itu sendiri dalam mencapai kemajuan mempertingkatkan taraf ekonomi dari semasa ke semasa, kerana persaingannya sangat hebat, sangat kuat.

Kalau kita lihat di negara-negara Amerika dan juga Eropah beberapa negara seperti Sepanyol, *France, Italy* dan sebagainya sekarang telah mengalami krisis ekonomi. Akan tetapi dalam keadaan ini, kita boleh katakan *salute* kepada kerajaan kita, cara pengurusan untuk memartabatkan ekonomi kita untuk memastikan kesejahteraan rakyat itu terus terjamin. Ini kerana kalau kita lihat dari segi keadaan ekonomi kita, memang dari segi jangkaan telah melebihi paras, begitu juga untuk tahun 2013.

Ini bukan diakui oleh kerajaan kita sendiri, tetapi oleh kepimpinan yang datangnya daripada IMF seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puan Norliza tadi. Jadi, dalam masa yang sama kita mahu negara kita adalah negara yang mesra dari segi pelaburan terutamanya yang melibatkan FDI. Ini kita tidak boleh nafikan bagaimana kuatnya MITI terutamanya dalam mempromosikan apa yang ada di dalam negara kita pada masa kini dan juga dari segi status *fundamental* dan juga proses politik yang berada dari segi konteks pentadbiran itu sendiri. Termasuk juga dari segi kadar inflasi. Ini adalah kadar purata yang paling rendah yang pernah kita alami sekitar 2.7 peratus . Ini bukan satu angka yang kita reka-reka. Akan tetapi ini adalah kecapaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Jadi, kita tidak boleh nafikan perkara ini dan kita tidak boleh mengatakan ini adalah rekaan ataupun sengaja diberikan persepsi supaya untuk kita mengguna-gunakan rakyat. Tidak pernah berlaku dalam Kerajaan Barisan Nasional, kerana setiap apa yang diperkatakan seperti temanya *"Janji Ditepati"* kita akan laksanakan perkara tersebut termasuk juga dari segi hutang negara kita.

Kita lihat dari segi bajet yang telah dipersembahkan pada 28 September dahulu, kita tahu bahawa kerajaan tahu mengawal dari segi pendapatan dan juga bagaimana untuk kita berbelanja atau menguruskan sesuatu bajet tersebut. Dalam masa yang sama Bank Dunia juga mengiktiraf kita dari melaporkan Malaysia terletak di tangga 21 daripada 183 negara yang mudah menjalankan perniagaan. Ini adalah sesuatu perkara yang baik. Kenapa kita tidak boleh bersama-sama dalam keadaan ini untuk memastikan kemajuan ini berterusan? Bukan hanya kita semata-mata kita 24 jam memikirkan bagaimana cara untuk kita menghentam kerajaan, untuk kita menafikan apa usaha yang kerajaan lakukan tanpa kita memikirkan risiko-risikonya.

Mungkin dengan rakyat kita boleh mengadu domba, kita boleh mencipta persepsi yang pelbagai. Akan tetapi, dalam kaedah untuk melaksanakan suatu tugas menjalankan atau menjaga sesebuah negara, ini bukan satu perkara yang mudah. Ini kerana kalau kita lihat, seperti mana yang berlaku di negara-negara luar. Seperti yang kita tahu pihak pembangkang, terus terang kita katakan, mereka mengatakan tentang *Arab Spring* dan sebagainya, tetapi kita lihat apa yang berlaku sekarang?

Kalau dahulu mereka begitu mengagungkan kononnya apabila Morsi dinobatkan sebagai presiden, sekarang kita tengok apa yang berlaku. Itu cuma di Mesir. Apakah kaedah ini kita mahu dan yang paling lama sekali berlaku di Iraq. Apakah kita mahu keadaan ini berlaku di negara kita? Kalau kita mahu, saya rasa saya tidak sanggup, sebab...

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Mohon mencelah.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Belum panas, silakan.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Saya cuma ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Senator, sebab Ketua Menteri Pulau Pinang ada mengatakan hutang negara kepada KDNK bagi Malaysia, saya ingat 5.8 peratus kalau tidak silap saya, boleh menyebabkan negara kita bankrap. Jadi setahu saya kita berada di tangga yang selesa berbanding dengan negara-negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat dan juga Singapura. Jadi apa komen Yang Berhormat Senator?

Tuan Baharuddin bin Haji Abu Bakar: Terima kasih. Orang *Penang* ini kalau dia tidak menyampuk tidak boleh. Dia hendak menyampuk juga. Saya ada maklumat dalam buku saya. Sebab kalau kita memperbandingkan, kalau kita katakan bahawa apa yang diperkatakan oleh Tuan Lim Guan Eng, ataupun dipanggil Tuan Tokong saya rasa itu tidak benar. Sebab kalau kita lihat dari segi perbandingan apa yang diwujudkan oleh bajet. Saya hendak kata bajet bunian pun tidak boleh, sebab saya tidak tahu dia tidak ada Kabinet.

Akan tetapi ini yang berlaku. Kalau kita memperbandingkan dari segi defisit, antara Kerajaan Barisan Nasional dan kerajaan bunian ini, dia punya perbandingan amat jauh sekali.

Oleh sebab dari segi *ratio*nya kerajaan kita cuba mempertahankan dalam paras di bawah 55 peratus, tetapi kalau kita lihat dari segi pakatan pembangkang sendiri, kalau dilihat pada tahun pertama sahaja, mereka telah menjurus ke arah 67 peratus kalau tidak silap.

Mungkin nanti selepas ini saya boleh tunjukkan kepada puan berkenaan dengan rujukan tadi, sebab saya tidak tahu *page* mana tadi, sebab saya tidak sangka soalan ini keluar. Jadi waima apa pun keadaannya, saya teruskan dengan perbahasan saya. Oleh sebab saya merasakan ini adalah sesuatu kaedah atau kekuatan sesuatu negara bergantung kepada kekuatan ekonominya. Apabila melibatkan ekonomi dia harus memastikan bahawa rakyatnya berada dalam suasana dalam situasi politik ataupun konteks yang boleh menjurus ke arah pembangunan negara menjadi lebih sihat.

Jadi kalau kita tengok dalam fakta seterusnya, berkenaan dengan Malaysia adalah antara sepuluh negara daripada 25 negara utama yang menjadi pilihan pelabur dalam dunia. Jadi dalam perkara-perkara yang saya sebutkan ini, ini bukan satu rekaan atau angka-angka yang dicipta oleh tangan-tangan ajaib. Akan tetapi, ini dicipta oleh Kerajaan Malaysia dengan sokongan atau dorongan yang telah diberikan oleh keseluruhan rakyat. Bukannya kita kena perlu berada dalam situasi yang sentiasa menafikan segala hak. Sebab kalau ini berlaku dan sentiasa berpolitik serta mencari segala kelemahan, tanpa memikirkan bagaimana unsur untuk kita menjadikan negara kita ini atau kita memberikan input-input yang baik untuk kita membuat satu penambahbaikan, maka ini tidak akan jadi apa-apa pun.

Jadi bermakna negara kita akan sentiasa berada di paras terkebelakang dari semasa ke semasa. Jadi, saya merasakan kita kurangkanlah sedikit dari segi konteks persepsi memikir atau mengadu domba ataupun memberi pandangan-pandangan yang sinis.

■1710

Cuba kita sesekali menjadi seorang rakyat yang begitu prihatin, bertanggungjawab terhadap negara. Hendak tidak hendak kita perlu akui sejak kecil kita berada di Malaysia. Apa pun kaedah politik kita, kita tetap merasai apa yang kerajaan lakukan untuk kita. Kita menikmati segala kemudahan yang ada. Jadi, pada saya tidak salah untuk kita sama-sama menyumbang ke arah penambahbaikan kemajuan dan juga untuk rakyat kita itu sendiri.

Jadi dengan itu saya rasa sebagai *intro*, saya pergi kepada saya punya *talking point* saya yang sebenar. Ini kerana yang ini saya hendak sentuh secara lebih *detail* sedikit tentang pembangunan modal insan, sebab saya kalau tidak bercakap mengenai belia ini tidak boleh. Itu sebabnya Timbalan Menteri pun ada di sini, sebab beliau hendak dengar juga. Kadang-kadang beliau lama kena soalan jika berkenaan dengan belia tetapi ini perlu. Ini kerana pembentukan sesebuah negara itu kalau tanpa modal insan atau pun generasi barunya berada dalam keadaan struktur yang baik, maka negara itu akan berada dalam suasana yang kita tidak boleh gambarkan apa yang akan berlaku untuk masa akan datang.

Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperkatakan sesuatu tentang golongan belia kita dari segi permasalahan yang melibatkan gejala-gejala negatif. Kalau dikatakan di sini di beberapa negara seperti Brunei, tarif belia diiktiraf antara 15 tahun ke 25 tahun, Thailand – 15 tahun ke 24 tahun, China, Australia dan sebagainya. Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada usaha-usaha yang selama ini dilakukan oleh kerajaan dan melihat kepada strategi dalam menangani permasalahan di kalangan belia, saya yakin bahawa satu anjakan paradigma perlu dilakukan oleh kementerian dalam menangani masalah belia ini.

Ini kerana kita lihat masalah belia ini kadang-kadang sudah sampai satu peringkat ke krisis identiti pun ada. Masalah yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Yusof tadi pun, kita perlu ambil kira ia bukan sahaja golongan-golongan ini, tetapi golongan belia pun ada terlibat juga dalam keadaan-keadaan begini. Jadi di sini saya mencadangkan, melalui pendekatan apa yang dipanggil di persidangan *United Nations Conference on Environment and Development* pada tahun 1992.

Walaupun benda ini lama, tetapi dalam kajian ini dibuat oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia melalui *conference* apa yang dipanggil Prinsip Deklarasi Rio. Jadi di sini walaupun dari segi deklarasi ini sudah lama, pada tahun 1992 tetapi dari segi implementasinya tidak berlaku pada masa sekarang.

Ini kerana antara cadangan-cadangan yang diberikan pada ketika itu dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sebab ia melibatkan krisis identiti atau pun permasalahan golongan-golongan belia ini. Pertama, dari segi menubuhkan *telepathic school of problematic youth* yang bertujuan menyediakan tahap disiplin yang minimum di mana ia lebih untuk golongan belia yang bermasalah dari segi perhubungan keluarga, kurang keyakinan diri dan motivasi.

Kedua, apa yang dipanggil *religious school of problematic youth* yang bertujuan untuk menyediakan tahap disiplin dalam bentuk didikan agama yang mampu menjadi perisai daripada terjebak dengan gejala sosial yang tidak sihat. Ketiga iaitu dengan izin juga, *militaries style school for problematic youth* yang bertujuan menyediakan tahap disiplin yang tinggi kepada golongan belia yang bermasalah atau berpotensi akan membawa masalah terutama kepada golongan belia yang mempunyai rekod jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan sekolah ini perlu. Kalau dilihat dari segi pelaksanaannya daripada sekolah-sekolah yang di bawah kelolaan Jabatan Penjara Malaysia, di mana sekolah-sekolah ini adalah khusus untuk golongan belia yang bermasalah berusia antara 18 tahun ke 30 tahun dan pengambilannya haruslah berdasarkan permohonan keluarga mungkin yang prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh ahli keluarga mereka. Sekolah-sekolah untuk belia yang bermasalah ini perlu dilihat sebagai serampang dua mata iaitu pertama, membantu belia untuk mempunyai sikap bertanggungjawab dan berdisiplin melalui pendekatan yang terkawal dari masyarakat luar. Kedua, menyediakan pelbagai kemudahan dan pengetahuan di peringkat sijil dan diploma untuk membantu golongan belia ini bersaing apabila bergaul dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil maklum akan kemungkinan beberapa pindaan kepada rang undang-undang perlu dilakukan terhadap sistem pengurusan undang-undang jenayah yang membabitkan tiga agensi kerajaan yang saya sebutkan awal tadi. Akan tetapi jika perkara ini dapat dilakukan, saya percaya ia akan membawa perubahan yang positif kepada golongan belia yang bermasalah dan seterusnya memperkasakan belia sejajar dengan prinsip Deklarasi Rio dan hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi belia yang berpotensi, berpersonaliti tinggi, berintegriti, kreatif, berinovasi dan berdaya saing.

Saya ingin menyentuh mengenai seterusnya dalam perbahasan saya ini berkenaan dengan pembangunan sukan negara juga. Ini kerana saya berpandangan bahawa hubungan kepimpinan sebuah persatuan itu amatlah berkait rapat dengan aspek mempengaruhi pencapaian sukan dan kejayaan atlet. Kepimpinan yang baik berupaya mempengaruhi orang lain untuk bekerjasama dalam keadaan yang harmoni dan mencapai matlamat yang ditetapkan atlet agar lebih bermotivasi tinggi, berdisiplin dan beretika. Jika kita rujuk kepada persatuan-persatuan sukan di luar negeri, kejayaan sebuah kelab atau persatuan bergantung rapat kepada pencapaian atlet-atletnya.

Persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian ada menjalankan hubung kait di antara corak pengurusan persatuan sukan tempatan dan pencapaian atlet-atletnya, terutama sekali apabila atlet-atlet kini sedang persiapkan diri untuk menghadapi sukan-sukan di peringkat antarabangsa. Jika ada, apakah tindakan yang telah diambil dalam memastikan pengurusan persatuan sukan itu menepati profil pengurusan berprestasi tinggi dan sekali gus mendapat peruntukan yang secukupnya. Jika tidak, mengapa tiada kajian seperti ini dilakukan.

Ini kerana saya amat yakin bahawa negara tentunya mahukan pulangan atas apa yang dibelanjakan, lebih-lebih lagi ketika negara kita masih lagi mengharapkan emas pertama negara di Sukan Olimpik. Melihat kepada jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan, pastinya dengan segala usaha perlulah dengan izin, *holistic* dan *transparent*.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya juga ingin mengambil beberapa pendekatan, perhatian apa yang telah diperkatakan oleh Dato' Sieh Kok Chi berkenaan dengan isu yang dibangkitkan di dalam akhbar berbahasa Inggeris. Ada beberapa perkara yang diambil kira di sini, yang ini mungkin saya boleh beri secara *detail*. Antaranya seperti *lack of development by NSA's, lack of communication between NSC and* OCM, dan sebagainya, dengan izin.

Ternyata sekali apa yang saya nampak di sini dibangkitkan tersebut adalah merupakan isu pengurusan organisasi. Persoalan di sini dalam perkara ini saya ingin tahu, adakah pihak kementerian telah mengambil maklum akan isu-isu yang telah ditimbulkan tersebut. Jika ya, saya mohon pihak kementerian untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini perancangan dan tindakan yang telah diambil bagi membantu menyelesaikan permasalahan ini.

Kita tahu juga ada beberapa persatuan sebagai contoh kita ambil, ia menunjukkan prestasi yang begitu baik terutamanya yang melibatkan sukan permotoran kita, iaitu seperti Sepang *International Circuit* yang menjana dari segi pelaburan ataupun perbelanjaan dari segi faktor pelancongan dan sebagainya. Ini pun kita perlu ambil kira juga. Jadi dalam masa yang sama melibatkan juga berkenaan dengan sukan *Le Tour de Langkawi.* Kita ingin tahu juga dari segi berapa banyak kah pulangan yang diperoleh oleh kerajaan dalam sektor ini membantu dari segi perbelanjaan pelancong-pelancong asing ke dalam negara. Jadi kita hendak tahu nilai perbelanjaan yang diperoleh oleh kerajaan di dalam memantapkan kedua-dua sukan yang kita sebutkan di sini. Jadi saya rasa saya tidak mahu menggunakan teks inilah. Penat saya hendak bercakap mengikut teks, jadi saya rasa lebih baik saya pergi kepada keadaan saya, apa yang saya boleh perkatakan di sini.

Jadi, berkenaan dengan inti pati iaitu inti pati cadangan yang ingin saya kemukakan untuk agenda seterusnya. Saya ingin memperkatakan di sini, dalam keadaan konteks kita bercakap tentang perbelanjaan bajet kita, kita jangan lupa dari segi konteks masyarakat-masyarakat yang di luar bandar. Ini kerana masyarakat di luar bandar ini adalah satu masyarakat yang sentiasa melihat apa yang berlaku di luar sana, apa kemudahan yang mereka perlu dapat dan apa yang mesti mereka peroleh daripada kerajaan yang selama ini begitu prihatin. Jadi di sini saya melihat dalam konteks pembentukan masyarakat luar bandar untuk mengelakkan penghijrahan terutama generasi muda ke dalam bandar.

Jadi, kita mencadangkan di sini seperti mana berlaku, kerajaan juga harus juga melihat pekan-pekan kecil yang banyak wujud di merata negeri kita ini. Tolonglah kalau boleh *develop* balik pekan-pekan kecil ini, kita jadikan ia sebagai satu pusat pentadbiran atau pun satu pusat urus niaga yang bermotifkan integrasi antara masyarakat ke masyarakat. Jangan diletakkan kelompok-kelompok yang tertentu sahaja di dalam kaedah-kaedah ini. Jadi, saya menyeru ataupun saya memberikan cadangan kepada kerajaan supaya pekan-pekan kecil ini diberikan perhatian dari segi pembentukan pembangunannya. Jangan dibiarkan ia lusuh.

Kalau perlu, kalau ia adalah bangunan yang boleh dikatakan warisan seni, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan atau pun Kementerian Pelancongan boleh mengambil inisiatif bagaimana untuk menjadikan ia lebih menarik pada masa akan datang. Ini kerana kalau kita biarkan pekan-pekan kecil ini terkubur begitu sahaja, maka pada masa akan datang mungkin lima tahun atau sepuluh tahun akan datang, Kuala Lumpur akan menjadi antara bandar raya yang bermasalah dengan kepadatan penduduk.

■1720

Jadi, untuk mengelakkan keadaan itu berlaku dalam masa yang sama kita boleh juga memperkasakan ekonomi-ekonomi masyarakat luar bandar dalam proses-proses yang terbaik. Kerana itu kalau kita tengok dari segi penubuhan yang dilakukan oleh kerajaan melalui proses UTC dan RTC ini satu pendekatan yang baik sebenarnya.

Sebagai contoh di Melaka kita sudah ada kedua-duanya, kita sudah ada RTC, kita sudah ada UTC dan sekarang kerajaan negeri bersama dengan kementerian, kita cuba memperkembangkan lagi fungsi tersebut ke arah kawasan-kawasan yang lebih jauh ke dalam seperti kita wujudkan RTC sebagai contoh di kawasan-kawasan Parlimen di setiap negeri. Ini kerana perkara ini kerajaan kalau kita tengok dalam bajet pun ada diperuntukkan perkara ini, jadi kalau boleh diperkembangkan dengan lebih detil lagi.

Dalam masa yang sama, saya juga ingin menyebutkan tentang perkara Kementerian Penerangan kita ini sebab Kementerian Penerangan kita ini saya tengok sekarang, saya tidak tahu sebenarnya apa yang diterangkan atau apa yang dilakukan dan sebenarnya menjurus ke arah mana. Terus terang saya cakap sebab kadang-kadang saya tidak nampak dari segi fungsi, sebab fungsi Kementerian Penerangan ini seharusnya ia harus ada satu orang kata dari segi fokus yang sebenar. Ini kerana Kementerian Penerangan ini harus memainkan peranan yang penting di dalam menterjemahkan segala usaha yang dilakukan oleh kerajaan kepada rakyat.

Jadi, kalau kita tengok sekarang di dalam televisyen, kita tengok tidak berapa banyak sangatlah input-input yang kita boleh dapat terutamanya dalam RTM sebab RTM di bawah penguasaan kerajaan. Jadi, kita tengok tidak banyak sangat yang kita nampak perkara-perkara yang dilakukan terutamanya oleh kementerian terhadap penyampaian maklumat kepada masyarakat kita. Jadi, kalau boleh Menteri yang bertanggungjawab tengok-tengok perkara ini.

Ini sebab kalau dibiarkan sahaja, dibiarkan dengan siaran-siaran yang cuma berunsurkan hantu, lawak jenaka, dan sebagainya kadang-kadang banyak perkara yang terlepas pandang oleh kementerian harus juga diambil perhatian. Ini sebab kalau dibiarkan terus nanti kita ini sudah tidak nampak lagi seperti tema seperti yang Menteri kata dulu kalau di dalam industri filem dipanggil, *"Filem Kita, Wajah Kita"*. Esok sampai TV kita pun tidak nampak wajah kita lagi, habis semua wajah-wajah orang lain yang wujud dalam televisyen kita ini.

Jadi, di situ saya ingin menekankan di sini pada kementerian kalau boleh ambil perhatian terutama yang melibatkan iklan-iklan asing sebab kita tahu kita di dalam industri negara kita, kita ada industri pengiklanan juga. Janganlah iklan-iklan daripada luar sedangkan produk itu memang hendak jual di Malaysia, kita ambil iklan itu terus bawa masuk ke dalam negara itu kita siarkan terus di dalam kaca televisyen kita, apa salahnya sekurang-kurangnya kita melakukan sedikit kontra untuk memastikan supaya industri pengiklanan kita boleh cari makan juga. Biarlah dia orang mengolah pengiklanan mengikut konsep yang dimahukan oleh pengeluar produk tersebut tetapi melalui pendekatan kita sendiri, harus juga diambil kira.

Jadi dalam masa yang sama peranan FINAS di bawah kementerian juga, saya ingin tahu jumlah dana yang selama ini yang disediakan oleh kerajaan ke mana perginya dana-dana tersebut dan syarikat-syarikat mana yang menerima bantuan serta apakah pulangan yang diterima oleh kerajaan melalui dana-dana yang disediakan ini? Ini sebab saya dapat maklumat juga melalui syarikat-syarikat tertentu berkenaan dengan dana ini berlaku juga beberapa perkara yang boleh dikatakan *red tape* dan sebagainya. Akan tetapi saya pun tidak pasti kebenarannya, jadi saya minta pihak kementerian menilai balik atau melihat menjenguk-jenguk jugalah industri perfileman kita ini.

Ini sebab kalau boleh dalam panel penilai untuk meluluskan pinjaman tersebut tidak perlulah ada ahli panel ini yang terlibat sama dalam industri perfileman sama-sama buat filem tetapi dalam masa yang sama dia juga berada dalam panel tersebut untuk meluluskan pinjaman. Kita tak nak ada *double standard* seperti itu berlaku, jadi saya minta pada kementerian supaya lihat-lihatlah balik.

Begitu juga dengan siri-siri televisyen sekarang, kita tengok dalam TV kita sekarang banyak sangat watak lelaki jadi perempuan, perempuan jadi lelaki. Jadi saya rasa itu bukan budaya kita sekarang ini tetapi sudah bertambah dan jadi macam jadi satu trend pula sekarang.

Jadi saya mohon kepada kementerian kalau boleh dikuatkuasakan balik undang-undang yang telah ada selama ini dan jangan terlalu longgar sangat. Tidak kiralah televisyen kerajaan, di bawah *Media Prima,* ASTRO dan sebagainya.

Ini sebab kita tengok sekarang terlalu banyak dan kadang-kadang drama-drama ataupun filem-filem yang ditayangkan itu adalah filem yang lama, filem-filem yang langsung tidak membawa apa-apa erti seperti lawak dan sebagainya. Jadi filem yang berunsurkan hantu dan sebagainya ini, saya rasa sudah tidak sesuai untuk zaman sekarang ini, kalau boleh dilihat balik akan undang-undang tersebut. Ini kerana kalau dibiarkan terus, budaya kita ini esok saya tidak tahu ke mana, mana satu orang perempuan dan mana satu orang lelaki. Bila lelaki dah jadi perempuan, perempuan jadi lelaki, itu masalah yang akan timbul.

Jadi dalam masa yang sama untuk etika berpakaian juga, saya rasa ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat menegur juga kadang-kadang pada masa siaran langsung ya sebab kalau kita tengok artis-artis kita ini betul ikut *Hollywood*, boleh ikut *Hollywood* tetapi Malaysia tetap Malaysia, kita ada budaya kita, janganlah terlalu sendat, saya tahu saya pun orang lelaki. Akan tetapi kadang-kadang pakaian itu janganlah sendat sangat sebab ini *live*, satu Malaysia pun boleh dikatakan penontonnya ramai untuk semua kategori.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masih banyak lagi kah? Saya bagi Yang Berhormat lima minit lagi ya?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Sikit sangat Tuan Yang di-Pertua. Sikit sangat saya rasa, okey tidak apa. Oleh itu, saya lupakan sahaja Kementerian Penerangan ini, mungkin mereka boleh lihat atau nanti kita boleh berbincang dengan kementerian untuk masa yang akan datang.

Jadi, saya hendak bercakap tentang masalah-masalah Kementerian Dalam Negeri. Masalah KDN ini, apa yang saya ingin suarakan di sini tentang lambakan pekerja asing dalam negara kita ini. Walaupun kita sudah ada sistem 6P tetapi kita lihat sekarang ini bangsa-bangsa asing sekarang ini nampaknya makin berleluasa sekitar Kuala Lumpur. Kalau kita tengok terutamanya, kalau kita hendak tahu jumlah warga asing itu berapa banyak, kita tengok dalam musim perayaan. Bila semua orang kita balik kampung, kita tengok siapa di KLCC, siapa di *Central Market*, siapa di Chow Kit dan sebagainya.

Jadi tolong perhatikan dan control-control sikit tentang kemasukan pekerja-pekerja asing ini, bukan kita tidak boleh, kita perlukan mereka tetapi dalam masa yang sama kontrol-kontrol lah sedikit. Jangan esok kita pun tidak tahu mana satu orang Melayu, mana satu orang yang tidak sepatutnya Melayu. Jadi kena ambil kira juga perkara-perkara yang macam itu untuk Kementerian Dalam Negeri.

Jadi dalam masa yang sama KDN, saya hendak tanya juga berkenaan dengan beberapa perkara yang melibatkan rakyat Malaysia. Apabila dekat luar, dia suka sangat memburukkan kerajaan, dia suka sangat mengatakan polis kita ini polis yang zalim dan sebagainya.

Jadi, saya hendak tahu, apakah tindakan kerajaan terhadap mereka-mereka seperti ini sebab kita kadang-kadang di bawah sana itu kita lihat beribu-ribu *report* dilakukan oleh pihak-pihak tertentu oleh NGO tetapi cuma sekadar repot. Kita tidak tahu sekarang dari segi perkembangan repot tersebut, apa yang berlaku dan apa tindakan yang dilakukan oleh pihak polis dan sebagainya.

Serupa juga dengan unsur meminta bantuan asing, bantuan asing untuk mengatakan Malaysia ini mempunyai sistem pentadbiran yang zalim kononnya, tidak telus dan sebagainya. Saya rasa tidak perlu sebab saya rasa tidak sesuai. Kita Malaysia ada acuan kita sendiri, kita tahu bagaimana hendak mentadbir diri kita.Ini sebab kalau kita bantuan sebagai contoh baru-baru ini kita bercakap tentang pluralisme dan sebagainya sampai kita terpaksa seret bekas Presiden Indonesia ke Malaysia untuk kita mintakan pandangan beliau, sebab kita pun tahu dia bukan seorang yang pemimpin yang benar-benar tahu tentang kaedah pentadbiran di Malaysia atau wajah Malaysia itu sendiri.

Akan tetapi, jangan diseret beliau sekali dalam keadaan ini untuk memastikan dia dapat sokongan dan sebagainya. Jadi saya rasa tidak perlu kita pergi Australia, tidak perlu kita dapatkan peguam daripada Perancis sebab peguam itu duduk sana sahaja sebab negara dia hendak bankrap sebab itu dia jaga negara dia. Tidak payah hendak datang ke Malaysia hendak bercakap pasal hal kita sebab kita tahu hendak menguruskan kerajaan kita, kita sudah merdeka lebih daripada 50 tahun. Jadi tidak perlulah ada unsur-unsur - kalau orang macam ini yang meminta bantuan luar tetapi hendak jadi pemimpin dalam negeri, kita bayangkan kalau dia sebagai pemimpin.

Ini bermaksud dia tidak mampu hendak memimpin, dia akan menggunakan orang luar untuk memimpin negara kita, jadi apa akan jadi? Jadi maksudnya kita membuka ruang kita untuk memastikan kerajaan kita ataupun negara kita dijajah semula. Jadi, saya tidak nampak dari segi rasionalnya untuk kita dapatkan sesuatu pandangan ataupun bantuan daripada pihak luar hanya semata-mata kita memikirkan tentang kepentingan diri kita sendiri.

Jadi, saya rasa tidak cantik perkara ini sebab kita merdeka bukannya baru, sudah lama sudah lama sangat. Jadi, saya melihat daripada segi beberapa perkara juga, ada juga ahli politik yang bijak pandai. Saya pun tidak tahu apa yang dikatakan tentang pembekuan pengambilan anggota polis ini sebab dari segi statistik yang dia kata...

Timbalan Yang di-Pertua: Satu minit Yang Berhormat.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: ...Keperluan yang sebenarnya seorang polis untuk 250 orang. Akan tetapi dalam *statement* dia, dia kata kedudukan polis sekarang satu kepada 270 orang penduduk bermaksud dari segi kuota itu pun tidak cukup tetapi dalam *statement* dia mengatakan dia tidak perlu lagi anggota polis ini diambil atau cuma perlu dibekukan. Akan tetapi dalam masa yang sama pihak PDRM, sekarang kedudukan sebenarnya untuk satu anggota polis, kita 500 orang. Jadi saya tidak tahu bagaimana matematik apa yang dia dapat, sebab dalam masa yang sama Ahli Parlimen ini jugalah yang mengatakan bahawa kebebasan beragama itu biar sama rata.

■ 1730

Jadi, saya tidak tahu sekarang dia bercamuk ke mana, apa yang dia hendak buat, publisiti apa yang perlu dia dapatkan sehinggakan dia membuat pelbagai perkara yang boleh merosakkan pemikiran rakyat kita sendiri. Jadi, saya mintalah kepada mereka-mereka ini yang bergelar pemimpin, janganlah melakukan atau mengeluarkan *statement* yang bukan-bukan terhadap perkara yang tidak sepatutnya. Ini kerana kalau kita terlalu memikirkan tentang persepsi maka sampai bila pun kita tidak akan jadi apa.

Begitu juga dari segi juga demonstrasi, demonstrasi ataupun baru-baru ini dia kata ada *green-walk*, yang masalahnya sekarang ini bukan masalah orang kita. Dalam perarakan itu juga ada orang luar. Kenapa perkara ini boleh dibiarkan? Kenapa mesti ada orang luar terlibat dalam perarakan tersebut? Sebagai contoh ada seorang artis daripada Singapura yang bersama-sama dalam perarakan tersebut. Apa sebenarnya, apa motif orang luar bersama-sama di dalam perarakan itu untuk membantah kononnya Lynas ini toksik. Apa yang dia tahu? Negara dia sendiri pun dia tidak boleh jaga, yang dia sibuk-sibuk dekat sini mengapa?

Jadi, saya minta pada kerajaan tolong ambil perhatian, kalau ada orang luar yang macam ini halau keluar. Jangan bagi mereka ini merosakkan lagi orang kita. Termasuk juga dalam perhimpunan BERSIH dulu 1, 2, 3 dan 4. Orang luar pula yang lebih pandai mengatakan bahawa kita punya sistem ini tidak betul. Jadi saya tidak nampak tidak ada keperluan untuk kita membiarkan keadaan orang luar bersama atau bersekongkol dalam keadaan macam ini. Kalau beginilah, keadaan pemimpin-pemimpin yang ada di dalam pihak sana, saya rasa kalau mereka yang memerintah saya rasa saya tidak boleh gambarkan bagaimana keadaan Malaysia pada masa itu. Saya sangat-sangat risau akan keadaan ini berlaku.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon juga dari segi berkenaan dengan akidah inikan. Jadi saya minta juga kepada menteri yang menjaga tentang agama ini lihat-lihat jugalah janganlah orang kata apa, setiap orang boleh mengeluarkan fatwa secara semberono sahaja. Biarlah ahlinya sendiri sebab kita ada Majlis Fatwa kita sebagai contoh saya berbalik pada keadaan Nurul Izzah tadi. Dia berkata dia tidak ada niat. Akan tetapi dia terlupa dia seorang pemimpin, dia mengeluarkan kenyataan, bayangkan persepsi rakyat. Tidak ada alasan dia tidak boleh berkata sebab tidak ada siapa yang tahu niat dia. Tiada siapa pun tahu niat dia mengatakan bahawa kebebasan agama itu boleh disamaratakan. Betul, dia pergi dekat sana dia kata dekat Ustaz Maza dia kata dia tidak berniat langsung. Betul mungkin Dr. Maza boleh faham, tetapi kita masyarakat di luar ini boleh faham bila dia katakan bahawa penggunaan ataupun pengamalan agama itu boleh merangkumi termasuk orang Melayu itu sendiri.

Jadi, saya tidak nampak perkara ini harus dibiarkan begitu sahaja dan yang peliknya pula hari ini dia cuma saman *Utusan* sahaja. Kenapa dia tidak saman *Malaysiakini* sebab *Utusan* ambil petikan itu dalam *Malaysiakini* dan dalam masa yang sama ada seorang *lawyer* yang bersama-sama bertanyakan soalan itu sanggup berhadapan dengan dia di mahkamah tidak hendak pula dia saman. Kenapa *Utusan*? Apa masalah dia dengan *Utusan*? Selama ini *Utusan* tidak banyak juga membantunya juga kah kalau dia katakan *Utusan* ini satu surat khabar yang kononnya berkepentingan saya tidak nampak. Ini kerana daripada dulu sampai kecil, saya baca *Utusan* sampai ke hari ini pun saya tidak gila pun. Saya tidak nampak pun keadaan-keadaan macam ini. Jadi, nampak sangat *double standard* macam ini berlaku. Jadi, kalau hendak lakukan sesuatu perkara itu biarlah pada keadaannya yang sebenar. Jangan terlalu sangat memanipulasikan keadaan tersebut.

Jadi, saya minta kepada menteri yang bertanggungjawab supaya melihat-lihat balik perkara macam ini termasuk juga dengan kalimah Allah dahulu. Kita juga harus ambil kira balik, jangan biarkan perkara itu, jangan diam terus dan juga penggunaan kitab *Bible* dalam Bahasa Melayu. Ini bukan saya hendak bercakap tentang agama lain, tetapi saya hendak sentuh tentang akidah orang Islam itu sahaja. Jadi, kita harus ada perimbangan sebab kalau kita lihat seperti mana Yang Berhormat Yusuf kata tadi dalam Perlembagaan ini kita kena tahu tentang di mana kedudukan agama Islam dan agama lain-lain itu kan. Tidak ada sekatan langsung, jadi saya melihat dekat situ supaya kita janganlah sekali-kali...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, lama kah lagi?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Ada sikit lagi. Kalau macam itu tidak mengapa Tuan Yang di-Pertua, saya gulunglah. Kalau macam itu saya minta jugalah untuk dari segi sistem pertahanan kita dan keselamatan kita semua, saya minta kalau boleh kita janganlah perlekehkan sebab apa keselamatan negara kita bukan sahaja keutamaan Kerajaan Barisan Nasional. Kita semua rakyat Malaysia juga harus- jadi jangan perlekehkan tentang *Scorpene*, jangan memperlekehkan tentang sistem pertahanan kita yang ada sekarang ini sebab kalau ini berlaku, kebocoran ini berlaku ini satu perkara yang amat-amat menyakitkan kita di masa akan datang. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Bajet 2013. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam.

5.35 ptg.

Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak bertajuk, *"Memakmurkan Negara, Menyejahterakan Rakyat Sebuah Janji Di Tepati"*. Tema ini sepadan dengan hala tujuan Kerajaan Barisan Nasional yang memastikan janji-janji yang diberikan adalah ditepati. Saya amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana di dalam bajet ini, beliau mengumumkan banyak perkara yang membantu rakyat secara terus.

Bajet ini membantu semua rakyat tanpa mengira kaum dan merupakan satu bajet yang inklusif di mana keperluan setiap kaum diberi perhatian dan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2013 kerajaan telah memperuntukkan wang sebanyak RM6 bilion untuk fokus kelima iaitu menyejahterakan rakyat turut ternyata di bawah fokus ini adalah usaha mewujudkan kejiranan yang selama dan harmoni. Di antara inisiatif yang telah dinyatakan adalah peningkatan jumlah anggota polis untuk tujuan rondaan, menambah bilangan polis bermotosikal, pemasangan kamera litar tertutup dan menambah bilangan sukarelawan polis.

Namun, langkah-langkah ini masih tidak memberi ketenangan kepada rakyat yang kian hari kian lebih merungut akan kenaikan jenayah seperti rompakan, kecurian, ragutan dan sebagainya. Walaupun kerajaan mengatakan bahawa ini lebih kerana persepsi rakyat berbanding kenaikan jumlah jenayah yang nyata tetapi pada hakikat rakyat jelata jelas bimbang atas keselamatan mereka serta keluarga dan harta benda mereka. Sebagai kerajaan yang prihatin, memang sudah tiba masanya kita dilihat menangani masalah kenaikan jenayah dengan lebih serius.

Isu ini memerlukan satu rangka dasar yang kukuh yang bukan sahaja melibatkan Kementerian Dalam Negeri dan pihak polis tetapi harus merangkumi semua pentadbiran bandar tempatan, persatuan penduduk dan sebagainya. Kita perlu mempertimbangkan *feasibility* pihak polis di kawasan-kawasan perumahan, kawasan perniagaan dan sebagainya. Sebaik-baiknya konsep pondok polis di hujung-hujung jalan diwujudkan kembali. Polis harus mewujudkan pondok di semua tempat membeli belah, pejabat Peguam Negara juga harus lebih bertekad dalam pendakwaan penjenayah di mahkamah. Rakyat juga ingin melihat penjenayah diberi hukuman yang lebih berat agar menjadi amaran kepada penjenayah lain.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2013 memberikan tolakan cukai bagi perbelanjaan pemasang alat keselamatan untuk syarikat-syarikat. Saya minta agar tolakan cukai tersebut turut dipanjangkan kepada individu yang memasang alat keselamatan seperti kamera litar tertutup dan sistem amaran keselamatan di rumah. Ini membolehkan lebih ramai individu mempertimbangkan sistem kawalan persendirian di rumah. Peningkatan dalam pembelian sistem tersebut juga akan merendahkan harga sistem di pasaran dan secara langsung lebih lagi orang akan mampu membeli sistem sebegini.

Saya juga ingin menggunakan peluang ini untuk menyentuh isu Skim Pelaburan Emas yang membabitkan beribu-ribu orang baru-baru ini. Skim Cepat Kaya bukan sesuatu yang baru, namun apa yang membimbangkan adalah Skim Cepat Kaya sekarang ini sudah menjadi lebih kompleks dan boleh berleluasa selama tahap bertahun-tahun secara terbuka dan dengan publisiti menyeluruh.

■1740

Sebelum diambil tindakan oleh pihak berkuasa, lebih menyedihkan adalah kehadiran dif-dif kehormat di acara-acara anjuran syarikat ini. Sehingga memberikan satu jaminan dan kesahihan palsu kepada rakyat akan keselamatan pelaburan mereka. Seharusnya pihak berkuasa memantau skim-skim ini dari permulaan dan mencantas operasi mereka sebelum dapat menelan berjuta-juta wang rakyat. Akan tetapi apa yang berlaku ini adalah operasi syarikat-syarikat ini dibiarkan bertahun sehingga apabila tindakan diambil pada akhirnya.

Rakyat yang wangnya ditipu seolah-olah masih ingin percaya kepada penganjur skim cepat kaya dan menuding jari kepada kerajaan pula kerana mengambil tindakan. Saya turut meminta pihak yang berkuasa memantau aktiviti pelaburan seperti Bank Negara dan sebagainya untuk lebih proaktif dalam menggubal undang-undang untuk mengawal pelaburan tersebut. Kita harus mengelak dari wujudnya ruang kelabu di dalam undang-undang yang boleh dieksploitasi oleh penganjur skim cepat kaya yang berasaskan komoditi seperti emas. Undang-undang juga harus digubal untuk merampas harta penganjur skim cepat kaya termasuk harta keluarga terdekat mereka di luar dan di dalam negara untuk mengelakkan daripada mereka bersembunyi di belakang jaringan pelbagai syarikat dan *nominee*.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya ingin merayu kepada kementerian yang berkenaan agar ketiga-tiga perkara yang telah saya utarakan hari ini diberi perhatian yang sewajarnya. Isu-isu ini merupakan isu kesejahteraan rakyat yang kita harus pentingkan. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusof.

5.43 ptg.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi laluan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2013 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tanggal 28 September yang lalu di Dewan Rakyat yang mulia ini.

Ucapan Bajet 2013 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jelas mencerminkan keprihatinan beliau dalam memastikan keharmonian dan kesejahteraan rakyat di bawah kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional. Beliau memandang serius serta mengambil berat akan pencapaian dari segi pertumbuhan ekonomi dan sosial rakyat Malaysia. Ia juga menjurus akan kesungguhan kerajaan untuk menunaikan setiap janji serta manifesto yang diuar-uarkan sebelum ini sejajar dengan tema hari Kemerdekaan kita baru-baru ini, *"50 Tahun Merdeka, Janji Ditepati".*

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan beberapa kementerian dalam perbahasan ini. Pertama ialah Kementerian Pelajaran. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM38.728 bilion kepada Kementerian Pelajaran pada belanjawan yang baru yang merangkumi aspek perbelanjaan pengurusan dan pembangunan. Saya ingin memuji iltizam pihak kementerian yang sentiasa berusaha menambah baik dan meningkatkan kemudahan prasarana pendidikan dari semasa ke semasa. Dalam masa yang sama, bergantung kepada kemampuan dan keupayaan kewangan negara.

Pada pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) baru-baru ini, ia menggariskan hala tuju pendidikan negara bagi tempoh 20 tahun yang akan datang. Saya melihat ia satu tempoh yang penting dan amat getir kerana dalam tempoh berkenaan kita akan melalui tahun 2020 yang mentakrifkan Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Saya juga ingin memberi kredit dan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas sifat keterbukaan Kementerian Pelajaran di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin yang juga Timbalan Perdana Menteri kita di mana PPPM hari ini masih pada peringkat draf dan ruang masih terbuka untuk menerima maklum balas daripada orang ramai. Jelas sekali pandangan dan input dari rakyat tanpa mengira batasan dan bidang amat dialu-alukan bagi tujuan penambahbaikan. Dalam PPPM, perkara yang paling menonjol adalah hasrat untuk melonjakkan pendidikan di Malaysia ke tahap antarabangsa. Baik dari sudut guru, kemudahan pendidikan, pembangunan kurikulum, pembangunan pelajar mahupun kemahiran berfikir.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang menarik perhatian saya dalam PPPM ini adalah mengenai pelaku pendidikan itu sendiri iaitu golongan guru. Munsyi Abdullah, seorang intelek Melayu pada zaman penjajahan Inggeris, lebih khusus dia adalah seorang India Muslim. Seratus tahun dahulu, dalam tulisannya, buku *"Hikayat Pelayaran Abdullah"* yang kita gunakan semasa Tingkatan 6, pada zaman sayalah. Dia menyebut, *"Orang yang berguru, dengan orang yang meniru, sangat jauh perbezaannya antara langit dengan bumi".* Mesej itu sampai sekarang saya ingat. Jadi, kita tidak boleh meniru. Kena berguru. Sememangnya saya menyambut baik oleh kerana kita semua disebabkan guru adalah kelompok terpenting dalam mencorakkan masa depan negara menerusi pendidikan.

Namun, seharusnya hasrat ini perlu diberi perhatian di dalam PPPM yang akan datang dari sudut memartabatkan guru. Daripada penilaian calon guru peringkat pertama sehinggalah kepada latihan guru dan skim perkhidmatan guru.

■1750

Tuan Yang di-Pertua, saya seorang bekas guru tetapi saya juga sangat terkesan dengan bekas guru-guru saya di sekolah rendah dan sekolah menengah khususnya di sekolah menengah. Guru-guru lepasan daripada Maktab Perguruan Kirkby dan Brinsford, satu golongan guru yang sangat komited dan dedikasi terhadap profesion perguruan. Banyak contoh yang boleh saya sebut. Antaranya yang masih ada lagi iaitu Datuk Jumaat bin Mohd Nor, Dr. Yahya Ibrahim, begitu juga daripada bukan Melayu, saya masih ingat Cikgu Chiam Tia Wan, juga bekas Senator kita Yang Mulia Tengku Abdul Aziz, beliau adalah seorang guru lepasan Kirkby pada tahun 50-an. Apa yang penting dalam profesion ini ialah dedikasi seorang guru yang jelas tentang peranan dan tanggungjawab mereka untuk melaksanakan profesion perguruan sebagai seorang pendidik dan juga seorang mentor kepada murid-murid.

Di dalam Dewan yang mulia ini ada ramai bekas guru. Di hadapan saya, Senator Khoo Soo Seang, Senator yang baru kita, Dr. Lucas, bekas guru, Dato' Dr. Firdaus, Yang Berhormat Syed Husin- tak ada. Ada lagi? Ramai lagi ya. Profesion ini sangat mulia walaupun pada suatu ketika dulu gaji kita tak seberapa. Lulusan maktab zaman saya bermula dengan gaji RM310. Kalau graduan ada *Diploma of Education,* RM530. Itu sahaja. Adalah kenaikan tahunan sebanyak RM15 ataupun RM25. Kita tidak kecoh dalam bab gaji, elaun dan sebagainya.

Harapan saya kepada pendidik-pendidik sekarang ini khususnya guru, dengan latihan yang telah diberikan secukupnya oleh pihak kementerian dan dengan skim perkhidmatannya yang saya kira antara yang terbaik dalam perkhidmatan awam, maka adalah diharapkan golongan ini akan memainkan peranannya yang lebih berkesan untuk mendidik anak bangsa tidak kira di mana sekalipun, sama ada di bandar mahupun desa, di kampung ataupun di kawasan pedalaman. Ini kerana kemajuan dan kemakmuran negara pada masa akan datang adalah terletak pada generasi baru, generasi muda, anak-anak kita yang di bangku sekolah yang sedang dibimbing oleh para guru sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang ingin saya sentuh dalam Kementerian Pendidikan ini ialah usaha pihak kementerian untuk melihat semula ataupun membuat satu transformasi tentang pembelajaran sejarah di sekolah-sekolah menengah. Ini adalah satu usaha yang sangat-sangat dialu-alukan dan sangat baik. Sejarah negara kita ini sangat penting diajar di sekolah di peringkat awal supaya pelajar-pelajar mendapat perspektif yang betul dan tepat tentang asal usul negara kita ini. Kita tidak mahu insiden-insiden seperti menganggap Chin Peng misalnya sebagai wira dalam sejarah kita. Sebenarnya ia adalah satu tanggapan yang salah, sebab Chin Peng bagi kita rakyat Malaysia yang berbilang kaum, Chin Peng bukanlah seorang wira yang mempertahankan negara kita, sebaliknya kumpulan mereka inilah yang memporak-perandakan negara kita pada suatu ketika dahulu.

Kita bernasib baik kerana warisan sejarah yang kita miliki pada hari ini telah melalui satu zaman yang aman dan tenteram. Sebab saya katakan demikian- cuma akhir-akhir ini sahaja Tuan Yang di-Pertua, ada pihak-pihak tertentu yang ingin menangguk di air keruh yang cuba mempertikaikan perkara-perkara yang telah termaktub dalam Perlembagaan kita. Contohnya fasal 152 dan 153 yang memperuntukkan hak dan keistimewaan orang-orang Melayu dan bumiputera. Perkara ini adalah bagi saya berpunca daripada tidak memahami dan tidak menghayati sejarah tanah air kita. Oleh sebab itu, dalam penggubalan kurikulum mata pelajaran Sejarah yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 2014 nanti, perlulah meneliti tentang perkara ini.

Ada negara jiran yang cuba melupakan sejarah asal negara tersebut malah memulakan sejarah negara tersebut daripada kedatangan Stamford Raffles. Ini sangatlah bertentangan dengan sejarah sebenarnya.

Begitu juga di Malaysia kita ini, saya selalu bercakap dengan rakan-rakan sama ada yang daripada bangsa Melayu ataupun Cina ataupun India dalam semangat 1Malaysia, bahawa negara kita ini dari segi sejarahnya bermula sebelum kedatangan mana-mana penjajah sekalipun, Portugis, Belanda, lebih-lebih lagi Inggeris. Sebelum itu lagi negara ini sudah mempunyai kerajaan, sudah ada tamadun Melayu, sudah ada Raja-Raja, sudah ada sistem pemerintahan yang berdaulat.

■1800

Kita ada peraturan, sudah ada hukum kanun Melaka dan sebagainya. Maksud saya negara ini bukan satu negara yang kosong seperti Australia ataupun New Zealand di mana Kapten Cook jumpa benua Australia, pacak *Union Jack*. Ini adalah tanah jajahan kami. Dia boleh buat di Australia ataupun New Zealand kerana memang negara itu kosong. Tidak ada apa. Akan tetapi, negara kita ini sebelum kedatangan penjajah-penjajah yang saya sebutkan tadi sudah ada kerajaan Melayu, sudah ada sistem pemerintahan beraja yang berdaulat.

Saya menyebut perkara ini dalam Dewan yang mulia ini untuk tujuan supaya perkara seperti ini dimasukkan di dalam sejarah dan sejarahlah yang menjadi asas kepada artikel-artikel yang dimasukkan ke dalam Perlembagaan Malaysia apabila kita membentuk Persekutuan Tanah Melayu dulu. Kita telah ditakdirkan untuk bersama-sama pada hari ini dengan rakan-rakan kita daripada bangsa-bangsa lain, tidak kiralah Cina, India, Pakistan. *Indian Muslim* dia lebih awal. Lebih awal lagi sebelum penjajahan...

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: *[Bangun]*

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Bagi saya habis.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Saya ingin mencelah.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Bagi saya habis. Bagi saya habis bab ini ya. Lebih awal maksud saya ialah kedatangan pedagang-pedagang India Muslim ke Melaka, Kedah dan sebagainya membawa sama syiar Islam ke negara kita. Ini fakta sejarah.

Begitu juga dengan orang-orang Cina keturunan Baba Melaka, Yang Berhormat. Sudah ada dalam negara kita. Arab pun ada sebelum itu. Begitu juga rakan-rakan kita, nenek moyang mereka, *first generation Chinese* atau India yang dibawa oleh *British* telah pun menjadi warganegara kita melalui proses undang-undang. Sila tadi yang hendak celah tadi.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Yang Berhormat, saya hendak tanyakan sesuatu yang masyarakat India Muslim letak kaki di Malaysia pada tahun 1403. Boleh Yang Berhormat katakan yang selepas bab begitu lama ini, baru hari ini di dalam Dewan kita suarakan untuk masyarakat India Muslim... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Saya secara peribadi menyokong yang masyarakat India Muslim ini diiktiraf sebagai Melayu bumiputera. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara dalam Kementerian Pelajaran yang saya ingin sentuh tadi, dia ada tiga, ialah perlunya kita memantau sedikit sebanyak perjalanan sekolah antarabangsa yang akhir-akhir ini diwujudkan dengan banyaknya. Persoalan yang timbul sejak Laporan Razak perlu diselesaikan segera.

Jika dulu kita berhadapan dengan sekolah vernakular, kini kita berhadapan pula dengan sekolah antarabangsa yang semakin subur dan mendapat sambutan masyarakat. Ia secara terang memberikan pilihan untuk rakyat keluar daripada sistem pendidikan arus perdana jika tidak ditangani dengan berhati-hati.

Soalannya di sini, pendidikan adalah teras kejayaan sesebuah negara dengan melahirkan generasi masa hadapan yang mampu memikul tanggungjawab, memacu negara ke arah sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi di samping nilai-nilai rohani dan peribadi mulia perlu diserapkan.

Ianya sesuatu yang serius dan perlu diberi perhatian oleh kerajaan hari ini. Ia membabitkan masa depan kita, masa depan negara dan yang lebih penting masa depan kita di hadapan Allah SWT kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Soalan saya ialah bagaimanakah sistem ataupun struktur perkhidmatan kenaikan pangkat seseorang pensyarah kepada pensyarah kanan, kepada Profesor Madya dan seterusnya profesor di IPTA kita sekarang ini?

Saya membaca akhbar baru-baru ini dan saya percaya rakan-rakan dalam Dewan ini juga sedia maklum seorang pensyarah telah menang dalam saman terhadap universiti di mana ia berkhidmat iaitu di Universiti Utara Malaysia. Dia menyaman, saya terlupa nama pensyarah itu tetapi dia menyaman antaranya bekas Naib Canselor Profesor Dr. Nordin Kordi yang dikatakan menyebabkan dia tidak naik pangkat daripada pensyarah kepada pensyarah kanan dan seterusnya kepada Profesor Madya.

Mungkin perkara ini satu kes yang terpencil tetapi mesej ataupun isu yang hendak diketengahkan di sini ialah adakah sampai ke tahap seorang pensyarah mengambil tindakan mahkamah dan barulah kenaikan pangkatnya diluluskan. Itu yang hendak saya kemukakan kepada Kementerian Pengajian Tinggi.

Kedua, akhir-akhir ini banyak kolej-kolej swasta yang menggunakan perkataan ”antarabangsa” atau *”international”.* Padahal kalau kita tengok sesetengahnya itu menggunakan premis rumah-rumah kedai yang dicantumkan ataupun bangunan-bangunan yang dari segi fizikalnya sahaja kita sudah tahu tarafnya bukan taraf *international*. Belum lagi kita melihat kepada kakitangan akademiknya, kursus-kursus yang ditawarkannya. Jadi soalan saya kepada kementerian ini adalah apakah ciri-ciri dan syarat-syarat yang membolehkan sesebuah IPTA ini menggunakan taraf *international* atau antarabangsa?

■1810

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang Tabung Haji. Tabung Haji di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya hendak ucapkan tahniah kepada kerajaan, melalui kementerian yang menjaga Tabung Haji ini, kerana di saat-saat akhir, dua hari sebelum wuquf musim haji yang lalu kita telah mendapat tambahan kuota sebanyak 10,000 orang jemaah haji daripada Malaysia, tambahan kepada yang sedia ada. Ini satu kejayaan, kerana satu-satunya negara yang mendapat tambahan ini. Ini ada diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Agama, Yang Berhormat Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir semasa Perhimpunan Agung UMNO.

Ini jelas pertambahan ini adalah disebabkan oleh hubungan baik antara negara kita khususnya hubungan baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Kerajaan *Saudi Arabia*. Oleh kerana pengurusan Tabung Haji itu sendiri cekap, dalam masa dua hari kita dapat menghantar jemaah haji tambahan 10,000 itu. Tahniah sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit pesanan daripada orang kampung saya ini, di Johor. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang mendapat peruntukan yang agak besar juga RM5.8 bilion. Pembangunan RM1.68 bilion dan selebihnya mengurus. Saya memuji langkah-langkah yang diambil oleh kementerian ini dalam usaha untuk khususnya satu bidang yang saya sangat tahu iaitu dalam usaha mereka untuk menambahkan sawah padi di negara kita ini dan juga menambahkan hasil padi di seluruh negara.

Sawah padi ini ada dua kategori. Satu dipanggil sawah bertaraf jelapang. Ini luas seperti Kedah, Perlis, Seberang Perak dan sebagainya. Yang satu lagi bertaraf dipanggil di luar jelapang. Di luar jelapang ini *small-holders,* dengan izin. Kalau di Johor itu ada lapan sawah padi semuanya bertaraf di luar jelapang. Sebanyak 200 ekar, 300 ekar dan sebagainya. Melaka saya ingat sudah tidak ada sawah padi lagi. Semua sudah jadi bangunan...

Tuan Yang di-Pertua: Lama lagi Yang Berhormat?

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah?

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Saya ini ikut kementerian Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak pendekkan pun boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Agaknya panjang kah lagi. Saya hendak tanya.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Bagi saya 15 minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa minit?

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Sepuluh hingga 15 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Sepuluh minit.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Ha, sepuluh minit. Yang saya kata orang kampung pesan ini dua perkara. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menguar-uarkan benih padi yang terbaik, produktivitinya boleh satu hektar itu boleh sampai tujuh hingga lapan metrik tan. Baru-baru ini timbul isu kontrak membekalkan benih padi. Akan tetapi hakikatnya benih-benih padi yang baru ini, belum sampai lagi Tuan Yang di-Pertua kepada sawah-sawah yang di luar jelapang ini tadi. Sawah-sawah padi yang di luar jelapang ini masih lagi diberi benih yang lama. Maknanya benih yang produktivitinya tidak begitu tinggi.

Jadi, soalan saya ialah kenapa mengambil masa yang begitu lama. Kalau kita sudah betul-betul ada benih yang baru, yang produktivitinya boleh meningkatkan pengeluaran padi itu sendiri dan ini sekali gus memberikan hasil yang lebih lumayan kepada pesawah-pesawah kita, kenapa hendak kita tunggu lama-lama. Itu yang saya hendak tanya.

Yang kedua, yang ini ada kaitannya dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang menjaga RISDA. RISDA di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Penanaman semula getah, ini pun pesanan orang kampung juga Tuan Yang di-Pertua. Tanaman semula getah ini maksud saya ialah bantuan tanaman semula getah. Seorang yang ada kebun getahnya yang sudah tua perlu memohon kepada RISDA untuk ditanam semula. Lulus baru dapat bantuan dan boleh tebang. Persoalannya ialah tahun lepas peruntukan tanam semula getah ini tidak mencukupi permintaan. Sebanyak 800 ekar contohnya permintaan daripada negeri Johor tahun lepas untuk tanam semula cuma yang diluluskan 300 ekar.

Saya pernah suarakan dalam Dewan yang mulia ini, maka kali ini saya berharap dengan peruntukan baru ini, maknanya sepatutnya sebilangan besar kalau tidak pun 100 peratus perlulah diberi keutamaan kepada mereka pekebun-pekebun getah yang sudah bersedia untuk menanam semula getah. Kalau ditunggu lama-lama pun pokok getah sudah tua. Sudah tidak ada hasil lagi, Tuan Yang di-Pertua. Menunggulah orang-orang ini tadi, ya. Yang ini yang kita kena beritahu melalui Dewan Negara yang mulia ini. Mungkin Menteri tidak tahu. Mungkinlah agaknya Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang Kementerian Dalam Negeri bagi Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein menterinya. Tadi Yang Berhormat Tuan Baharudin telah menyentuh tentang isu pendatang asing. Jadi, tidak perlulah saya panjangkan ceritanya. Akan tetapi, sebenarnya pendatang asing luar tanpa izin ini banyak menimbulkan masalah kepada kita. Menimbulkan masalah sosial, masalah ekonomi dan juga masalah-masalah yang menyumbang kepada peningkatan jenayah di negara kita. Yang Berhormat daripada Sabah pun ada menyentuh tentang ini. Apa yang hendak saya tekankan di sini ialah apakah langkah-langkah tegas yang telah dijalankan oleh kerajaan selama ini, tidak menghasilkan kesan yang kukuh terhadap isu pendatang asing tanpa izin ini.

Serupalah dengan masalah dadah. Dadah ini satu perkara lagi, juga di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN). Kalau mengikut analogi mudah saya, tidak akan ada orang menghisap dadah atau mengambil dadah jika tidak ada orang yang menjual dadah.

■1820

Serupalah juga kalau hendak dikatakan tidak ada orang yang meminum arak jika tidak ada orang menjual arak. Rokok pun begitu juga dan seterusnya. Jadi, kita mesti melihat perkara ini daripada puncanya, daripada mana sumber dadah itu diedarkan ke seluruh negara. Mesti ada *networking*, mesti ada cara pemasarannya. Takkan selama ini KDN tidak tahu selok-belok ini? Akan tetapi, yang kita fahamkan semakin ramai anak-anak muda kita yang terlibat dengan dadah. Begitu juga dengan pendatang asing tanpa izin tadi, semakin dikawal nampaknya masih tidak terkawal. Jadi kepada Kementerian Dalam Negeri, suka saya menyampaikan hasrat semua rakyat Malaysia. Kita tak suka negara kita ini dibanjiri dengan pendatang-pendatang asing tanpa izin.

Tentang KDN ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pelajar-pelajar yang datang dari luar negara belajar di negara kita. Kita mengalu-alukan kehadiran mereka ini dan memang itulah menjadi hasrat kerajaan menjadikan negara kita sebagai hab pendidikan antarabangsa. Akan tetapi, pada masa yang sama kita perlu menapis, menyaring mereka yang benar-benar datang ke sini untuk belajar sahaja yang kita alu-alukan.

Akhir-akhir ini kita tengok, mereka yang datang daripada Iran, yang datang daripada negara-negara *Africa*, *South* of *Sahara* banyak menimbulkan masalah. Kaitannya ialah dengan visa pelajar itu sendiri. Visa pelajar ini dikeluarkan oleh KDN, Jabatan Imigresen. Saya sudah tanya soalan ini dalam Dewan yang mulia ini kepada Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi tetapi dia kata ini bukan bidang kuasa dia. Jadi saya hendak tanya pada hari ini, apakah mekanisme yang digunakan untuk menyaring pengeluaran visa pelajar ini kepada pelajar-pelajar yang datang belajar dari luar negara. Negara seperti UK dan US sangat ketat. Ia ada *point system* dia.

Pelajar kita hendak datang belajar di sana dia hendakkan bukti, yang pertama kolej mana yang telah menawarkan kursus tersebut dan kolej itu pun diberi rating. Kedua, kemampuan kewangan, dia hendak bukti, hendak tengok kewangan pelajar itu sendiri ataupun ibu bapanya sendiri. Selepas itu ada sistem biometriknya, setiap pelajar itu diambil, diuji biometriknya. Itu pun dia tak diberi sekali gus Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang diberinya setahun sahaja, sambunglah kemudiannya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Pusat khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberikan negeri Johor satu limpahan rahmat daripada Allah SWT tiga perkara yang saya ingin sentuh di sini dalam pelaksanaan program transformasi ekonomi negara.

Satu ialah Pembangunan Iskandar Malaysia yang sedang rancak dibangunkan sekarang. Laporan yang tuan-tuan baca di bukunya di sini telah menjana untuk jangka masa yang terdekat ini sebanyak RM95 bilion *investment.* Sebanyak 60 peratus daripadanya adalah pelabur-pelabur tempatan dan 40 peratus daripadanya adalah pelabur-pelabur asing. Ini adalah kejayaan besar buat masa ini bukan sahaja bagi Johor tetapi bagi negara kita Legoland Theme Park telah dibuka. Purata sehari 3,500 pengunjung. Kalau hari minggu, 10,000 hingga 12,000 pengunjung. Walaupun dan sungguhpun program ini dahulunya Iskandar Malaysia dicemuh..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Ya, ya, okey. Kedua ialah Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang atau *Pengerang Integrated Petroleum Complex*. Ini juga satu projek berskala besar yang akan dibangunkan bersama dengan Petronas di kawasan seluas saya rasa 2,000 ekar dan segala isu-isu yang berkaitan dengan pampasan tanah sudah selesai Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Negeri Johor sangat cekap dalam bab ini.

Berdasarkan pengalaman kita di Iskandar dahulu, kita memberi pampasan yang sangat lumayan kepada tuan-tuan tanah. Sejumlah 95 peratus daripada 436 pemilik tanah yang terlibat telah pun menerima pampasan mereka. Yang tinggal lagi 5 peratus, 6 peratus itu ada masalah teknikal.

Jadi, tidak timbul soal parti pembangkang menggunakan NGO untuk menentang projek tersebut. Sejumlah 200 orang, 300 orang sahaja yang buat demonstrasi, itu pun datang dari luar.

Perkara ketiga ialah yang akan dibangunkan di Johor ialah hab pendidikan universiti di Pagoh. Ini juga akan memberi impak yang besar kepada bukan sahaja Pagoh, Johor impak ekonomi, pendidikan dan seterusnya seluruh negara. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua dan dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Chiw Tiang Chai. Selepas itu Yang Berhormat Dr. Lucas bin Umbul.

6.29 ptg.

Datuk Chiw Tiang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas kesudian Tuan Yang di-Pertua memberi laluan kepada saya mengambil bahagian bagi tujuan membahaskan Bajet 2013. Saya berpandangan bahawa pembentangan Bajet 2013 merupakan satu kayu ukur atau penanda aras, *benchmark* dengan izin, yang penting untuk melihat sejauh mana kesungguhan pemimpin Kerajaan Barisan Nasional mengotakan janji ditepati seiring dengan laungan Gagasan 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan."

■1830

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah membentangkan satu bajet yang pada kiraan saya adalah bajet terbaik sepanjang Barisan Nasional menjadi peneraju Kerajaan Malaysia.

Menyentuh mengenai manifesto Barisan Nasional, adalah janji Barisan Nasional dan janji perlu ditepati. Izinkan saya menyentuh beberapa isu yang saya kira penting untuk saya bahaskan dalam Bajet 2013 ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Antara inti pati Bajet 2013 ialah peruntukan dana pembiayaan bumiputera berjumlah RM1 bilion yang akan disediakan oleh SME Bank untuk membantu PKS membiayai pengambilalihan anak syarikat milik GLC yang menjalankan aktiviti bukan teras dan telah dikenal pasti untuk dijual. Saya ingin menyentuh isu industri SME yang gagal mendapat pembiayaan daripada SME bank serta bank-bank komersial lain dan sewajarnya ia ditangani secara serius memandangkan ia boleh menjejaskan langkah kerajaan untuk merangsang pelabur domestik.

Isu kelembapan proses meluluskan pembiayaan serta kekurangan pakar dalam SME bank untuk menilai permohonan pembiayaan adalah antara yang menjadi rungutan peniaga SME hari ini. Saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian MITI dan pihak Bank Negara sentiasa mengadakan perbincangan mengenai isu berhubung PKS bagi tujuan meng*update*kan isu-isu semasa dan bukan hanya tertumpu kepada SME Bank tetapi juga isu peranan bank asing serta bank tempatan yang menyediakan pembiayaan untuk PKS.

Ini kerana antara perkara yang dibangkitkan adalah kesukaran mendapat pinjaman daripada bank dan institusi kewangan tempatan walaupun pada dasarnya ia bukan satu masalah besar kerana mereka merupakan pemenang-pemenang anugerah peringkat tempatan, malah telah mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Syarat-syarat yang ketat memerlukan kolateral, *guarantor,* modal pusingan yang tinggi serta aset untuk dicagarkan perlu disemak semula. Ini kerana secara logiknya peniaga SME masih baru, muda, modal yang kurang, tiada aset untuk dicagarkan dan tiada rekod perniagaan kerana baru memulakan perniagaan ibarat pepatah Inggeris, *'between chicken and egg',* mana satu yang satu yang datang dulu.

Saya mencadangkan agar kementerian bertindak sebagai moderator dan mengemukakan usahawan-usahawan terbabit dengan Bank Negara Malaysia serta membincangkan masalah-masalah tersebut. Ini termasuk perjumpaan dengan pihak Bank Negara Malaysia serta institusi-institusi kewangan dan bank-bank di bawahnya. Ini kerana syarikat-syarikat SME ini adalah syarikat yang memenuhi kriteria untuk mendapat pinjaman, ditambah pula dengan pengiktirafan-pengiktirafan yang telah diterima dari dalam dan luar negara. Agak menghairankan saya apabila bank dan institusi kewangan sukar untuk meluluskan pembiayaan.

Saya juga memohon tindakan proaktif SME Corporation selari dengan fungsi dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh kerajaan untuk memajukan industri SME di negara kita. Saya cadangkan agar SME Corp memainkan peranan aktif dan mengadakan banyak perbincangan bersama Kementerian MITI, PKS serta Bank Negara Malaysia. Saya juga mencadangkan agar kerajaan menerusi MITI dan agensinya perlulah sentiasa mencari jalan untuk meningkatkan daya saing PKS tempatan serta menyediakan kemudahan bersesuaian bagi membantu mereka terus maju di dalam iklim perniagaan yang mencabar.

Ini kerana tidak dinafikan lagi anugerah-anugerah yang diberikan kepada PKS-PKS tempatan diiktiraf oleh pelanggan di mana syarikat-syarikat tersebut telah melalui ujian yang ketat dan sistematik sebelum diberi pengiktirafan. Dengan kaedah itu ianya membantu PKS-PKS itu memasarkan produk dan perkhidmatan masing-masing selain mempromosikan jenama mereka.

Adakah kerajaan bercadang mewujudkan Bank 1Malaysia? Sebuah bank yang bakal memberi manfaat kepada semua golongan rakyat tanpa mengira kaum, keturunan, latar belakang, sosial ekonomi serta faktor-faktor sampingan lain yang selama ini menjadi kekangan kepada peniaga terutama SME untuk memohon pinjaman. Prosedur dan syaratnya mestilah fleksibel dan mesra pelanggan dan masih menepati garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Bank Negara Malaysia. Ini juga dapat mengurangkan aktiviti peminjam wang haram- *Ah long*.

Isu guru dan sekolah. RM38.7 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Pelajaran meliputi peruntukan mengurus dan pembangunan. Peruntukan tambahan RM500 juta bagi meningkatkan kemahiran guru dalam pengajaran subjek-subjek teras yakni Bahasa Kebangsaan, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik melalui pendekatan *higher order thinking skills*. Saya melihat ianya secara tidak langsung bermaksud melahirkan guru yang bermakna, berwibawa, kreatif, inovatif, dedikasi dan komited terhadap tugas dan tanggungjawab.

Saya difahamkan mulai 2013 Program Pembangunan Profesional berterusan untuk guru dan akan dipertingkatkan dengan tumpuan kepada keperluan individu dan latihan berasaskan sekolah. Program ini khabarnya bersesuaian dengan persaingan pendidikan abad ke 21 dan transformasi pendidikan untuk melahirkan modal insan bertaraf dunia dan mampu bersaing dan mengharungi cabaran peringkat antarabangsa.

Ini kerana profesion guru abad ini dibina atas dasar persaingan iaitu pendidikan selepas tamat persekolahan, latihan dan pembangunan kerjaya. Maka ia perlu selari dengan misi dan visi negara ke arah menyediakan rakyat berilmu dan berkemahiran. Profesion guru hari ini berbeza dengan guru 30 tahun yang lalu. Profesion guru amat mencabar dan dalam usaha untuk melahirkan guru berkemahiran abad ke-21 dan untuk melaksanakan pembelajaran sepanjang hayat. Saya berpandangan mereka perlu dilatih menjadi pemikir dan berupaya menyelesaikan masalah serta berfikir sebagai usahawan.

Skil-skil seperti kemahiran berfikir, pemikiran kritikal, keupayaan berkomunikasi serta keyakinan kendiri perlu dijana menerusi pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang holistik serta mampu berfikir secara mencabar, *divergent thinking* bagi menerokai kebenaran.

Dalam konteks pembangunan kerjaya guru ia merentasi beberapa laluan dengan kemajuan di nilai berasaskan kompetensi bukan bergantung kepada tempoh perkhidmatan semata-mata. Bagaimanapun saya terpanggil untuk menyentuh mekanisme yang bakal diguna pakai untuk menentu guru yang dilahirkan benar-benar kompeten dan memenuhi standard yang ditetapkan. Transformasi perguruan sebagai profesion pekerjaan ialah satu daripada sebelas anjakan dalam Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025 menekankan kepada peningkatan pembelajaran dan pembangunan guru.

■ 1840

Bagi melaksanakannya, saya berpandangan kementerian perlu meningkatkan kualiti profesion perguruan supaya dapat menghasilkan guru cemerlang. Terdapat lima fakta yang mempengaruhi kejayaan dan kegagalan dalam pendidikan iaitu guru ataupun tenaga pengajar, murid, persekitaran sekolah, ibu bapa dan kemudahan sekolah. Dari lima fakta itu, guru dan murid merupakan dua fakta yang boleh dikawal berbanding tiga fakta lain. Di sini saya ingin mengajukan cadangan untuk memajukan sekolah-sekolah. Hari ini peruntukan bantuan di sekolah melalui tender pusat kadangkala melewatkan proses. Saya mencadangkan agar diserahkan kepada Jabatan Pelajaran Negeri untuk menguruskan pembangunan pendidikan di negeri masing-masing.

Selalu turun di lokasi dan lihat sendiri keadaan sekolah-sekolah di Malaysia. Jangan mengharapkan laporan daripada Pejabat Pelajaran Negeri sahaja. Tidak mengambil masa dan terlalu lama bagi peruntukan diumumkan dan tarikh projek sebenarnya disiapkan. Ini kerana kadang-kadang hampir dua tahun selepas pengumuman dibuat, sekolah masih belum disiapkan dan dinaiktarafkan.

Peruntukan RM1.2 bilion diperuntukkan bagi pendidikan persekolahan termasuk kepada Jabatan Kemajuan Masyarakat, Kementerian Pelajaran, PERMATA dan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional. Peruntukan RM380 juta disediakan di bawah Kementerian Pelajaran untuk penempatan guru pra sekolah. Saya memuji langkah kementerian yang menetapkan bahawa guru lulusan ijazah akan diambil bagi menjadikan pendidik di peringkat pra sekolah di masa depan bagi meningkatkan kualiti pembelajaran selaras dengan Dasar Pendidikan Malaysia.

Saya berpandangan iaitu sebagai satu langkah bijak dalam menyediakan guru terlatih ini yang sekali gus mampu mengurangkan masalah kekurangan penguasaan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira dalam kalangan pelajar. Dalam isu ini, jika lebih awal untuk kita mulakan pendidikan, anak-anak kita impak lagi baik maka guru yang kita hendak sediakan mesti guru yang terlatih, bukannya guru yang berkelulusan rendah. Selain dari inisiatif di atas, apakah usaha berterusan kerajaan mempertingkatkan kualiti pendidikan pra sekolah?

Saya juga ingin menyentuh isu bagaimana semua kelas tadika yang dianjurkan oleh kerajaan dan swasta dapat dipantau kurikulumnya. Apakah perbezaan antara pra sekolah dengan Program Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PERMATA) dari segi peruntukan, kurikulum dan aktiviti kokurikulum dan pencapaian serta hala tuju graduan selepas kedua-dua pra sekolah ini?

Satu lagi saya hendak sentuh ialah hak milik strata iaitu pelan *strata title* sijil cadangkan pelan *strata title* dalam tempoh masa mengurangkan kelulusan pecah bahagikan bangunan. Hari ini pemilik banyak menghadapi masalah dalam isu mendapatkan hak milik strata untuk unit-unit mereka. Masalah dulu berpunca daripada perbezaan keluasan petak strata di antara keluasan yang diberi oleh pihak pemaju dan keluasan yang disemak oleh penduduk yang disahkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan tidak sama.

Soalan saya, saya mohon kementerian dapat meninjau permasalahan ini sebab di Melaka pun sama. Kita ada banyak pangsapuri dan bangunan-bangunan yang belum dapat lagi *strata title*. Saya minta kementerian beritahu berapa banyak bangunan di Melaka yang masih belum ada *strata title*. Sekian, terima kasih. Dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Akhir sekali saya dengan sukacitanya ingin mempersilakan Ahli baru kita yang telah mengangkat sumpah hari Isnin lepas iaitu Yang Berhormat Dr. Lucas untuk berucap. Silakan Yang Berhormat.

6.45 ptg.

Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk turut serta dalam membahaskan Bajet 2013 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 September 2012 yang lalu. Sebelum pergi jauh, dalam ucapan pertama atau dengan izin, *maiden speech* saya selepas dilantik menjadi Ahli Dewan Negara ini, saya dengan penuh kerendahan hati mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih yang tidak terhingga kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana berkenan melantik saya sekali gus memberikan ruang kepada suku kaum Murut dari negeri Sabah menyumbang di tahap tertinggi pembuat undang-undang di negara kita yang tercinta ini.

Saya juga berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Sabah, pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah dan Presiden Parti UPKO, Yang Berhormat Tan Sri Bernard Dompok, kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk memikul tanggungjawab demi kebaikan dan kesejahteraan kita semua di Dewan yang mulia ini. Berlandaskan pengalaman lebih kurang 30 tahun sebagai seorang pendidik dan tenaga pengajar di Institut Pendidikan Guru dan yang terakhir di IPG Kampus Keningau, Sabah serta 15 tahun dalam pelbagai persatuan sosial serta parti politik dengan izin, *I'm humbled yet determined* untuk memberikan yang terbaik kepada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya secara peribadi juga akan menjadikan teladan pemimpin Murut terdahulu terutama Mendiang Yang Berhormat Senator Jinuin Jimin sebagai penyuntik semangat penglibatan saya di sini. Dalam kesempatan ini saya juga mohon bimbingan daripada Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan Yang Berhormat Senator dalam Dewan yang mulia ini, semoga perjalanan kita ini akan membawa hasil yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2013 sudah di rungkai, diulas dan di bahas dengan begitu mendalam dan panjang lebar oleh Ahli Parlimen yang lain. Justeru, saya hanya akan menyentuh beberapa perkara yang begitu dekat dengan hati saya secara peribadi dan juga sebagai pemimpin UPKO. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengungkit mengenai penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja iaitu *Royal Commission of Inquiry* untuk menangani masalah pendatang asing tanpa izin (PATI).

Tuan Yang di-Pertua, parti UPKO cukup terharu dengan keberanian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kerana telah mempersetujui penubuhan RCI ini. Memang betul walaupun diluluskan di peringkat Jemaah Menteri awal tahun ini, tindakan konkrit hanya akan bermula pada Januari 2013. Justeru itu kita terkilan dengan izin, *the seemingly very slow progress of the RCI*. Kami dengan secara konsisten sudah meminta RCI ini sejak penubuhan UPKO pada tahun 1994. Tiga Perdana Menteri kemudian yakni selepas 18 tahun, barulah ia menjadi kenyataan, dengan izin, *we have waited for 18 years, what is another few more months?* Akan tetapi, yang terpenting Tuan Yang di-Pertua ialah kegigihan RCI ini menjalankan tugasnya nanti sesuai dengan terma rujukan mereka.

■1850

Saya menyeru agar RCI ini mencerminkan keberanian serta keikhlasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan komitmen Presiden UPKO, Tan Sri Bernand Dompok. Saya akan terus membangkitkan perkara ini selagi isu PTI ini menjadi titik hitam sejarah negara kita. Saya bagi pihak Parti UPKO menggesa agar RCI ini mencari penyelesaian tuntas kepada *the Mother of All Problems* ini.

Isu kedua yang saya ingin bangkitkan Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai komoditi sawit dan getah. Bajet 2013 merupakan kesinambungan kepada pelbagai dasar-dasar kerajaan terutama sejak Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib menjadi Perdana Menteri. Antara yang paling ketara ialah langkah prihatin kerajaan menjadikan kelapa sawit dan getah tersenarai dalam *National Key Economic Areas* (NKEA). Dalam konteks ini, saya berterima kasih kepada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi kerana pelaksanaan agresif polisi ini terutama di Sabah.

Di sini saya mohon bertanya apakah tahap dan peratusan terkini pelaksanaan pelbagai dasar dan insentif kementerian itu dan bagaimanakah sambutan kumpulan sasaran terutamanya pekebun-pekebun kecil. Saya difahamkan, di Sabah, contohnya, ada segolongan pekebun kecil kelapa sawit dan getah sudah memohon namun belum mendapat kelulusan. Saya memohon agar kerajaan negeri Sabah atau agensinya dapat memberi perhatian sewajarnya dalam perkara ini.

Isu yang ketiga Tuan Yang di-Pertua saya ingin...

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Pohon mencelah.

Dr. Lucas bin Umbul: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat. Bolehkah Yang Berhormat?

Dr. Lucas bin Umbul: Ya, silakan Yang Berhormat.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Yang Berhormat. Cuma saya ingin menyentuh soal pekebun kecil getah. Saya dapati ramai pekebun-pekebun kecil getah ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Duduk dahulu Yang Berhormat.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Nampaknya berpindah kepada tanaman sawit. Jadi, kita bimbang oleh kerana mungkin kerana kedudukan prestasi harganya yang tidak menentu, harga komoditi getah maka banyak yang menebang dan berpindah kepada tanaman sawit.

Oleh kerana itu, soalan saya apakah langkah-langkah kementerian terutama RISDA sendiri dalam berperanan untuk memastikan pekebun kecil getah ini utuh dari segi pendapatan ekonomi hasil getahnya dan apakah usaha-usaha seterusnya bagi memastikan ianya tidak berpindah kepada tanaman lain terutama berpindah kepada sawit bagi memastikan komoditi ini cukup untuk keperluan negara. Itu sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Yang Berhormat. Perkara yang ketiga iaitu harga sawit pula. Sebenarnya Yang Berhormat tanaman sawit ini juga amat penting dalam menjana ekonomi negara kita selain daripada tanaman getah.

Perkara ketiga iaitu jika gagal ditangani *fiscal cliff* Amerika dijangka berlaku tahun hadapan. Krisis ekonomi Amerika yang semakin merudum menyebabkan ekonomi China terpaksa mengalami tekanan dan memperlahankan pengeluaran mereka. Kesannya akan melibatkan negara-negara jiran di Asia. Walaupun Malaysia ekonominya pada paras tidak membimbangkan namun kesan tempias ekonomi Amerika dan Eropah itu sudah mula terasa menjurus kepada harga komoditi Malaysia. Getah harganya merudum demikian juga harga kelapa sawit. Kedua-dua komoditi ini amat penting kepada negara. Komoditi ini juga merupakan mata pencarian rakyat terutamanya pekebun-pekebun kecil.

Saya mencadangkan kepada kerajaan atau pihak yang bertanggungjawab agar menubuhkan Dana Perlindungan atau *Shedding Fund* untuk mengatasi masalah pekebun-pekebun kecil ini. Saya difahamkan kerajaan telah mengutip cukai berbilion ringgit dan ketika pekebun-pekebun kecil ini menghadapi kesusahan, mengapa pula kerajaan tidak membantu dan meringankan masalah bebanan mereka.

Seterusnya iaitu komoditi lada dan koko. Tuan Yang di-Pertua, pembangunan tanaman lada atau dengan izin, *pepper* dan *cocoa* di Sabah suatu ketika dahulu negara kita adalah antara pengeluar utama koko di rantau ini. Apakah masalah yang melanda koko ini dan apakah tindakan kerajaan untuk memastikan ia terus relevan kerana yang saya ingat koko ini cukup sesuai terutama untuk para pekebun kecil di luar-luar bandar di negeri Sabah, Sarawak dan di mana-mana di Malaysia ini. Demikian juga dengan tanaman lada.

Saya difahamkan kalau dilihat dari pulangannya lada merupakan tanaman yang paling mahal. Kelmarin harga lada putih ialah RM25,200 setan. Manakala lada hitam RM16,250 setan. Ini jauh lebih tinggi berbanding minyak sawit mentah atau *crude palm oil* yang kini berharga RM2,052 setan. Tahniah kepada kementerian terutama usaha Yang Berhormat Tan Sri Bernard Dompok kerana telah merancakkan lagi usaha membantu pekebun-pekebun kecil lada di Sabah.

Yang agak sedih ialah saya difahamkan kekuatan anggota *Malaysian Pepper Board* di Sabah belum mencukupi. Saya menyeru agar kerajaan memperkukuhkan MPB di Sabah kerana saya percaya ramai yang mahu mengusahakan tanaman ini seandainya mendapat dorongan dan sokongan sewajarnya daripada pihak berkuasa. Mungkin kementerian boleh memberitahu Dewan ini apakah masalah dan halangan kepada perkembangan lada di Sabah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengetengahkan mengenai Petronas dan sebagaimana yang dibahaskan pada pagi tadi oleh rakan kita, Ahli Dewan yang mulia ini. Kita maklum bahawa Petronas mempunyai keuntungan besar dalam industri petroleum negara. Persoalan saya apakah tanggungjawab sosial syarikat-syarikat seperti Petronas dan sejauh mana Petronas melaksanakan pengagihan ruang niaga pada kaum Melayu dan bumiputera di seluruh Suria KLCC? Saya mohon penjelasan daripada Jabatan Perdana Menteri.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetengahkan mengenai *careers* para pendidik di seluruh negara. Dari segi penempatan guru, saya mohon kepada Kementerian Pelajaran supaya terus mengutamakan kebajikan keluarga guru. Parti UPKO telah menerima permohonan guru-guru dari Sabah yang sudah mendirikan rumah tangga agar dipindahkan. Kalau bukan ditempatkan di tempat isteri atau suami mereka bertugas, sekurang-kurangnya di negeri yang sama. Kementerian seharusnya meluluskan perpindahan penempatan ini terutama mereka yang sudah bertugas sekurang-kurangnya dua tahun agar kebajikan dan kebahagiaan keluarga lebih terjamin.

Janganlah membiarkan, contohnya, si isteri yang sedang sarat hamil, bertugas di Limbang, Sarawak manakala si suami bertugas di pedalaman Sabah. Kalau boleh saya mohon memberikan butiran satu kes seperti ini kepada kementerian selepas ini di mana permohonan seorang pendidik tidak mendapat kelulusan daripada kementerian.

■1900

Saya juga mohon agar kementerian memberikan butiran berapa ramai kah guru-guru dari Sabah yang terpisah daripada isteri mereka kerana masalah penempatan? Saya faham mungkin penempatan mereka dibuat sebelum mereka berkahwin, namun bukanlah alasan untuk mengekalkan mereka di penempatan mereka sekarang terutama sekali mereka yang memohon untuk dipindahkan atas alasan keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak membangkitkan isu Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi atau MOSTI. Seperti yang kita semua tahu dalam Dewan yang mulia ini, dalam Bajet 2013 di bawah fokus ketiga iaitu membudayakan inovasi meningkatkan produktiviti, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menekankan pembangunan inklusif yang mana inovasi akan terus diperkukuh dan di arus perdana dalam semua sektor dan segenap lapisan masyarakat ke arah menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Inisiatif ini akan diterajui oleh MOSTI dengan kerjasama Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Soalan saya, apakah kumpulan sasaran program inovasi inklusif ini dan bagaimanakah MOSTI mengenal pasti inovasi yang telah dihasilkan oleh masyarakat akar umbi serta membantu mereka mengkomersialkan hasilan inovasi tersebut?

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai pembangunan infrastruktur asas yang masih daif di kawasan pedalaman khususnya di Sabah. Sebagai contoh, jalan-jalan kampung dan jalan ke kebun pekebun kecil atau kawasan pertanian masih lagi dalam keadaan tanah merah yang menyukarkan pekebun kecil mengangkut hasil pertanian untuk dipasarkan. Di sini saya mohon mencadangkan agar jalan-jalan ke kebun ini di naik taraf dan diberi peruntukan yang lebih besar bagi memudahkan hasil mahsul pekebun kecil mudah diangkut dan dipasarkan. Soalan selanjutnya, apakah perancangan untuk membina atau menaik taraf jalan-jalan di kawasan Parlimen Tenom pada tahun hadapan?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum, begitu juga impian bagi suku kaum Murut di negeri Sabah ingin menjadikan bahasa Murut dicadangkan diajar di sekolah-sekolah kerajaan sebagai bahasa warisan seperti mana bahasa Kadazan Dusun. Tuan Yang di-Pertua, pengajaran bahasa Murut di sekolah adalah salah satu permintaan masyarakat Murut dan para pemimpin masyarakat Murut di negeri Sabah.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar peruntukan dana untuk Projek Rintis Pengajaran Bahasa Murut yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada perayaan Tadau Kaamatan peringkat nasional di Keningau pada bulan Jun yang lalu disalurkan segera pada Pusat Bahasa Murut. Dengan demikian, ia boleh membantu penyediaan buku rujukan, alat bantu mengajar dan kos berkaitan kamus pelajar untuk pelaksanaan projek rintis di kawasan Dewan Undangan Negeri Melalap dan di kawasan Dewan Undangan Negeri Kemabong dalam Parlimen Tenom yang telah bermula pada bulan November baru-baru ini. Projek Rintis ini dijalankan selama setahun dan akan berakhir pada November 2013.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya ialah mengenai penggunaan ‘bin’ dan ‘binti’. Kalau di Semenanjung, kita dapat dengar anak lelaki, anak perempuan, di Sarawak pun begitu. Di Sabah, ada ‘bin’ dan ada ‘binti’ dan penggunaan perkataan ‘bin’ dan ‘binti’ dalam surat lahir dan kad pengenalan. Bagi penduduk negeri Sabah dan Semenanjung hendaklah di tafsir secara berasingan, kerana di Sabah, kebanyakan yang menggunakan ‘bin’ dan ‘binti’ tidak semestinya di kalangan mereka yang beragama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar para pegawai dari Jabatan Pendaftaran Negara ini lebih peka dan prihatin apabila seseorang pemohon memohon kad pengenalan yang baru, haruslah meneliti permohonan mereka sesuai dengan Perlembagaan Negara mengenai kebebasan beragama. Saya juga mencadangkan agar sesiapa sahaja yang telah disalah tafsir itu dibenarkan membetulkan kesilapan itu dengan secepat mungkin dan tanpa kerenah birokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membawa satu perkara mengenai isu prinsip-prinsip baru pengisian jawatan guru besar di sekolah rendah dan pengetua sekolah menengah di Kementerian Pelajaran Malaysia dalam Pekeliling PKM Bil.13, Tahun 2009. Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan satu pekeliling di mana prinsip baru pengisian jawatan guru besar di sekolah rendah dan menengah ini melibatkan beribu-ribu orang di seluruh negara. Mereka sebenarnya adalah guru-guru sekolah rendah yang berpengalaman tetapi belum mendapat ijazah. Setelah mereka mendapat ijazah, mereka dilantik dalam Gred DG41. Apabila mereka telah mendapat Gred DG41, mereka tidak diberi peluang menjawat jawatan guru besar. Alasannya ialah bukan itu laluan kerjaya mereka, mereka harus pergi ke sekolah atau yang setaraf dengan gred baru itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetengahkan perkara ini sebab ramai guru-guru di Sabah yang terlibat mengenai masalah ini sebab mereka terlewat pergi melanjutkan pelajaran ke universiti dan mereka ingin bertahan di sekolah rendah dan ingin menjadi guru besar yang dapat mencemerlangkan sekolah masing-masing.

Persoalannya di sini iaitu apakah Kementerian Pelajaran Malaysia tidak memberikan pertimbangan kepada pegawai-pegawai yang terlibat agar diberi peluang menjawat jawatan guru besar selepas mereka tamat pengajian di universiti?

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya ingin menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menangguhkan Dewan kita pada hari ini, saya ingin memperingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa esok hari Khamis 13 Disember, pihak-pihak kementerian akan mula menjawab mengikut giliran masing-masing. Begitu juga pada hari Isnin, 17 Disember.

Oleh yang demikian, saya minta agar semua Ahli Yang Berhormat mana mungkin beradalah di dalam Dewan semasa kementerian-kementerian menjawab supaya dapat mendengar segala jawapan-jawapan kepada semua soalan yang telah Ahli-ahli Yang Berhormat kemukakan selama lima hari yang lepas berkenaan dengan rang undang-undang Bajet 2013. Oleh itu, saya mohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat lah ya.

Dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 13 Disember 2012.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.09 malam.]